



DR 9 TAHUN 2014  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA

LAPORAN  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

**PENGURUSAN LOJI INSINERATOR**

- KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN &  
KERAJAAN TEMPATAN-





**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>
1.	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Pengurusan Loji Insinerator	1
2.	Pandangan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	21
3.	Agenda Mesyuarat	
	a. Bilangan 7/2013 pada Selasa 3 Disember 2013	25
	b. Bilangan 3/2014 pada Khamis 23 Januari 2014	26
4.	Laporan Prosiding	
	a. Bilangan 7/2013 pada Selasa 3 Disember 2013	
	b. Bilangan 3/2014 pada Khamis 23 Januari 2014	
5.	Dokumen-dokumen Pembentangan	



**LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA  
WANG NEGARA**



# **LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) TERHADAP PROJEK LOJI INSINERATOR**

## **1. LATAR BELAKANG**

Kajian Audit terhadap projek loji insinerator telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2012, Siri 2, yang telah dibentangkan di Parlimen pada 1 Oktober 2013. Isu pembinaan 5 loji insinerator iaitu di Pulau Pangkor, Pulau Langkawi, Cameron Highlands, Pulau Tioman dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan kos keseluruhan berjumlah RM187.74 juta ini telah mendapat liputan daripada media massa dan pelbagai reaksi dari masyarakat umum. Ini susulan daripada prestasi fizikal projek yang kurang memuaskan. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah memanggil Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Ketua Pengarah (KP) Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) pada 3 Disember 2013. Selanjutnya PAC memanggil semula Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Ketua Pengarah (KP) Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) berserta penjawat awam lain seperti Ahli Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan yang terlibat semasa proses perancangan pembinaan loji insinerator dalam Mesyuarat PAC Bilangan 3/2014 pada 23 Januari 2014.

## **2. OBJEKTIF PERBINCANGAN OLEH JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

PAC telah membincangkan isu berkaitan Projek Loji Insinerator oleh KPKT yang telah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2012, Siri 2. Fokus perbincangan adalah mengenai kelemahan pengurusan projek loji insinerator dan tindakan yang perlu diambil bagi memperbaiki masalah yang telah dibangkitkan.

### **3. SKOP DAN METODOLOGI**

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a) Menjemput Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2012, Siri 2;
- b) Memanggil pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti pengurusan projek loji insinerator iaitu KSU dan pegawai daripada KPKT; KP dan pegawai dari JPSPN; dan Ahli Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- c) Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan; Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancang Ekonomi untuk hadir bersama.

### **4. HASIL PERBINCANGAN**

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) kepada PAC mengenai isu yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012, Siri 2. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KPKT dan JPSPN dipanggil memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:



## **4.1. Penjelasan Awal Oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)**

### **4.1.1. Sesi PAC Bilangan 8/2013 Pada 03 Disember 2013**

- a. Pengauditan yang dijalankan adalah mengenai Pengurusan Projek Loji Insinerator yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan yang telah dibentangkan dalam LKAN Tahun 2012, Siri 2 (Perenggan 15) pada 1 Oktober 2013. Kajian ini telah melalui proses *engagement* yang secukupnya sebagaimana yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pengauditan Prestasi berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* yang diterima pakai oleh Jabatan Audit Negara.
- b. Objektif pembinaan loji insinerator seperti yang telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Sisa Pepejal Dan Alam Sekitar, Bilangan 2 tahun 2006 adalah untuk menyelesaikan masalah pengurusan sisa pepejal di pulau-pulau peranginan di Malaysia. Mesyuarat Kabinet telah bersetuju untuk menggunakan teknologi tempatan yang ditawarkan oleh Syarikat XCN Technology Sdn. Bhd. berdasarkan kepada projek insinerator yang dibina untuk Majlis Perbandaran Terengganu, Perwaja Steel dan usaha sama dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Bagaimanapun, loji insinerator Majlis Perbandaran Terengganu telah ditutup pada tahun 1999 dan projek usaha sama dengan UiTM Shah Alam itu ditutup pada tahun 2008. Namun tiada maklumat berkenaan tarikh loji di Perwaja Steel mula berhenti beroperasi. Ini menyebabkan penilaian terhadap keberkesanan teknologi tersebut tidak dapat

dibuat. Perkara ini bercanggah dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet untuk mempertimbangkan teknologi tempatan yang telah terbukti keberkesanannya.

- c. Hasil daripada keputusan tersebut, kontrak secara rundingan terus telah dibuat untuk pembinaan 4 loji insinerator di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Cameron Highlands dan Pulau Tioman. Satu projek penambahbaikan Thermal Oxidation Plant (TOP) di Wilayah Persekutuan Labuan juga telah dibuat secara rundingan terus. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1**  
**SENARAI PROJEK LOJI INSINERATOR YANG DIAUDIT**

NEGERI	NAMA PROJEK	NO. KONTRAK	KAPASITI (Tan/Sehari)	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Kedah	Pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi	KPKT/CPPP/JPSPN/2/1/2008	100	68.40
Perak	Pembinaan Loji Insinerator Pulau Pangkor	KPKT/CPPP/JPSPN/4/1/2008	20	20.34
Pahang	Pembinaan Loji Insinerator Pulau Tioman	KPKT/CPPP/JPSPN/10/1/2008	15	22.80
	Pembinaan Loji Insinerator Cameron Highlands	KPKT/CPPP/JPSPN/10/2/2008	40	42.20
W.P. Labuan	Penambahbaikan <i>Thermal Oxidation Plant</i> (TOP) W.P. Labuan, Ranca-Ranca (Projek Telah Diberhentikan)	KPKT/CPPP/JPSPN/14/1/2008	50	34.00
	Pembinaan Loji Insinerator W.P. Labuan, Bukit Kalam. (Projek Gantian Kepada Projek Penambahbaikan TOP)*	-	100	-
<b>JUMLAH</b>				<b>187.74</b>

*Nota : (\*) - Belum Mula, Bagaimanapun Kelulusan Rundingan Terus Kepada XCNT Telah Dibatalkan Pada 25 Januari 2013*

- d. Pengauditan yang dijalankan terhadap Projek Loji Insinerator dan penemuan yang telah dilaporkan dalam LKAN Tahun 2012, Siri 2, adalah:
- i. **Kelemahan Di Peringkat Perancangan Pemilihan Teknologi Dan Pemilihan Kontraktor, Syarikat XCN Technology Sdn Bhd (XCNT).**

- Teknologi dipilih hanya berpandukan kepada kertas cadangan XCNT yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan.
  - Kertas kerja tersebut menyatakan XCNT pernah membina loji insinerator untuk Majlis Perbandaran Terengganu, Perwaja Steel dan projek usaha sama dengan UiTM Shah Alam. Bagaimanapun loji insinerator Majlis Perbandaran Terengganu telah ditutup pada tahun 1999 dan projek usaha sama dengan UiTM Shah Alam ditutup pada tahun 2008, manakala tiada maklumat berkenaan tahun loji berhenti beroperasi di Perwaja Steel. Ini menyebabkan keberkesanan loji-loji tersebut tidak dapat dinilai.
  - Walaupun begitu, Ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan yang terdiri daripada pakar-pakar seperti Prof. Dr. Rozainee Taib dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Dr. Sivapalan Katsiravale, Principal Analyst, Emerging Technology, Malaysian Industry-Government Group of High Technology (MiGHT) telah memberi sokongan supaya teknologi tersebut diberi peluang untuk digunakan.
- ii. **Loji Insinerator Lewat Siap Dan Lewat Beroperasi**
- Hanya Loji Insinerator Cameron Highlands dapat disiapkan dalam tempoh *Extention Of Time (EOT)* namun belum beroperasi dengan kelewatan selama 518 hari dari tarikh siap.
  - Projek di Pulau Langkawi telah lewat siap selama 104 hari dari tempoh EOT dan belum beroperasi.

- Projek di Pulau Tioman masih belum siap dengan kelewatan selama 330 hari dari tarikh EOT.
- Hanya Loji Insinerator Pulau Pangkor sahaja yang sudah beroperasi. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 2  
KELEWATAN MENYIAPKAN PROJEK**

NAMA PROJEK	TARIKH SIAP ASAL (a)	BIL. PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA (b)	TEMPOH LANJUTAN MASA (Hari) (c)	TARIKH TAMAT PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA (d)	TARIKH SIAP SEBENAR (e)	KELEWATAN (Hari) (f) (e) - (d)	JUMLAH LAD (RM) (g)
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi, Kedah	17.03.2010	3	693	08.02.2012	22.05.2012	104	1,316,016
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak	17.09.2009	2	240	15.05.2010	30.06.2010	46	173,068
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Tioman, Pahang	14.08.2010	3	666	10.06.2012	Belum Siap	*330	**1,391,940
Pembinaan Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang	14.02.2010	3	533	01.08.2011	01.08.2011	-	-

*Nota : (\*) - Dikira Sehingga 6 Mei 2013*

*(\*\*) - KPKT Akan Mengenakan LAD Sejumlah RM1,391,940 Bagi Tempoh 11 Jun 2012 Hingga 6 Mei 2013*

- Susulan yang dibuat oleh pihak Audit pada 22 April 2014 mendapati status operasi loji insinerator adalah seperti berikut:

**JADUAL 3  
KELEWATAN LOJI INSINERATOR BEROPERASI**

NAMA PROJEK	TARIKH SIAP SEBENAR	TARIKH BEROPERASI	KELEWATAN BEROPERASI (Hari)
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi, Kedah	22.05.2012	06.02.2014	625
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak	30.06.2010	04.04.2012	642
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Tioman, Pahang*	-	-	-
Pembinaan Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang	01.08.2011	24.03.2014	966

*Nota : (\*) - Tarikh Testing & Commissioning (T&C) Incinerator Pulau Tioman 16 - 17 Mei 2013  
Proses pelantikan operator untuk loji di pulau tioman diperingkat akhir*

iii. **Loji Insinerator Tidak Berfungsi Seperti Mana Yang Telah Ditetapkan**

- Berdasarkan teknologi yang digunakan, loji insinerator boleh beroperasi secara *autogenous* iaitu tanpa menggunakan bahan bakar (diesel) secara berterusan apabila suhu pembakaran pada tahap 850°C serta kualiti sisa pepejal perlu memenuhi parameter purata *calorific value* (cv) 1,300kcal/kg dan 50% hingga 70% *moisture content*.
- Syarat *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan Kelulusan Bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pula menetapkan loji rawatan *thermal* sisa pepejal hendaklah beroperasi pada julat suhu 850°C hingga 1,000°C.
- Berdasarkan piawaian antarabangsa, insinerator berupaya untuk mengurangkan berat sisa pepejal perbandaran kepada 15% hingga 20% daripada berat asal.
- Bagaimanapun, berdasarkan teknologi insinerator yang dicadangkan oleh XCNT dan ditetapkan dalam spesifikasi kontrak, loji insinerator XCNT mampu mengurangkan berat sisa pepejal kepada 6%. Namun analisis Audit mendapati syarat-syarat seperti julat suhu dan penghasilan *output* tidak dipatuhi sepenuhnya. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

**JADUAL 4**  
**PURATA SUHU OPERASI LOJI INSINERATOR PULAU PANGKOR**

BULAN (Tahun 2012)	PURATA SUHU (°C)	
	PRIMARY CHAMBER (Rotary Kiln)	SECONDARY CHAMBER
April	TM	TM
Mei	806	729
Jun	TM	TM
Julai	931	697
Ogos	TM	TM
September	833	746

**Nota: (TM) - Tiada Maklumat**

**JADUAL 5  
ANALISIS PENGHASILAN OUTPUT (BOTTOM ASH)**

BULAN (Tahun 2012)	BERAT SISA PEPEJAL DIBAKAR (kg)	OUTPUT (BERAT BOTTOM ASH)			LEBIHAN OUTPUT		
		SEPATUTNYA	SEBENAR		KG [(b) - (a)] (c)	(% [(c/a) x 100%]	
		KG (a)	KG (b)	(%)			
April							
		TM					
Mei	207,440	12,446	39,340	19	26,894	216.1	
Jun	168,136	10,088	38,830	23	28,742	284.9	
Julai	206,546	12,393	67,780	33	55,387	446.9	
Ogos							
		TM					
September	312,610	18,757	73,000	23	54,243	289.2	

*Nota : (TM) – Tiada Maklumat (Laporan Operasi Harian Dan Bulanan Tidak Dikemukakan Kepada Pihak Audit Dengan Lengkap)*

**iv. Projek Penambahbaikan *Thermal Oxidation Plant* (TOP) Pula Telah Diberhentikan**

- Proses timbang tara dengan kontraktor asal masih belum selesai dan menyebabkan Kerajaan membelanjakan sejumlah RM33 juta untuk projek yang tidak dapat digunakan.

**v. Beberapa Syarat EIA Tidak Dipatuhi**

- Syarat-syarat EIA yang tidak dipatuhi sepenuhnya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6  
PEMATUHAN KEPADA SYARAT PENILAIAN KESAN ALAM SEKELILING (EIA)**

SYARAT EIA	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS AUDITI
Pemasangan <i>Continous Emission Monitoring System</i> (CEMS) perlu dihubungkan secara terus dengan JAS Negeri bagi pemantauan terhadap pelepasan gas secara <i>real time</i> .	CEMS bagi 3 loji insinerator yang telah siap iaitu di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan Cameron Highlands masih belum dapat disambungkan secara terus dengan JAS Negeri.	<i>CEMS telah disambungkan ke JAS Perak dan melalui perbincangan bersama pihak XCNT pada 14 Jun 2013, CEMS telah berfungsi. Bagaimanapun, pihak XCNT telah memaklumkan bahawa terdapat masalah paparan data habuk/kumin pepejal disebabkan masalah teknikal iaitu 'probe' yang digunakan berkemungkinan tidak sesuai dengan operasi semasa loji tersebut. Pihak XCNT diminta untuk menyediakan jadual pelaksanaan bagi menyelesaikan masalah tersebut dan mengemukakan laporan status CEMS sepanjang bulan Jun 2013 selewat-lewatnya 5 Julai 2013.</i>

SYARAT EIA	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS AUDITI
Sistem Kawalan Pengaliran Leachate	Berdasarkan laporan T&C, <i>leachate</i> melimpah keluar dan tidak disalurkan dengan sempurna ke dalam parit <i>waste water</i> sebelum diproses di <i>Waste Water Treatment System</i> di Loji Insinerator Pulau Langkawi. Lawatan Audit ke tapak loji mendapati sistem kawalan <i>leachate</i> di <i>waste bunker</i> adalah tidak sempurna kerana tiada <i>bund</i> serta lubang saluran <i>leachate</i> yang kecil.	<i>Kontraktor telah membina bund untuk mengawal pengaliran leachate melimpah keluar daripada waste bunker. Parit waste water juga telah ditambah baik.</i>
Seni Landskap Berciri Estetik Bagi Mengurangkan Impak Visual	<p>Sejumlah RM336,930 telah diperuntukkan dan dibayar bagi kerja landskap di projek Loji Insinerator Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Cameron Highlands dan Pulau Tioman.</p> <p>Lawatan Audit mendapati tiada landskap berunsur estetik di 4 projek tersebut. Bagaimanapun <i>turfing</i> telah dibuat kerana butiran terperinci bagi skop kerja landskap tidak dinyatakan di dalam <i>Bill Of Quantity</i> seperti jenis dan bilangan tumbuhan yang perlu ditanam.</p> <p>Kerja landskap ini tidak mengambil kira syarat EIA yang menghendaki seni landskap berciri estetik bagi mengurangkan impak visual.</p>	<i>KPKT memaklumkan perkara ini berlaku kerana keperluan syarat EIA tidak selaras dengan kelulusan Pelan Landskap oleh Pihak Berkuasa Tempatan kerana projek dilaksanakan berdasarkan kepada skop kontrak sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Bagaimanapun, kerja-kerja penanaman pokok bagi kerja landskap telah siap dilaksanakan oleh kontraktor.</i>
Ujian Toxicity Characteristic Leaching Procedure (TCLP)	<p>Tiada bukti ujian TCLP bagi <i>bottom/fly ash</i> dibuat oleh operator bagi Loji Insinerator Pulau Pangkor.</p> <p><i>Bottom ash</i> yang terhasil dilupuskan di tapak pelupusan (landfill) bersebelahan Loji Insinerator Pulau Pangkor walaupun kandungan toksiknya belum diuji.</p> <p><i>Fly ash</i> pula dikumpulkan dalam <i>giant bag</i> dan disimpan sementara di ruang <i>baler station</i> sebelum dihantar ke pusat pelupusan berdaftar di Port Dickson.</p>	<i>JAS memaklumkan, berdasarkan Laporan TCLP Loji Insinerator Pulau Pangkor yang dikemukakan oleh kontraktor mendapati buangan bottom ash dan fly ash oleh loji ini dikategorikan sebagai buangan terjadual dan kod SW104 di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Oleh itu, kedua-dua ash tersebut hendaklah dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh JAS.</i>

## Ulasan Audit:

Pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara terhadap Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) adalah berdasarkan 5 projek loji insinerator yang telah dibina oleh KPKT. Hasil penemuan menunjukkan wujud kelemahan dalam pengurusan loji insinerator yang memerlukan tindakan lanjut

pihak KPKT dan JPSPN untuk memantau prestasi pengurusan pembinaan dan operasi loji insinerator dengan teliti.

**Jawapan KPKT dan JPSPN:**

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada KPKT dan JPSPN berkaitan isu-isu yang telah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2012, Siri 2, secara umumnya KPKT dan JPSPN tidak bersetuju dengan penemuan Audit tersebut.

#### **4.2. Keterangan Oleh Ketua Setiausaha (KSU) KPKT dan Ketua Pengarah (KP) JPSPN**

##### **4.2.1. Sesi PAC Bilangan 8/2013 Pada 03 Disember 2013**

- a. YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak (KSU KPKT) menjelaskan pada tahun 2006 KPKT telah mengenal pasti pengurusan sisa pepejal yang tidak sistematik serta tidak *sanitary* di pulau-pulau peranginan. Ia telah mengakibatkan banyak pencemaran alam sekitar. Bagi menyelesaikan masalah ini, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Bilangan 2 tahun 2006 pada 21 Ogos 2006 telah memutuskan untuk membina loji insinerator di pulau-pulau peranginan dan tanah tinggi. Pada 28 Februari 2007 dan 7 Mac 2007 pula, Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan telah membincangkan dan menilai cadangan teknologi insinerator berdasarkan *rotary kiln* dan memutuskan teknologi ini akan digunakan di Pulau Pangkor, Pulau Langkawi dan Pulau Tioman.
- b. YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahya (Ketua Pengarah JPSPN) memberi keterangan berkaitan isu yang dibangkitkan seperti berikut:



**i. Status Terkini Bagi Pembinaan Dan Operasi Loji Insinerator**

- Loji insinerator Pulau Pangkor telah beroperasi sejak April 2013.
- Operator loji insinerator Pulau Langkawi dilantik pada 1 Ogos 2013 dan akan beroperasi mulai 15 Disember 2013.
- Loji insinerator Cameron Highlands baru mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk lantikan kontraktor pada 12 November 2013.
- Pulau Tioman pula masih dalam proses T&C dan apabila proses ini selesai, rundingan akan dibuat dengan kontraktor (Sumur Mutiara Sdn. Bhd.) untuk kontrak operasi.
- Kelewatan beroperasi di Pulau Langkawi bukan disebabkan masalah teknologi tetapi kelewatan melantik kontraktor.
- Kontraktor (XCNT) dilantik sebagai operator untuk 2 tahun supaya operasi loji lebih mantap dan semua keperluan dapat dipatuhi. Selepas itu, kontrak operasi loji akan dilaksanakan secara tender terbuka.

**ii. Justifikasi Pemilihan Teknologi Dan Kontraktor**

- Teknologi berkonsepkan *rotary kiln* yang diguna pakai merupakan penambahbaikan terhadap teknologi sedia ada dan ia telah dinilai secara *on paper* sahaja oleh Jawatankuasa Penilaian Teknologi Sisa Pepejal Kebangsaan yang dianggotai oleh *independent expert* dari semua universiti di Malaysia termasuk jabatan yang berkaitan.
- Pihak Kementerian tidak mempunyai maklumat berkaitan justifikasi pemilihan teknologi berdasarkan projek prototaip di Kuala Terengganu dan tidak mengetahui perkara berkaitan kegagalan projek tersebut yang menyebabkan syarikat

pembuat loji tersebut menghadapi tuntutan saman daripada mahkamah. Bagaimanapun kenyataan mengenai projek tersebut ada dibentangkan dalam Jawatankuasa Penilaian Teknologi Sisa Pepejal Kebangsaan serta Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet.

- Bagi pemilihan kontraktor pula, pihak KPKT memaklumkan pada awalnya XCNT telah dilantik sebagai kontraktor untuk keempat-empat projek namun untuk Loji Insinerator di Cameron Highlands dan Pulau Tioman, Syarikat Sumur Mutiara telah membuat rayuan untuk diberi peluang menjadi kontraktor tersebut namun masih menjadikan XCNT sebagai *technology provider*. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 7  
KONTRAKTOR YANG DILANTIK**

NEGERI	NAMA PROJEK	KONTRAKTOR	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Kedah	Pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi	XCN Technology Sdn. Bhd.	68.40
Perak	Pembinaan Loji Insinerator Pulau Pangkor	XCN Technology Sdn. Bhd.	20.34
Pahang	Pembinaan Loji Insinerator Pulau Tioman	Sumur Mutiara Sdn. Bhd.	22.80
	Pembinaan Loji Insinerator Cameron Highlands	Sumur Mutiara Sdn. Bhd.	42.20
W.P. Labuan	Penambahbaikan <i>Thermal Oxidation Plant</i> (TOP) W.P. Labuan, Ranca-Ranca (Projek Telah Diberhentikan)	XCN Technology Sdn. Bhd.	34.00
<b>JUMLAH</b>			<b>187.74</b>

### iii. Pelaksanaan *Testing and Commissioning* T&C

- Kontrak tidak menyatakan tempoh ia perlu dilaksanakan.
- Tempoh 23 hari hanyalah dinyatakan dalam *Critical Path Method (CPM)*.
- Bagi isu T&C tidak dilaksanakan dengan teratur pula, semasa T&C dilaksanakan semua parameter yang ditetapkan telah dipatuhi.

c. Encik Rahim bin Mohayidin (Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan) telah memberi keterangan berkaitan perkara berikut:

**i. Pembayaran *Material Off-Site* – Projek Penambahbaikan TOP Wilayah Persekutuan Labuan**

- Pembayaran *material off-site* bernilai RM5.07 juta bagi projek penambahbaikan TOP dibuat berdasarkan kepada *purchase order*.
- Pembayaran ini dibuat setelah membuat pindaan ayat-ayat *addendum* kepada syarat kontrak. Pindaan dibuat setelah mengambil kira rayuan daripada kontraktor yang memerlukan modal besar untuk membuat tempahan *purchase order*.
- Kementerian bersetuju pembayaran tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan. Bagi isu pembekalan *material-offsite* tersebut pula, walaupun bayaran telah dibuat tetapi pembekalan tidak dibuat kerana projek penambahbaikan TOP telah ditamatkan.

**4.2.2. Sesi PAC Bilangan 3/2014 Pada 23 Januari 2014**

- a. YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak (KSU KPKT) dan pegawai-pegawai Kementerian menyambung perbincangan yang ditangguhkan pada 3 Disember 2013.
- b. YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahya (Ketua Pengarah JPSPN) sebagai maklum balas daripada teguran PAC pada 3 Disember 2013 memberi keterangan berhubung perkara berikut:

**i. Justifikasi Pemilihan Teknologi Dan Kontraktor**

- Berdasarkan kepada loji R&D yang siap dibina oleh pihak XCNT di kampus Shah Alam pada tahun 2004, pakar-pakar tersebut telah memberi pandangan bahawa Kerajaan perlu

mempertimbangkan dengan serius penggunaan teknologi yang dibangunkan oleh XCNT yang boleh membakar sisa pepejal pada *high moisture content* serta meminta supaya Kerajaan *recognized XCNT a major breakthrough in solid base combustion technology*.

- Susulan daripada laporan tersebut bermulanya di mana Jawatankuasa Pengurusan Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal pada 22 Julai 2006 telah berpandangan XCNT yang membangunkan teknologi tempatan wajar diberi peluang dan pelaksanaan projek berskala kecil yang dirancang oleh Kerajaan pada masa hadapan.
- Selepas itu keputusan Jawatankuasa Penilaian Teknologi ini telah dibawa kepada Jawatankuasa Kabinet Pengurusan Sisa Pepejal Dan Alam Sekitar pada 21 Ogos tahun yang sama yang mana ketika itu Jawatankuasa Kabinet menyatakan bersetuju secara bersyarat bergantung kepada cadangan terperinci berkaitan teknologi dan model kewangan.
- Pakar-pakar ketika itu telah pun menerima cadangan XCNT kerana ia merupakan teknologi tempatan yang telah terbukti bahawa teknologi ini yang telah diputuskan untuk diguna pakai di Pulau Langkawi, Cameron Highlands, Pulau Tioman dan Pulau Pangkor.
- Perkara ini perlu dibawa ke Jawatankuasa Kabinet pada 12 Jun tahun yang sama di mana Jawatankuasa Kabinet telah pun mengambil maklum akan keputusan Jawatankuasa Penilaian Teknologi tersebut.
- Prof. Dr. Rozainee Taib dari UTM yang merupakan salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan menyokong kenyataan KP JPSPN dan menegaskan beberapa siri mesyuarat telah dibuat bagi menilai teknologi tersebut dan berpendapat cadangan penggunaan teknologi ini dibuat

berdasarkan kepada kertas cadangan XCNT yang menyatakan ada membina *pilot project* di UiTM Shah Alam.

- Dr. Sivapalan Katsiravale, Principal Analyst, Emerging Technology MiGHT yang merupakan salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan menyatakan *pilot project* di UiTM Shah Alam telah diubahsuai untuk berupaya merawat sisa pepejal Malaysia dan apa yang dipersembahkan kepada Jawatankuasa menunjukkan ia berfungsi. Atas dasar itu, teknologi ini dicadangkan untuk digunakan.

## ii. Tempoh *Extention Of Time* (EOT)

- Berdasarkan Surat Pekeliling JKR di mana Jawatankuasa EOT perlu ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh pegawai penguasa (Pegarah Cawangan Pemantauan Pembangunan Projek).
- Kementerian telah mempertimbangkan beberapa perkara sahaja yang perlu diberikan penambahan atau EOT.
- **Pertama**, apabila mereka sedang membuat pembinaan insinerator tersebut, satu peraturan baru telah diwujudkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar di mana ia perlu menjalankan penilaian ekonomi yang menyebabkan kontraktor perlu meminta masa tambahan untuk menjalankan kajian tersebut.
- **Kedua**, semasa mereka membina insinerator tersebut, ia adalah berdekatan dengan tapak pelupusan sedia ada di mana kuantiti sampah yang dibuang oleh operator sampah di pusat bersebelahan itu masuk ke dalam kawasan loji. Oleh itu kontraktor terpaksa *divert* kerjanya sedikit untuk membuat *clearance*.
- **Ketiga**, kerja-kerja perobohan sedia ada. Di kawasan itu terdapat *existing building* yang sepatutnya dirobohkan

oleh pihak PBT. Akan tetapi pihak PBT meminta pihak kontraktor merobohkan bangunan-bangunan PBT sedia ada. Disebabkan itu kontraktor telah meminta masa tambahan.

- Selain itu terdapat perubahan VO tingkat bangunan daripada satu tingkat kepada dua tingkat. Semasa pembinaan, KPKT berpendapat kewajaran loji insinerator yang dibina ini menjadi satu tumpuan pembelajaran dari luar, terutama pelajar sekolah dan universiti. Oleh itu tingkat atas difikirkan perlu khas untuk *lecturing theater* dan disebabkan itu pindaan kepada reka bentuk dibuat.

### **iii. Kaedah Pemilihan Kontraktor Bagi Projek-Projek Loji Insinerator Akan Datang**

- Bagi menjawab soalan PAC berkaitan kaedah perolehan di masa akan datang, YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahya mengesahkan tender terbuka akan dipelawa dan memberi peluang kepada teknologi lain untuk bersaing.
- Pemilihan akan dibuat berdasarkan teknologi yang terbaik dan syarikat yang mempunyai status kewangan yang kukuh.
- Bagaimanapun, XCNT masih diberi peluang untuk bersaing.

### **iv. Pengurusan Pengasingan Sisa Pepejal Sebelum Proses Pembakaran**

- Terdapat prosedur dalam kontrak operasi di mana mensyaratkan supaya pihak operator melakukan kerja-kerja pengasingan sisa berbahaya *upfront*.
- Proses kerja-kerja pengasingan tersebut dijalankan secara manual dan automatik.
- Terdapat logam *separator* dan seorang pekerja khas ditugaskan untuk memantau proses pengasingan sisa pepejal.

- Berkaitan perkara yang dibangkitkan mengenai peranan Kementerian dalam menguruskan sisa pepejal dari premis terutama pengasingan barang kitar semula, buat masa ini di negeri-negeri yang mengguna pakai Akta 672 umpamanya di Simpang Renggam, Johor menggunakan kaedah *collection* dua campur satu. Bermakna satu minggu sekali barang kitar semula akan dikutip oleh tiga syarikat. Satu tong hijau disediakan khas untuk sisa basah, makanan dan sebagainya. Barang kitar semula akan dikumpulkan oleh isi rumah dalam beg plastik dan diletakkan di luar tong sampah. Ia akan dikutip oleh kontraktor khas barang kitar semula.

## **5. Rumusan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)**

- 5.1. PAC mendapati Kementerian gagal menjalankan tanggungjawab untuk meneliti cadangan pemilihan teknologi oleh XCNT. Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan hanya menilai teknologi ini berdasarkan cadangan kertas sahaja. Jawatankuasa Penilaian ini tidak membuat “due diligence” dengan lawatan tapak kepada projek rintis di Majlis Perbandaran Kuala Terengganu dan Perwaja Steel serta prototaip di UiTM Shah Alam.
- 5.2. PAC berpandangan, berdasarkan LKAN dan penjelasan Kementerian, di peringkat perancangan pemilihan teknologi, tiada justifikasi kukuh terhadap penilaian kejayaan projek prototaip sebelumnya. Projek di MPKT, Terengganu didapati gagal, Projek di Perwaja Steel pula tiada sejarah rekod dan projek di UiTM Shah Alam hanya membakar kertas sahaja.

- 5.3. PAC mendapati pakar-pakar dalam ahli jawatankuasa Penilaian Teknologi Sisa Pepejal Kebangsaan dari UTM dan Malaysian Industry Government Group of High Technology (MiGHT) gagal menjalankan tanggungjawab untuk meneliti teknologi tersebut. Pakar dari UTM memperakukan cadangan teknologi hanya berdasarkan kertas cadangan XCNT manakala pakar dari MiGHT berdasarkan persembahan kepada jawatankuasa yang menunjukkan teknologi itu berfungsi.
- 5.4 Kerajaan telah membuat keputusan untuk membenarkan perolehan rundingan terus untuk keempat-empat loji insinerator dibina serentak menggunakan teknologi sama yang masih belum dapat dibuktikan.
- 5.5 Keputusan Kerajaan untuk memberi kontrak secara rundingan terus adalah tidak tepat kerana XCNT tidak memiliki teknologi tempatan. Teknologi tersebut dimiliki oleh syarikat Clean Earth Technology Sdn Bhd yang merupakan pemilik saham 49% dalam XCNT dan pembekal teknologi kepada XCNT.
- 5.6. Loji insinerator Pulau Pangkor walaupun dikatakan telah beroperasi secara sepenuhnya namun *efficiency of operation* jauh daripada kepatuhan kontrak sedia ada. Manakala 3 loji lain iaitu di Cameron Highland, Pulau Tioman dan Pulau Langkawi walaupun telah siap, namun PAC masih belum mendapat laporan mengenai prestasi semasa loji berkenaan. Sementara itu, tapak loji di WP Labuan terbengkalai.

PAC juga tidak boleh menerima maklum balas kementerian mengenai kegagalan operasi syarikat XCNT mematuhi kontrak dengan alasan ia mematuhi piawaian antarabangsa.

- 5.7. Pihak kementerian telah membuat pembayaran kepada kontraktor hanya atas dokumen *purchase order* yang



dikeluarkan oleh pihak kontraktor kepada pembekalnya. Bayaran dibuat kepada kontraktor walaupun kontraktor belum membayar pembekalnya dan barang-barang yang dibeli masih belum disiapkan. Ini merupakan pembayaran *improper payment* yang melebihi daripada obligasi kerajaan dalam kontrak. Ia juga tidak mematuhi syarat kontrak dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

5.8 Tempoh kelulusan *extension of time* kepada kontraktor adalah tidak wajar dan sepatutnya mengambil kira elemen kelemahan dalam perancangan di peringkat syarikat tersebut bagi mengelakkan kerugian di peringkat Kerajaan.

5.9 Sistem perolehan di KPKT juga harus ditambah baik untuk mengambil kira keperluan lengkap projek seperti syarat EIA, keadaan dan kesesuaian tapak untuk mengelakkan kejadian Arahan Perubahan Kerja semasa projek dijalankan.

## **6. Syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)**

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, ahli PAC mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:

6.1. Kementerian perlu memastikan loji insinerator yang siap dibina dapat digunakan dan beroperasi mengikut kesesuaian iklim, lokasi, spesifikasi kontrak, tempoh masa yang ditetapkan dan dapat meyakinkan rakyat dan pengguna.

6.2. Kementerian hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap kecuaihan KSU KPKT dan Ketua Pengarah JPSPN, kontraktor XCNT dan pakar Prof. Dr. Rozainee Taib dari UTM dan Dr. Sivapalan Katsiravale Principal Analyst, MiGHT yang terlibat dalam pemilihan teknologi, perancangan dan pelaksanaan projek ini, yang mengakibatkan loji insinerator

gagal disiapkan dan tidak beroperasi mengikut spesifikasi dan tempoh masa yang ditetapkan.

- 6.3. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) serta JPSPN perlu memastikan loji insinerator beroperasi dan mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling dan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan.
- 6.4. Kaedah perolehan secara tender terbuka perlu dilaksanakan dalam perolehan pembinaan dan operasi loji insinerator pada masa hadapan supaya syarikat dan teknologi (*generic technology*) yang berwibawa dan terkini dapat diperoleh.
- 6.5. Kementerian perlu menjadikan isu yang dibincangkan sebagai pengajaran supaya mencapai objektifnya, serta tidak berlaku pembaziran.
- 6.6. Memberi pendidikan dan menyediakan peralatan yang sesuai kepada pengguna dalam mengendalikan dan mengasingkan sisa pepejal dari rumah/premis supaya pengurusan sisa pepejal dapat dijayakan secara total di setiap peringkat isi rumah, pengangkut sampah, pihak berkuasa tempatan dan pengilang. Ia dapat membantu loji insinerator beroperasi dengan lebih baik.
- 6.7. Kementerian perlu mengambil kira elemen kelemahan dalam perancangan di peringkat syarikat (kontraktor) sebelum meluluskan *extension of time* kepada kontraktor, bagi mengelakkan kerugian di peringkat Kerajaan.

### **Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara**

**SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**



**RUMUSAN & SYOR**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

PARA	RUMUSAN & SYOR
5.1.	PAC mendapati Kementerian gagal menjalankan tanggungjawab untuk meneliti cadangan pemilihan teknologi oleh XCNT. Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan hanya menilai teknologi ini berdasarkan cadangan kertas sahaja. Jawatankuasa Penilaian ini tidak membuat “due diligence” dengan lawatan tapak kepada projek rintis di Majlis Perbandaran Kuala Terengganu dan Perwaja Steel serta prototaip di UiTM Shah Alam.
5.2	PAC berpandangan, berdasarkan LKAN dan penjelasan Kementerian, di peringkat perancangan pemilihan teknologi, tiada justifikasi kukuh terhadap penilaian kejayaan projek prototaip sebelumnya. Projek di MPKT, Terengganu didapati gagal, Projek di Perwaja Steel pula tiada sejarah rekod dan projek di UiTM Shah Alam hanya membakar kertas sahaja.
5.3	PAC mendapati pakar-pakar dalam ahli jawatankuasa Penilaian Teknologi Sisa Pepejal Kebangsaan dari UTM dan Malaysian Industry Government Group of High Technology (MiGHT) gagal menjalankan tanggungjawab untuk meneliti teknologi tersebut. Pakar dari UTM memperakukan cadangan teknologi hanya berdasarkan kertas cadangan XCNT manakala pakar dari MiGHT berdasarkan persembahan kepada jawatankuasa yang menunjukkan teknologi itu berfungsi.
5.4	Kerajaan telah membuat keputusan untuk membenarkan perolehan rundingan terus untuk keempat-empat loji insinerator dibina serentak menggunakan teknologi sama yang masih belum dapat dibuktikan.

PARA	RUMUSAN & SYOR
5.5	Keputusan Kerajaan untuk memberi kontrak secara rundingan terus adalah tidak tepat kerana XCNT tidak memiliki teknologi tempatan. Teknologi tersebut dimiliki oleh syarikat Clean Earth Technology Sdn Bhd yang merupakan pemilik saham 49% dalam XCNT dan pembekal teknologi kepada XCNT.
5.6	<p>Loji insinerator Pulau Pangkor walaupun dikatakan telah beroperasi secara sepenuhnya namun <i>efficiency of operation</i> jauh daripada kepatuhan kontrak sedia ada. Manakala 3 loji lain iaitu di Cameron Highland, Pulau Tioman dan Pulau Langkawi walaupun telah siap, namun PAC masih belum mendapat laporan mengenai prestasi semasa loji berkenaan. Sementara itu, tapak loji di WP Labuan terbengkalai.</p> <p>PAC juga tidak boleh menerima maklum balas kementerian mengenai kegagalan operasi syarikat XCNT mematuhi kontrak dengan alasan ia mematuhi piawaian antarabangsa.</p>
5.7	Pihak kementerian telah membuat pembayaran kepada kontraktor hanya atas dokumen <i>purchase order</i> yang dikeluarkan oleh pihak kontraktor kepada pembekalnya. Bayaran dibuat kepada kontraktor walaupun kontraktor belum membayar pembekalnya dan barang-barang yang dibeli masih belum disiapkan. Ini merupakan pembayaran <i>improper payment</i> yang melebihi daripada obligasi kerajaan dalam kontrak. Ia juga tidak mematuhi syarat kontrak dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

PARA	RUMUSAN & SYOR
5.8	Tempoh kelulusan <i>extension of time</i> kepada kontraktor adalah tidak wajar dan sepatutnya mengambil kira elemen kelemahan dalam perancangan di peringkat syarikat tersebut bagi mengelakkan kerugian di peringkat Kerajaan.
5.9	Sistem perolehan di KPKT juga harus ditambah baik untuk mengambil kira keperluan lengkap projek seperti syarat EIA, keadaan dan kesesuaian tapak untuk mengelakkan kejadian Arahan Perubahan Kerja semasa projek dijalankan.
6.  6.1	<p>6. Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, ahli PAC mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:</p> <p>6.1 Kementerian perlu memastikan loji insinerator yang siap dibina dapat digunakan dan beroperasi mengikut kesesuaian iklim, lokasi, spesifikasi kontrak, tempoh masa yang ditetapkan dan dapat meyakinkan rakyat dan pengguna.</p>
6.2.	Kementerian hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap kecuaiian KSU KPKT dan Ketua Pengarah JPSPN, kontraktor XCNT dan pakar Prof. Dr. Rozainee Taib dari UTM dan Dr. Sivapalan Katsiravale Principal Analyst, MiGHT yang terlibat dalam pemilihan teknologi, perancangan dan pelaksanaan projek ini, yang mengakibatkan loji insinerator gagal disiapkan dan tidak beroperasi mengikut spesifikasi dan tempoh masa yang ditetapkan.
6.3.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) serta JPSPN perlu memastikan loji insinerator beroperasi dan mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling dan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan.

PARA	RUMUSAN & SYOR
6.4.	Kaedah perolehan secara tender terbuka perlu dilaksanakan dalam perolehan pembinaan dan operasi loji insinerator pada masa hadapan supaya syarikat dan teknologi ( <i>generic technology</i> ) yang berwibawa dan terkini dapat diperoleh.
6.5.	Kementerian perlu menjadikan isu yang dibincangkan sebagai pengajaran supaya mencapai objektifnya, serta tidak berlaku pembaziran.
6.6	Memberi pendidikan dan menyediakan peralatan yang sesuai kepada pengguna dalam mengendalikan dan mengasingkan sisa pepejal dari rumah/premis supaya pengurusan sisa pepejal dapat dijayakan secara total di setiap peringkat isi rumah, pengangkut sampah, pihak berkuasa tempatan dan pengilang. Ia dapat membantu loji insinerator beroperasi dengan lebih baik.
6.7	Kementerian perlu mengambil kira elemen kelemahan dalam perancangan di peringkat syarikat (kontraktor) sebelum meluluskan <i>extension of time</i> kepada kontraktor, bagi mengelakkan kerugian di peringkat Kerajaan.



# AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- Mesyuarat PAC Bil 7/2013 Pada Selasa 3 Disember 2013
- Mesyuarat PAC Bil 3/2014 Pada Khamis 23 Januari 2014



**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL 7/2013 PADA SELASA 3 DISEMBER 2013  
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN**

<b>TARIKH / HARI / MASA</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT</b>
<b>3 Dis 2013 (Selasa)  10.30 pagi</b>	<b>Pengurusan Loji Insinerator</b>	<b>Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan &amp; Kerajaan Tempatan</b>



**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL 3/2014 PADA KHAMIS 23 JANUARI 2014  
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p><b>23 Januari 2014 (Khamis)</b></p> <p><b>10.30 pagi</b></p>	<p style="text-align: center;"><b>Pengurusan Loji Insinerator</b></p> <p style="text-align: center;"><i>(sambungan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Bil 7/2013 pada Selasa 3 Disember 2013)</i></p>	<p style="text-align: center;"><b>Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan &amp; Kerajaan Tempatan</b></p>



# LAPORAN PROSIDING


- Mesyuarat PAC Bil 7/2013 Pada Selasa 3 Disember 2013
- Mesyuarat PAC Bil 3/2014 Pada Khamis 23 Januari 2014





**Bil.7**

**Selasa  
3 Disember 2013**



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Mengenai:**

**Pengurusan Loji Insinerator**

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL PERTAMA**



---

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 3 DISEMBER 2013

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]  
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Datuk Chua Tee Yong [Labis]  
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]  
YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]

**URUS SETIA**

Encik Che Seman Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]  
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha I (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Ahmad Fauzi bin Mustafa [Pegawai Penyelidik]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]  
Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]  
Puan Nor Sabariah binti Abdul Wahab [Timbalan Pengarah Audit]  
Puan Farida Veerankutty [Juruaudit]  
Puan Nurhani Abdul Manap [Penolong Pengarah]  
Encik Zakaria Md Alip [Penolong Juruaudit]  
Cik Siti Fatimah Rahmat [Penolong Juruaudit]

**Jabatan Akauntan Negara**

Dr. Yacob bin Mustafa [Timbalan Pengarah]

samb/-

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

YBhg. Dato' Amir bin Haji Abd. Hamid [Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan]

**Kementerian Kewangan**

YBhg. Dato' Bukhari Hasan [Setiausaha Bahagian (Kawalan dan Pemantauan)]

Encik Megat Azleen bin Megat Ramli [Timbalan Setiausaha Bahagian Kawalan dan Pemantauan]

Encik Dzulhilmil Zulkarnain [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian (Kawalan & Pemantauan)]

**Unit Perancangan Ekonomi**

Encik Hasan Ismail [Timbalan Ketua Pengarah]

**SAKSI-SAKSI**

**Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak [Ketua Setiausaha]

YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya [Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara]

Encik Rahim bin Mohayidin [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan)]

Puan Noraini binti Abdul Rani [Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan)]

Encik Muhammad Fadly bin Ahmad Usul [Penolong Pengarah

(Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara)]

Puan Wan Marzuliani binti Wan Mohd [Penolong Pengarah]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL PERTAMA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Selasa, 3 Disember 2013****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.43 pagi***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Tuan Pengerusi:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Yang saya hormati Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, Datuk Anwari, pegawai daripada Jabatan Audit Negara, seterusnya pegawai-pegawai dari kementerian-kementerian lain. Selamat pagi saya ucapkan kepada saudara-saudara sekalian dan terima kasih kerana dapat datang kepada mesyuarat kita pada pagi ini. Pada pagi ini kita akan meneliti dan juga mendengar penjelasan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai Projek Loji Insinerator yang telah di *highlight* dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2012, Siri 2.

Jadi, orang pun sudah cukup. Saya rasa Datuk Anwari, kalau boleh Datuk bagi penjelasan.

**10.44 pg.**

**Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Selamat pagi dan Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi PAC, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Timbalan Pengerusi PAC.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, boleh kuat sikit.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Pertama sekali, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli PAC, wakil-wakil daripada kementerian, jabatan, Agensi Pusat. Bersama-sama saya, tim pasukan Audit yang telah menjalankan audit untuk Projek Loji Insinerator.

So, kajian ini telah melalui proses *engagement* yang secukupnya sebagaimana *standard auditing* yang telah dibincangkan dahulu. Saiz dan juga garis panduan *performance* Audit yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara.

So, objektif projek adalah sebagaimana pada 21 Ogos 2006, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Pengurusan Sisa Pepejal dan Alam Sekitar, Bilangan 2 tahun 2006 telah membincangkan tujuan projek pembinaan loji insinerator ini untuk menyelesaikan masalah pengurusan sisa pepejal di pulau-pulau peranginan di Malaysia. Pengarah projek sebagaimana nama di sana.

*[Pembentangan merujuk kepada paparan slaid]*

Bagi kontrak projek pembinaan loji insinerator adalah Pengarah Cawangan Pelaksanaan dan Penyenggaraan Projek (CPPP), Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan.

Pemilik bagi projek ini adalah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Jabatan ini bertanggungjawab untuk mengurus dan mengendalikan operasi loji insinerator apabila siap nanti. Pelantikan kontraktor telah mendapat persetujuan Kementerian Kewangan untuk melaksanakan pembinaan loji insinerator di empat lokasi iaitu di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Cameron Highlands dan Pulau Tioman secara rundingan terus pada 22.6.2007. Pada 22.6.2007, melantik syarikat XCN Technology Sdn. Bhd. untuk membina loji insinerator di Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor. Pada 6.8.2007, Syarikat Sumur Mutiara Sdn. Bhd. bagi projek loji insinerator di Pulau Tioman dan Cameron Highlands.

Pada 3.10.2008, XCNT telah dilantik bagi kerja penambahbaikan *Thermal Oxidation Plant* (TOP) di Ranca-Ranca, Wilayah Persekutuan Labuan. Untuk makluman, projek ini terpaksa diberhentikan disebabkan masalah timbang tara dengan kontraktor asal projek pembinaan TOP. Pada 30.3.2012, KPKT telah mengeluarkan surat niat kepada XCNT untuk melaksanakan pembinaan projek loji insinerator yang baru di Bukit Kalam, Wilayah Persekutuan Labuan. So, untuk makluman Yang Berhormat, loji insinerator di bahagi kepada beberapa komponen. Pertama, tempat sisa pepejal dikumpulkan. Kedua, tempat sisa pepejal diasingkan. Ketiga, tempat sisa pepejal dibakar. Keempat, untuk mengawal hasil pembakaran seperti debu (*ash*) dan pelepasan gas. Di dalam Laporan Audit ada disebut.

Jadi, objektif pengauditan kami adalah untuk menilai sama ada projek loji insinerator telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Skop pengauditan kami adalah meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek loji insinerator. Pengauditan dijalankan di peringkat kementerian, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan PBT yang terlibat.

Pengauditan dijalankan terhadap lima projek loji insinerator dan satu projek gantian. Sebagaimana dalam *report*. Saya baca ya.

Di negeri Kedah, di Langkawi - kapasiti 100 tan sehari, nilai kontrak RM68.4 juta. Di Perak ada dua iaitu di Pulau Pangkor - 20 tan sehari, nilai kontrak RM20.34 juta. Di Tioman - 15 tan sehari – RM22.8 juta. Di Pahang, Cameron Highlands - 40 tan sehari, kos RM42.20 juta. Di Labuan - penambahbaikan TOP Ranca-Ranca, projek telah diberhentikan, 50 tan sehari, kos RM34.00 juta. Satu lagi di Bukit Kalam, kapasiti 100 tan sehari dan projek ini telah dibatalkan pada 25 Januari 2012.

■1050

**Tuan Pengerusi:** Datuk, hendak tanya sedikit, sebelum itu. Jadi Audit yang dibuat ini hanya pada empat *site* ini sahajalah?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Kami pergi ke lima *site*. Cuma yang satu itu tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Daripada segi *overall* punya *reasonableness*, ada kaji semula atau tidak yang perancangan untuk insinerator ini?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Kita ada lihat daripada segi aspek...

**Tuan Pengerusi:** Ada ya? Pasal tadi saya tengok banyak kontraktor yang sendirian berhad. Adakah kontraktor itu kontraktor yang betul-betul menceburi dalam industri ini atau tidak?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Kos keseluruhannya Yang Berhormat, RM187.74 juta. So, metodologi pengauditan sebagaimana yang dilihat di sana. Jadi lawatan kami ke Pulau Pangkor, Pulau Langkawi, Tioman, Cameron Highlands dan juga Labuan. *Team* kami juga sempat ke Singapura untuk melihat dua loji insinerator dan satu tapak pelupusan sampah di sana sebagai *benchmarking*. Rumusannya ada lapan isu yang kita temui.

- (i) prestasi fizikal projek kurang memuaskan dan kesemua empat projek telah diberikan lanjutan masa EOT antara 240 hari hingga 693 hari;

So, dalam analisis Laporan Audit, ada hanya satu projek siap. Dalam tempoh EOT, dua projek lewat 46 hari dan 104 hari, satu projek belum siap. Setakat lawatan kita pada 6 Mei 2013, 300 hari selepas EOT, hanya loji beroperasi, dua belum beroperasi walaupun telah siap. Kelewatan 223 hari hingga 642 hari. Saya sambung,

- (ii) prestasi operasi loji insinerator Pulau Pangkor kurang memuaskan kerana tidak beroperasi secara *autogenous* dan julat suhu yang ditetapkan tidak dapat dicapai serta loji tidak dapat menghasilkan output pada kadar yang ditetapkan;
- (iii) kelemahan dalam pengurusan kontrak operasi dan penyenggaraan loji;
- (iv) projek penambahbaikan TOP Wilayah Persekutuan Labuan terpaksa ditamatkan kerana proses timbang tara yang belum selesai; dan
- (v) kelemahan reka bentuk loji menyebabkan penggunaan tidak optimum.

**Tuan Pengerusi:** Kelemahan reka bentuk?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Kelemahan. So, seterusnya...

**Tuan Pengerusi:** Datuk, kelemahan reka bentuk loji ini adalah kerana disebabkan oleh ketidakpatuhan kepada spesifikasi ataupun barang yang dipasang itu, walaupun ikut spesifikasi tetapi bukan barang yang bermutu tinggi?

**Puan Farida Veerankutty [Juruaudit]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, *actually* barang yang diinstall adalah mengikut spesifikasi tetapi seperti Yang Berhormat Tuan Pengerusi tanya, adakah syarikat ini *pick big one* ataupun sendirian berhad? *Actually* syarikat ini adalah syarikat...

**Tuan Pengerusi:** *My question was,* adakah syarikat ini mempunyai latar belakang dalam bidang insinerator? Itu sahaja.

**Puan Farida Veerankutty:** *Actually,* syarikat ini adalah syarikat baru yang telah mencipta teknologi ini, dan ia telah membawa cadangan ini kepada Kabinet dan telah diputuskan. So, dalam pengalaman ia *quite new* tetapi teknologi ini dicipta sendiri oleh syarikat.

**Tuan Pengerusi:** Ia ada *reference site* mana-mana dalam dunia? *You* kena *check* lain kali-pasal apa...

**Puan Farida Veerankutty:** Ia sebenarnya sendiri. Dia tidak ada *some sort*...

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, kita *guinea pig*. *First*...

**Puan Farida Veerankutty:** *Yes, first in the country.*

**Tuan Pengerusi:** *I know so- in the world.* Ini adalah kerana kalau dia ada *reference site* tempat lain, dia sudah pasang tempat lain dan tempat lain berjalan, saya boleh terima lagi. Kalau kita digunakan sebagai *guinea pig* untuk hendak jadi orang yang *tester* untuk projek mereka ini.

**Puan Farida Veerankutty:** Dia ada buat satu *small projek* di Terengganu *but unsuccessful*.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Ada POC atau tidak?... *A proof-of-concept*...

**Puan Farida Veerankutty:** *A proof-of-concept of the new technology? So far, they do not have. They only have the small project in Terengganu but it seems to be declared* teknologi ini dia punya, *and Cabinet has made a decision at that time to some sort like* kita beri *opportunity to bumiputera to do this project.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Kalau macam selalunya, teknologi baru ini dia bukan ada pergi ke mana. *I thought there is another ministry* yang hendak kena *validate- every meeting that concepts and technology*...

**Puan Farida Veerankutty:** Yang Berhormat, memang *they all have a joint venture with UiTM lecturer.* Macam projek penyelidikan bersama dengan universiti *at small scale but when implement it become a larger scale.*



**Tuan Pengerusi:** Itu yang saya kata tadi. Soalnya sekarang ini, kalau teknologi ini ada- satu hal tetapi yang sebenarnya untuk projek yang *large scale* macam ini, ia perlu ada juga *reference site*. Maksudnya tidak mahu jadi orang pertama yang pakai teknologi ini sebab itu sekarang ini bila kita pakai teknologi ini, dua *side thing*, bukan?

**Datuk Seri Reezal Merican:** Saya hendak mendapatkan penjelasan betul-betul, maknanya *Cabinet sanction*...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Which part of this commercialization of the university... [Gangguan sistem rakaman] Because kita ada this place so-called, commercialization of the project or product design by university. Which part of them?*

**Puan Farida Veerankutty:** *Actually, its like what Yang Berhormat said, is some sort of commercialization of the research project but only that they implemented concurrently everything at one...*

**Tuan Pengerusi:** *So, you mean all these sites pakai teknologi yang sama?*

**Puan Farida Veerankutty:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *Cuma company berbeza.*

**Puan Farida Veerankutty:** *Another one Yang Berhormat, kita tadi nampak ada Syarikat XCNT dan Syarikat Sumur. Syarikat Sumur is like walaupun ia syarikat yang telah diaward but the actual project yang diimplement is by XCNT. So far, the core project is implemented by...*

**Tuan Pengerusi:** *It is same incinerator contractor, ya?*

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** *Satu lagi. Kata di Terengganu ada satu projek gagal- itu decide selepas gagal itu ataupun on-the-spot dua-dua projek ini?*

**Puan Farida Veerankutty:** *You mean Terengganu?*

**Datuk Wee Jeck Seng:** *Terengganu kata gagal. Lepas gagal they award satu lagi...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *I was confused. That mean contractor promoter is Sumur?*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]:** *Lagi dua kontrak dibuat oleh XCNT. Another two yang di Cameron Highlands dan Tioman, itu oleh Sumur tetapi di belakang Sumur ialah XCNT.*

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Adakah they are common shareholders, sister company? Can you relate this two? You do not know- except you know they are from, I mean different or same people.*

**Puan Farida Veerankutty:** *Yang kami dimaklumkan Yang Berhormat is for Pahang, they have to give to Sumur then they will sub con- something like the arrangement. They need to comply with the state requirement.*

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Why, I just want to confirm the sanction, no POC, no proper concept for the project because you kata, this is a first of its kind. Then, the third one is, just like a common operator.*

**Tuan Pengerusi:** *The idea was to commercialized this technology but my issue is, why you give four sites altogether? Either you give one first, and then you test first... [Disampuk] No, the POC ia buat sebab dia kata dia buat benda itu di UiTM. Work together with UiTM. This is...*

**Datuk Seri Reezal Merican:** *The POC is not at the research level. POC at commercialization level too because there are a lot of technology for example, there a lot of new things and changes, when it goes to kementerian, kementerian will require POC. They need to be convince that this things work. That is why I want to know whether there was POC or not.*

**Puan Farida Veerankutty:** *From our Audit findings, we noted that at commercialization, we do not have any evidence to show that POC have been granted but research level memang ada report given to the kementerian.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Ada satu projek di Terengganu some sort of like POC?*

**Puan Farida Veerankutty:** *Because the expert behind that project was the same, kita panggil expert, that is the person yang develop. He is the expert then after Terengganu unsuccessful, then they macam upgrade the teknologi and they bought it...*

■1100

**Tuan Pengerusi:** *Maknanya that Terengganu project was in the Cabinet Paper to justify the project? [Disampuk] No, this is very pertinent question sebab kalau dia sudah ada dia punya first site dia pun gagal, Cabinet should be informed.*

**Puan Nurhani Abdul Manap [Penolong Pengarah]:** *Assalamualaikum, selamat pagi dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi. Mengenai latar belakang pemilihan kontrak ataupun teknologi-okey, macam tadi kita tanya sama ada pernah dicommercialize atau belum, kan. Sebelum projek ini dibawa kepada Kabinet untuk penilaian, company ini dahulu namanya lain, bukan nama XCNT. So, dia pernah diaward oleh Majlis Perbandaran Kuala Terengganu untuk membuat satu small-scale incinerator. Kemudian, dia ada juga lagi satu di Perwaja Steel. Kedua-dua projek ini didapati gagal kerana masalah teknikal dan juga kos operasi yang tinggi. Macam di Terengganu, company ini juga telah dicaj untuk membayar ganti rugi kepada- ada court caselah.*

*Dia kena bayar some of ganti rugi kepada Majlis kerana dia tidak dapat beroperasi seperti yang dijanjikan. Jadi, memang kedua-dua kontrak ini dibawa juga ke Kabinet mengatakan yang company ini pernah membuat loji tetapi gagal. Akan tetapi semasa keputusan Kabinet itu, kita kata untuk memberi peluang kepada teknologi tempatan untuk small-scale incinerator.*

**Tuan Pengerusi:** *So, just to clear it, dalam Cabinet paper ada kata syarikat ini pernah melaksanakan dia punya projek pertama dia dan gagal tapi akhirnya membuat keputusan untuk teruskan juga?*

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Maksudnya, untuk menilai prestasi insinerator yang pernah dibuat, dua insinerator ini, tidak dapat hendak diberi justifikasi kerana telah diberhentikanlah. *So, pada waktu itu loji itu sudah tidak beroperasi lagi. So, dia orang tidak boleh hendak justify sama ada this technology is okay or not. Akan tetapi dia kata untuk small-scale of incinerator, dia bagi peluang untuk— sebab pada waktu itu kita hendak bagi peluang kepada teknologi tempatan, then the only company yang pernah buat is this XCNT.*

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Small-scale itu berapa besar?*

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Kalau mengikut standard, 100 dan ke bawah.

**Datuk Seri Reezal Merican:** *And then the second one, adakah dalam pengetahuan puan, who prepared the Cabinet Paper, who's ministry?*

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Dia sebenarnya dia punya stage yang mengikut kefahaman saya, sebelum mana-mana cadangan teknologi dibawa ke Kabinet, kementerian ada satu Jawatankuasa Teknologi. *So, mereka yang akan- maksudnya sekarang ini, mana-mana company, disebabkan mereka ini sisa pepejal kan, so dia akan ada macam-macam untuk insinerator, untuk pelupusan, so mereka akan masuk ke dalam kementerian melalui satu jawatankuasa and decide all these technologies, so dia akan mencadangkan teknologi masing-masing. Jadi, di situ kementerian akan memutuskan untuk diangkat ke Kabinet. Jadi maknanya, justifikasi penilaian pertama itu di peringkat kementerianlah.*

**Datuk Seri Reezal Merican:** *So finally the Cabinet Paper was put up by KPKT ataupun Jawatankuasa Kabinet?*

**Puan Nurhani Abdul Manap:** KPKT lah yang akan membawa kepada kabinet.

**Datuk Seri Reezal Merican:** KPKT ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *Actually Tuan Pengerusi, saya pun pernah membuat research juga. Apabila saya mendengar tentang ini, saya pun nak pengsan dah. Saya nak pengsan dah. Macam mana Kabinet kita boleh membuat macam itu, macam mana? Ini tidak standardlah. Akan tetapi tidak ada kena mengena dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebelum dia, tahun 2006 itu, tahun 2007... [Ketawa]*

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Akan tetapi just for a benefit of doubt, you kena tengok from two perspectives. Satu, the Cabinet decision. Satu lagi, whether or not the Cabinet Paper itu mislead or not. Sebab itu I tanya, who prepared? That is my alibi... [Ketawa] So, don't say anything please... [Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini projek yang diberikan kepada XCNT itu untuk Pangkor dan Pulau Tioman dan kepada Sumur Mutiara iaitu...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Di mana?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Pulau Tioman.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tioman dan Cameron ya. Dan XCNT itu Pangkor dan... *[Disampuk]* Oh, Langkawi. Saya pun tidak boleh menerima kerana XCNT dan Sumur itu sama sahaja. Di situlah masalah kita bermula.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, yang pentingnya sekarang ini kita hendak *establish* itu sahaja. Nombor satu, perkara ini dibawa oleh Kabinet, *paper* diangkat daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ada *statement* kata dia orang pernah buat *pilot project* dan *pilot project* ini gagal. Yang kata *court case* itu ada sebut?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** *Court case* itu tidak, kami cari sendiri. Kami cari daripada ini, so kita mendapati- kita hendak tahu juga semasa buat proses pengauditan itu, kenapa *these two incinerators* sudah diberhentikan. So kita mendapati alasan yang pertama- kita pun ada membuat *confirmation* dengan Majlis sendiri dan dia *refer*, dia kata diberhentikan kerana kos operasinya sangat tinggi. Kemudian bila kita *check* nama *company* itu, kita mendapati dahulu nama *company* ini lain dan semasa untuk projek Majlis ini, dia ada satu *court case* lah di mana dia kena membayar kalau tidak silap saya dalam RM1.9 *million* untuk- *because of...*

**Tuan Pengerusi:** *Non-performanance...*

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Teknikal.

**Tuan Pengerusi:** *Non-performanance of the...*

**Puan Nurhani Abdul Manap:** *Non-performance of the contract.*

**Datuk Wee Jeck Seng:** Kenapa tukar nama syarikat?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Waktu itu nama syarikat itu lainlah tetapi teknologi itu *is the same technology by...*

**Tuan Pengerusi:** Okey, jadi bila angkat ke Kabinet...

**Puan Nurhani Abdul Manap:** *This information is not ...*

**Tuan Pengerusi:** *I know. But now you say, it is on record you know. You sure about this? Okay. So angkat ke Kabinet, Kabinet maklum mengenai perkara ini except for the court case itulah. Selepas itu, dimaklumkan bahawa syarikat ini gagal dalam pilot project dia. Selepas itu Kabinet membuat keputusan, demi untuk membantu syarikat tempatan, untuk award syarikat ini untuk kontrak itu untuk semua insinerator yang- empat ke lima?*

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Yang sekarang?

**Tuan Pengerusi:** Yang ini?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Empatlah.

**Tuan Pengerusi:** Empat ya. Untuk empat ini dibagi juga demi untuk kepentingan membangunkan teknologi tempatan.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Sebenarnya Tuan Pengerusi, kalau kita ada satu ayat dalam Kertas Kabinet itu, dia kata, keutamaan diberikan kepada kontraktor tempatan yang telah terbukti- ia ada *mentioned* di situ. Ada telah terbukti sebenarnya. *Paper* itu ada, ada perkataan itu.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Kerana kita tidak tahu kemungkinan ada satu ayat di dalam kertas tetapi perhatian Kabinet telah ditarik kepada satu ayat di antara beberapa muka surat. Adakah mereka tahu tentang kegagalan syarikat ini?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Sebab kami pun tidak tahulah macam mana situasi semasa sebab kami hanya berdasarkan Minit Mesyuarat itulah.

**Tuan Pengerusi:** *You* punya *statement* pun *statement fact* ya. *I* tak nak *you* punya *statement* andaian. *This is fact.*

**Puan Nurhani Abdul Manap:** *No, no, kita based on* Minit Mesyuarat Kabinet itu sendiri.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kita hendak tahu sama ada dalam Minit Mesyuarat, syarikat tersebut diumumkan kepada pihak Kabinet bahawa mereka telah gagal sebelum ini?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** *Basically* dia tak *mention* gagallah, dia kata tidak dapat... Maksudnya untuk dua projek yang telah dibuat, tidak dapat dinilai kerana telah diberhentikan.

**Tuan William Leong Jee Keen:** *Misleading the Cabinet?*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *That is misleading.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *I think better look at it* lah Tuan Pengerusi, kalau saya punya pemikiran...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Gagal dan diberhentikan dan tidak dapat dinilai- *is misleading.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Kalau kita dapat tengok Jawatankuasa dahulu, kementerian punya perakuan sebelum diangkat kepada Kabinet itu, apa perakuan kementerian? Kedua, *I am no sure whether we are allowed to look at the Minute of Cabinet Papers..*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *We look at it by AG.*

■1110

**Tuan Pengerusi:** *The issue here is, because this is rundingan terus. That is the issue. I know. That is why I want to link back to the Cabinet Paper, to the ministry. If it was a tender, at least there is more awareness, more information out there to be...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Kalau saya punya bacaan, dia ada dua isu yang berbeza. Satu isu harga. Itu rundingan terus. Akan tetapi *what we are talking*, yang kita bincang sekarang ini...

**Tuan Pengerusi:** Rundingan terus bukan isu harga pun. Isu pemilihan kontraktor itu pun menjadi masalah.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Isu teknologi dan pemilihan kontraktor. Kes ini nampak, *I mean it is quite serious.* Satu, *company* yang langsung gagal diberi peluang untuk membuat empat-empat. Kedua, ada pula hubungan yang sama, *that means, it is just like we are trying to create image to represent public, create another company* tapi yang buat itu *company* yang sama. Dia punya elemen of "*cheating*" ini *is still too strong.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Actually to be honest, it is "hiding" not "cheating".* Sebenarnya kementerian tahu *it is* syarikat yang sama. *To the public maybe it is easier to disguise* kalau ada nama yang tidak sama. *Because, actually it is public information.* You pergi cari SSM, *they will tell you straight away it is the same company.* Akan tetapi bagi pihak Audit, ada bawa atau tidak *paper* yang dibentangkan oleh pihak kementerian kepada Kabinet?

**Puan Farida Veerankutty:** Yang Berhormat, saya ada petikan daripada Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Sistem Pepejal dan Alam Sekitar Bil.2, Tahun 2006, pada 21 Ogos 2006. So, pada "Perkara 5.1.5 - Cadangan Teknologi Insinerator Oleh CXN Teknologi Sdn. Bhd. Mesyuarat berpandangan bahawa teknologi ini wajar disokong kerana ianya dibangunkan sendiri oleh syarikat tempatan. Teknologi ini boleh dipertimbangkan untuk digunakan di pulau-pulau peranginan dan tempat-tempat terpencil." "(c) adalah wajar sekiranya faktor-faktor operasi yang menyebabkan loji insinerator di Terengganu terhenti diambil kira oleh syarikat untuk memantapkan teknologi yang sedang dibangunkan..."

**Datuk Seri Reezal Merican:** *This one report at Jawatankuasa Kabinet. Not Kabinet ya?*

**Puan Farida Veerankutty:** Jawatankuasa Kabinet.

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Jawatankuasa Kabinet comprise of many other ministries.* Betul? *Everybody give the input, but finally the paper will be prepared by KPKT and that is called Cabinet Paper. Cabinet Paper then will be raised to Cabinet Meeting. During which, the approval will be sanction.* Macam mana Petaling Jaya Utara tanya tadi, kita hendak tahu maklumat yang diangkat dalam *Cabinet Paper* itu. *How was the Cabinet Ministers were convince?*

**Puan Farida Veerankutty:** Yang Berhormat, sebenarnya *Cabinet Paper* itu sendiri tidak ada dalam simpanan di sini. *I could not read it out* tapi kami akan *take that and* pergi cari, *then will* maklumkan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ada di pihak Jabatan Audit, ada atau tidak ada?

**Puan Farida Veerankutty:** Yang Berhormat, saya kena *check* nanti, *because..*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tidak tentulah ada.

**Puan Farida Veerankutty:** *I remember* sudah baca, cuma *that part is* dalam fail. Kami akan cuba dapatkan.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Jawatankuasa Kabinet *checked by whom*, JPM atau PM?

**Puan Farida Veerankutty:** PM.

**Datuk Seri Reezal Merican:** PM [*Ketawa*] Tidak lepas juga.

**Puan Farida Veerankutty:** *It is Chaired by our current PM.*

**Tuan Pengerusi:** *Just to confirm*, Jawatankuasa Kabinet yang membincang mengenai hal ini dan membuat *recommendation* itu adalah dipengerusikan oleh Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak waktu dia jadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 2006, ya? okey.

**Datuk Haji Anwar bin Suri:** Nombor enam ini EIA. Syarat EIA tidak dipatuhi sepenuhnya, salah satu isu.

Ketujuh T&C loji insinerator tidak dilaksanakan dengan teratur.

Seterusnya, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Akta Kilang dan Jentera juga tidak dipatuhi sepenuhnya.

Kita pergi *in detail* Yang Berhormat. Untuk pencapaian fizikal projek. Menurut SST, kontraktor-kontraktor perlu menyiapkan kerja pembinaan dalam tempoh 18 atau 24 bulan dari tarikh memilih tapak. Tarikh memilih tapak bagi setiap lokasi adalah seperti ditunjukkan di sana.

*[Merujuk kepada paparan slaid]*

Projek penambahbaikan TOP di Labuan telah ditamatkan pada 20 Mac 2012 disebabkan masalah timbang tara tadi. Projek pembinaan loji di Pulau Langkawi dan di Pulau Pangkor masing-masing disiapkan 104 hari dan 46 hari selepas tempoh lanjutan masa yang diluluskan.

Akibat daripada kelewatan ini pihak kontraktor telah dikenakan ganti rugi tertentu atau ditetapkan, LAD berjumlah RM1.31 juta dan RM173,068 masing-masingnya. Sehingga 6 Mei 2013 loji di Pulau Tioman masih belum disiapkan walaupun tempoh lanjutan masa telah tamat pada 10 Jun 2012, kelewatan 330 hari.

Ini adalah nama-nama projek, tarikh siap asal, bilangan perakuan, kelambatan dan lanjutan masa, tempoh lanjutan masa, tarikh tamat perakuan, kelambatan dan lanjutan masa, tarikh siap sebenar, *delay* dan jumlah LAD yang telah dikenakan. Maklum balas daripada KPKT, telah mengeluarkan Sijil Perakuan Tak Siap Kerja (CNC) pada kontraktor pada 18 Jun 2012 bagi projek loji insinerator di Pulau Tioman dan mengenakan LAD berjumlah RM1.39 juta selama 330 hari bagi tempoh 11 Jun 2012 hingga 9 Mei 2013. Tempoh LAD masih berjalan sehingga kini.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, tidak siap langsung atau tidak mematuhi syarat? Tidak berjalan atau dia tidak mematuhi syarat, yang LAD masih berjalan itu? Maknanya, tidak *deliver* lagi? *[Disampuk]* Surabaya satu lagi isu lagi. Maknanya, kementerian belum dapat *delivery* lagi.

**Puan Farida Veerankutty:** Oleh kerana T&C yang dijalankan gagal. *Consider* tidak siap, *because* dua kali gagal.

**Tuan Pengerusi:** Macam PJU tanya tadi, ada apa-apa *payment* dibuat dalam masa tempoh LAD?

**Puan Farida Veerankutty:** Tidak ada lagi sebab *they give extension of time, but then* dua kali gagal. Sampai kini kami tidak tahu status yang sepatutnya LAD berapa banyak yang dia telah kenakan.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Setakat 31 Disember 2012, tiga loji insinerator yang telah disiapkan telah mengalami kelewatan operasi antara 223 hari hingga 642 hari. Di Pangkor, hanya bermula operasi setelah 642 hari siap dibina.

■1120

Di Pulau Langkawi Cameron Highlands masih belum beroperasi walaupun CPC telah dikeluarkan dengan masing-masing mengalami tempoh kelewatan 223 hari dan 518 hari setakat 31 Disember 2012. So, jadual 15.4 menunjukkan tempoh beroperasi, tarikh siap sebenar, kelewatan beroperasi secara *detail*. *Next*, ini adalah menunjukkan gambar loji *incinerator* telah beroperasi secara rasmi pada 4 April 2012 di Pangkor dan juga di Cameron Highlands belum beroperasi, lawatan kami pada 9 Ogos 2012. So, di dalam Laporan Ketua Audit Negara ada ditunjukkan gambar di Langkawi siap pada 22 Mei 2012, Lawatan Audit oleh pasukan saya pada 5 September 2012, belum beroperasi.

**Tuan Pengerusi:** Saya hendak tanya sedikitlah. Memang sampah itu campak ke situ sahaja?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Sebelum diangkat, dia cedok kah...

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Dia guna...

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi dia *manually* hendak angkat ke atas kepada... itulah?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** *Conveyer belt*.

**Tuan Pengerusi:** *Conveyer belt*, ya.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** So, dia akan letak, kalau Tuan Pengerusi nampak komponen yang biru sebelum *conveyer* itu, maknanya dia akan guna *scale loader* itu, kemudian letak ke dalam itu dan *conveyer* itu akan...

[Merujuk kepada paparan slaid]

**Tuan Pengerusi:** Sampah itu dia campak begitu sahaja?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada kontena, tidak ada pengasingan kah, tidak ada?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Tidak ada.



**Tuan Pengerusi:** Ini macam bakar sampah, saya pun boleh bakar sampah macam ini [Ketawa] Ambil sahaja plastik, semua campak dalam api, bakarlah. Pengawalan- *emission* ada atau tidak?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Ada tetapi ada satu isu lagi yang untuk pengawalan *emission* ini, dipanggil- ia ada sistem CEMS itu, kita akan...

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Chairman seem to know* lah [Ketawa]

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Yang itu untuk EIA punya, alam sekitar punya pematuhan.

**Tuan Pengerusi:** Pasal tadi *you* cakap *failed EIA Report*.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Dia bukan *failed*. Ada beberapa syarat-syarat EIA yang tidak dipatuhi.

**Tuan Pengerusi:** Syarat *compliance* ataupun syarat *emission*- itu yang saya tanya tadi. Kalau macam ini, dia campak plastik, dia campak macam-macam, macam-macam gas yang akan keluar.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Kalau dia punya *filter* itu tidak *capture this emission*, ini pun patutnya EIA tidak boleh *approve*.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Kalau ikut kepada syarat EIA, *emission after the combustion*. Maksudnya pembakaran itu, dia ada satu sistem dipanggil CEMS di situ maknanya ia perlu mematuhi standard-standard yang ditetapkan oleh syarat EIA lah.

**Tuan Pengerusi:** Yang itu ia patuh atau tidak?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Kalau ikutkan untuk Pulau Pangkor sebab satu sahaja telah beroperasi kita ada- okey, pemantauan dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak. Jadi, *latest information* yang kita terima ia memang ada masalah dari segi pemasangan CEMS itu. Maknanya bila sudah beroperasi sistem CEMS itu *is not really function 100%*...

**Tuan Pengerusi:** *So, it releasing poisonous gas into the atmosphere*.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Okey, yang itu kita tidak berani hendak cakap sebab kita tidak tahu dari segi *business* sekarang ini, dari segi sama ada pemantauan *to monitor whether the smoke* itu adakah mematuhi atau tidak. Itu masalahnya sebab CEMS...

**Tuan Pengerusi:** Kalau / tengok ini, dari segi tempat hendak masukkan sampah pun dia campak begitu sahaja maknanya *there is no selection, there is no separation between – at least on the input part* mesti ada *separation*. Ini plastik-plastik, tin-tin dan lain-lain, bukan begitu.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Okey, kalau ikut kepada konsep pembakaran ia, dia mengatakan yang *separation is to separate the recyclable item and also non-combustible- non-combustible* itu maksudnya macam bab-bab item, baki-baki item, barang-barang yang macam berbahaya.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, masa *you* pergi audit itu, *you* tengok atau tidak benda ini?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Kita tengok tetapi...

**Tuan Pengerusi:** Pasal ini / hendak sentuh kepada pengurusan projek dia sendiri daripada kementerian sendiri. Maknanya kalau mereka tidak buat *that part, at the input*, dia *just* ambil semua dan campak dalam *incinerator*. *Incinerator* pun akan rosak. *So no wonder the incinerator not burning properly- that is core of the issue*.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Yang itu kita- ya, kita pun tegur juga, macam mana cara pengasingan sebab dia kata masalah sampah dekat Malaysia ini, ia tidak macam di *oversea*. Jikalau di *oversea* ia telah di *separate* kan di rumah lagi.

**Tuan Pengerusi:** *That is not an issue. When the sampah reach there, you can separate there. It is not the problem. Educating the public is another issue, right?*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tuan Pengerusi, cuma ada satu *separation* yang berlaku atas *conveyer belt* sendiri. Maksudnya apabila sampah bergerak di situ ,ia ada satu magnet macam besi-besi, ia akan *pickup* magnet-magnet dan asingkan. Di hujung *conveyer belt* itu nanti.

**Tuan Pengerusi:** Tahu, itu metal punya sampah. *There is also plastic, there is also a lot of other things* yang kita tidak sangka yang kalau kita bakar, *it can release toxic gas*. Ada orang bakar sofa kah?... Tiada! *[Ketawa]* Jadi, saya sebenarnya hendak halusi isu ini dari segi itulah. Maknanya okey. *Incinerator* itu memang kontraktor sudah *failed*.

Kedua, bila hendak bakar ini pun, pemisahan sampah, pengurusan daripada jabatan itu mantap atau tidak mantap untuk memastikan bahawa sampah yang masuk itu adalah sampah yang sesuai dibakar. Ini kerana kalau masukkan apa-apa sampah pun, ia mungkin akan *effect incinerator burn rate*.

Ketiga, adalah masalah *environmental*- pasal apa, kalau mereka tidak *separate* sampah itu dengan betul-betul maka dia akan bakar dan keluarkan gas yang tidak ditangkap oleh *filter CEMS* punya sistem. Itu tiga perkara yang saya hendak halusilah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, bolehkah beritahu kita, biasanya macam ini. Setelah satu teknologi baru dicipta ia ada *latent period* yang panjang sebelum ia boleh digunakan, diharapkan atau *reliable* mungkin 10 tahun, mungkin atau lebih. Bagi setiap projek yang berjaya, ada banyak yang gagal. Mungkin ini salah satu yang gagal kalau diikuti proses yang baik. Mungkin ya dan kita hendak tahu bila teknologi dicipta, sebab kita menghadapi masalah macam ini, pencipta itu dia agak dia yang terbaik di dunia. Memang macam itu. Tuan Pengerusi pun mungkin macam itu *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Reezal Merican:** Hari ini Yang Berhormat Timbalan Pengerusi lain macam *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jadi, kita hendak tahu.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Okey, kalau hendak kata dicipta. Macam saya katakan tadilah, dekat majlis- yang mula-mula yang kita tahu teknologi ini digunakan semasa di Terengganu kemudian di Perwaja Steel, kemudian dia *stop*.

Kemudian, tahun 2003 dan 2004 ia buat penyelidikan dengan UiTM. Okey, untuk penyelidikan dengan UiTM ini ia mendapat geran di bawah MOSTI. Dia kiranya diberhentikan- ia ada dua *phase* sebenarnya.

Satu, untuk *commercial*, itu berjaya. Akan tetapi untuk satu itu, untuk *emission* maknanya semasa *research* itu diberhentikan iaitu tidak berjaya, ia ada dua sebab. Waktu itu pun untuk satu tan punya sahaja. Yang *research*, untuk yang di UiTM itu.

**Tuan Pengerusi:** Okay, so yang *the original pilot trial* itu di Terengganu, satu tan sampah yang dibakar pun *failed*?

**Puan Farida Veerankutty:** Bukan di Terengganu, di UiTM *itself*.

**Tuan Pengerusi:** Di *site*...

■1130

**Puan Farida Veerankutty:** *It doesn't achieved the desired emissions*. Akan tetapi, masa itu *they all* guna hampas kelapa sawit untuk *test then it is not the actual* sampah yang kita ada. Dalam kajian penyelidikan itu, dia hanya menggunakan hampas sampah, *it is not the actual* sampah kita.

**Tuan Pengerusi:** *No, I am just worried that they used the technology* hendak *dispose of* kelapa sawit punya *waste, to dispose of rubbish* ini.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Okey, okey. Itulah. Maksudnya sekarang ini *information* yang kita ada untuk Majlis- sebab saya ada satu surat *confirmation* daripada Majlis yang mengatakan- sebab sekarang ini kita tidak dapat *check*. Masa kita buat pengauditan pun, kita kalau boleh kita hendak *check* lah, hendak tengok yang teknologi dahulunya macam mana. Akan tetapi, apabila kita dapati, dia kata... [*Membaca petikan berkaitan*] "*Untuk makluman tuan, insinerator telah ditutup pada tahun 1999 dan pegawai yang bertanggungjawab telah bersara dari Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Secara umumnya, loji insinerator ditutup disebabkan kos operasi dan penyelenggaraan yang tinggi berbanding output pengeluaran.*"

So, *basically*, dari segi teknologi, kita tidak tahulah sama ada *the same technology* yang sehingga sekarang. Cuma, yang ini, *this is one of the technology* yang digunakan sebagai asas mengatakan *this company*...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tahun 2003 kah?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** *This is 1999...* [*Disampuk*] Yes, yes. Cuma *the kind of technology* itu, *how advanced it is*, kita tidak tahulah. Cuma *this is one of the project* yang digunakan sebagai asas mengatakan *this company* ada asas dalam pembuatan...

**Tuan Pengerusi:** Dalam hal ini pun, saya tidak tahulah kalau PAC boleh *engage*. Kita tidak pernah buat pun. Akan tetapi, *PAC should be engaging technical expertise to basically just do a simple audit.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *We should get a consultant.*

**Tuan Pengerusi:** Nantikan dia *complaint* pula kita panggil *consultant*.

**Tuan William Leong Jee Keen:** *I agree with the consultant, expert.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, no. This is for audit.*

**Tuan Pengerusi:** *Yes, I know. We have not done it before lah I think. I think we should start doing it. Just to do like a desktop review of the technology and then get an opinion lah.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Auditors to do the special position review of PKFZ kah, apakah. So, engineers to do special position audit on the incinerator.*

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Before we even come to that, Tuan Pengerusi. Dia cakap, satu, even audit kementerian sendiri kalau ikut dari segi laporan itu, sudah meragui teknologi itu. So, there are few issues. First issue is how did the government award this contract to this company? Siapa yang bertanggungjawab? Sama ada, again, another misrepresentation to Cabinet by the minister which is very important? So that is one area that we need to do it.*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *That's Malaysia. So, that is at one. Kedua, kalau kita tengok tadi, the second company, Sumur Mutiara itu basically is the same company of the first technology. Again, it was a camouflage that this company dapat. That is another issue that we need to investigate. Even before kita sampai kepada whether this technology is works or not, I think this are the pertinent issue that we need to be- how did the Cabinet make this kind of decision based on which recommendations?*

**Tuan Pengerusi:** *Saya cuma hendak soal ini kerana saya hendak dapatkan maklumat mengenai teknologi tersebut. Bagaimanakah dalam perancangan kerajaan akan datang, perlu ada dia punya steps. Macam di dalam company, kita ada step dia yang kena lepas dahulu baru teknologi itu diiktiraf dan diguna pakai. Macam ini just masuk Kabinet without any supporting punya documents kah, ataupun acknowledgements kah, accreditation kah, selepas itu Kabinet terus accept on the basis hendak tolong syarikat bumiputera which is also another issue that we should look into. Sebab, this thing will happen in many other ministry. It's not just this ministry. Sebab, high technology, less understanding of the civil servant on the matter- misleading is another matter lah. But, just as a lesson to be learned and then we can recommend to the ministry yang buying high technology ini to have at least some procedures how to avoid this kind of thing happening again.*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Kalau saya mengikuti rancangan, pertamanya, untuk pihak Audit, saya kena sebutlah- saya tidak berapa puas hati tentang rumusan-rumusan awal tadi. Sebabnya, istilah-istilah yang digunakan agak umum tetapi mungkin dalamnya lebih *details*. Misalnya satu, prestasi fizikal projek kurang memuaskan. *I would prefer you say* hanya 40% kah, hanya 30% kah prestasi operasi loji kurang memuaskan. *Again, I would like percentage* kah. Nombor lima, kelemahan reka bentuk loji menyebabkan penggunaan tidak optimum. Tidak optimum itu 95% kah, 40% kah? *Maybe* kalau itu kita dapat lebih *details*- kecuali dalam sudah ada.

*Then, related to that* yang Tuan Pengerusi sebut tadi, saya agak berminat kalau PAC lah boleh atur misalnya kita jemput yang UiTM kah apa ini? UTM kah yang teknologi ini?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** UiTM.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** UiTM. Jemput mereka sekali dan *let them give us a briefing on local technology* pasal *waste management basically incinerator technology*. Kita dengar. *Maybe* mereka tidaklah ada kepentingan-kepentingan perniagaan ataupun sebagainya. Jadi kita faham dan tahu. Kalau tidak, susah saya hendak mengikuti dan memahami.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, kita hendak panggil UiTM?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** So, Yang Berhormat, sebenarnya ini panjang lagilah. Ini tadi dia punya sinopsis. Itu yang tidak ada *details percentage*. Sebelum kita buat *conclusion* sama ada kurang memuaskan, sangat baik, kita *normally placed*...

**Tuan Pengerusi:** Datuk, saya selalu tidak mencelah kalau Datuk buat penerangan. Akan tetapi kali ini saya perlu mencelah sebab isu ini datang pokoknya daripada pemilihan kontraktor, pemilihan teknologi yang salah. Jadi yang lain ini, semua ini *just supporting evidence to know why the thing failed* lah.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Okeylah. Yang ini berekor-ekor. *In fact, next slide* ini pun dia punya impak kepada *problem-problem* tadi.

Yang pertama, sisa pepejal masih belum dapat diselesaikan di semua loji. Selepas itu PBT terpaksa menanggung kos tambahan- *additional cost*. Berlaku kecurian, pencerobohan, kualiti komponen kemudahan juga terjejas. So, ada kos-kos lah. Contoh, saya *quote*, "*Lembaga Pembangunan Tioman terpaksa melantik kontraktor untuk melupuskan di tanah besar...*" Dibawa ke Rompin ya, setelah berbelanja RM475,000 [*Disampuk*] Pada tarikh pengauditan- September 2012.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya sisa pepejal di Tioman sendiri pun tidak dapat dibakar oleh insinerator Tioman...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Terpaksa dibawa ke Rompin.

**Tuan Pengerusi:** Terpaksa dibawa ke *mainland* balik semula...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** ...Yang menanggung kos tambahan ya. Okey.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** So, *next* ini tunjuk fizikal gambar-gambar semasa, sebelum dan selepas. Di sini ada juga tindakan positif dari pihak loji insinerator di Cameron Highlands.

So, maklum balas daripada kementerian. Punca kelewatan projek siap adalah disebabkan oleh keadaan tapak bina yang merupakan tanah tebus guna dengan sisa pepejal. Jadi reka bentuk asal berdasarkan keadaan biasa terpaksa dipinda mengikut keadaan semasa. Kelewatan juga berlaku kerana keperluan untuk mematuhi peraturan teknikal oleh agensi berkaitan seperti JAS, PBT dan TNB bagi kerosakan yang berlaku. Pembaikan telah dibuat oleh kontraktor berkaitan. So, pada pendapat audit, projek ini dari segi *value for money* boleh dipertikaikanlah.

*Next*, loji insinerator tidak dapat beroperasi secara *autogenous*. Laporan TNC loji di Pulau Pangkor mendapati loji tidak dapat beroperasi secara *autogenous*, secara berterusan dan suhu *primary chamber* tidak dapat dikekalkan pada suhu operasi minimum ya, 850°C, walaupun kualiti sisa pepejal mematuhi parameter yang ditetapkan sebagaimana yang ditunjuk di jadual ya.

Juga ada ulasan daripada kementerian. Pada Mac 2013, berdasarkan reka bentuk dan keupayaan teknologi yang digunakan, CV hendaklah sekurang-kurangnya 1,300kcal/kg dan *moisture content* sampah tidak melebihi 60% untuk mencapai *autogenous* seperti dinyatakan dalam kontrak. Dalam konteks sistem insinerator, pembakaran *autogenous* akan berlaku apabila semua parameter kualiti sampah dapat dipenuhi.

■1140

**Tuan Pengerusi:** Jadi, kualiti sampah tadi pun dimasukkan pada 62%, lebih 60% daripada *moisture content* dialah.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Okey, *next*. Loji insinerator tidak dapat mencapai suhu yang ditetapkan sebagaimana di *slide* sana.

So, maklum balas, perkara ini berlaku kerana kakitangan loji masih belum cekap mengendalikan operasi loji insinerator. Sekiranya kerja-kerja pengasingan sisa pepejal dibuat dengan lebih cekap dan prinsip-prinsip pembakaran difahami, maka suhu boleh dikekalkan pada tahap yang lebih tinggi.

*Waste Characteristics Study (WCS)* tidak disediakan dengan tepat. Berdasarkan kepada *Waste Technology Development Centre*, Agensi Nuklear Malaysia, tempoh paling baik untuk melakukan *waste study* adalah satu tahun. Namun, tiga hingga enam bulan adalah memadai bagi memastikan ketepatan data. Semakan terhadap WCS bagi empat lokasi di Langkawi, Pulau Pangkor, Cameron Highlands dan Pulau Tioman mendapati tempoh kajian pengelasan sisa pepejal dibuat bagi tempoh tujuh hari sahaja.

So, maklum balas bagi projek yang akan datang, pihak KPKT akan memastikan bahawa WCS akan dibuat dari tempoh satu tahun sebelum projek dimulakan. Tempoh tersebut dijangka akan dapat menunjukkan nilai CV dan *waste pattern* yang lebih tepat lagi.

Loji insinerator tidak menghasilkan *output* pada kadar yang ditetapkan. So, proses pembakaran tidak berjaya menghasilkan *output bottom ash* bagi kadar 6%. Sebaliknya, proses pembakaran hanya dapat menghasilkan antara 19% hingga 33% *output*, di mana melebihi 216.1% hingga 446.9% daripada sasaran asal.

Penghasilan *output* yang tidak mencapai sasaran boleh menyebabkan kesan jangka panjang terhadap kapasiti ruang tapak pelupusan sanitari. Sebagaimana di jadual. Ulasannya, pihak kontraktor mengakui bahawa kadar penghasilan *bottom ash* sebanyak 6% tidak dapat dicapai. Bagaimanapun penghasilan *bottom ash* daripada loji insinerator ini telah mematuhi standard antarabangsa semasa iaitu 15% hingga 25%. Dari segi pengurusan kontrak, kita dapati dokumen kontrak operasi loji insinerator lewat dimuktamadkan sebagaimana *detail* di sana. Ulasan kontrak operasi dan penyenggaraan telah ditandatangani pada 19.12.2012. Kontrak ini lewat dimuktamadkan kerana dibuat berasingan daripada kontrak pembinaan serta ia merupakan kontrak pertama yang seumpamanya dan tiada kontrak yang lain yang boleh digunakan untuk rujukan.

Kedua, manual operasi dan penyenggaraan loji belum disediakan. Kemudian, bayaran operasi dan penyenggaraan loji tidak teratur. Pada 5.9.2012, JPSPN telah membuat bayaran berjumlah RM0.66 juta melalui baucar bayaran nombor B5927 pada syarikat yang berkelulusan khas Kementerian Kewangan dan dokumen kontrak masih belum dimuktamadkan. Bagaimanapun analisis Audit terhadap butiran tuntutan baucar bayaran dan dokumen sokongan yang dikemukakan sebagai asas pembayaran mendapati telah berlaku lebihan bayaran, jumlahnya RM31,714.

**Tuan Pengerusi:** Macam mana dia kira bayarannya? Pembayaran yang dibuat berdasarkan apa? Berdasarkan beratkah ataupun berdasarkan— apa matriks yang digunakan untuk hendak ukur.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Ada beberapa perkara-perkara yang dibayar itu termasuklah penggunaan diesel, elektrik, air, *chemical* yang digunakan, selepas itu upah, *salary*lah operator-operator. Dia ada bagi satu jadual kos.

**Tuan Pengerusi:** Bayaran dibuat walaupun hasil dia tidak baik?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Okey, sekarang ini dia punya justifikasi pembayaran kalau *based on contract* dia tidak *based on KPI*. Dia tidak ada *based on KPI of the prestasi* operasi insinerator itu. Akan tetapi kalau ikut kepada jadual, *schedule of payment* dia *is based on* yang dia *claim* itulah. Penggunaan minyak, penggunaan bil-bil elektrik...

**Tuan Pengerusi:** *Based on claim, but not based on output*kah, apalah.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** *No*. Dia tidak menggunakan KPI sebagai— maknanya, KPI operasi itu sama ada dia dapat beroperasi menepati suhu atau tidak, sama ada output itu dapat dicapai atau tidak. Ia tidak *based on that*. *Based on the cost that incurred during the operation*. Cuma untuk makluman Tuan Pengerusi, dalam kontrak ini ada *mention*lah, sekiranya KPI tidak dipatuhi ia akan dikenakan penalti RM1,000. Itu adalah penalti.

**Tuan Pengerusi:** Ya lah apa KPInya? Dalam kontrak ada KPI tidak patuhi kena bayar ganti rugi tapi apa KPI nya? *What is the definition of the KPI? So, contract management pun is another issue herelah.*

**Puan Farida Veerankutty:** Tuan Pengerusi, *actually* kami ada draf kontrak operasi. So, far yang terbaru kami tidak ada salinan lagilah. So, daripada draf ini sebenarnya di bawah *appendix 4*, mereka telah menyatakan KPI iaitu berdasarkan kepada *through output*. *That mean, the output* hendaklah 95% daripada yang dijanjikan. Akan tetapi *is seems to be, at the end they want to finalize*, keluarkan *that clause*. So, *that was our argument earlierlah. But then*, kami tidak tahu kedudukan terkini.

**Tuan Pengerusi:** *Whose authority* keluarkan *clause* itu daripada dalam kontrak?

**Puan Farida Veerankutty:** KPKT sediakan draf kontrak operasi dan *they sit together with the contractor* untuk *review*. *It seems to be contractor don't agree with the certain output* yang didapati sukar dipatuhi disebabkan oleh *the moisture content of that sampah*. So, dia kata itu adalah di luar bidang kuasa mereka. So, *because of that, the autogenous, the bottom ash...*

**Tuan Pengerusi:** Pergilah jemur dulu sampah dulu sebelum masuk dalam insinerator, apa susahanya. *This is quite serious, fasal apa, when you award the project it is based on specs and everything. At the contract stage, you can take out a critical item from the contract that actually determines payment.*

**Datuk Haji Anwar bin Suri:** So Tuan Pengerusi, JPSPN mengakui terdapat lebih bayaran tadi. Sekarang kita pergi Labuan pula. TOP Labuan. So, KPKT telah melantik syarikat XCNT untuk melaksanakan kerja penambahbaikan TOP secara rundingan terus dengan nilai kontrak RM34 juta pada 3 Oktober 2004. Sehingga Julai 2009, sebanyak empat bayaran kemajuan berjumlah RM7.23 juta telah dibayar kepada syarikat ini.

Pada 9.6.2009, KPKT telah membayar RM5.17 juta bagi interim ketiga kepada syarikat ini. Namun, tiada bukti pihak kontraktor ada mengemukakan resit atau dokumen sokongan kepada KPKT sebagai bukti pembayaran *material off-site* berjumlah RM5.07 juta yang telah dibuat kepada syarikat pembekal Clean Earth Technology Sdn. Bhd. Tiada bukti pengesahan fizikal ke atas *material off-site* ada dilaksanakan sebelum bayaran dibuat.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Siapa luluskan *payment* itu? *How is the payment processed?* Kontraktor submit kepada kerajaan, mesti ada *body* yang luluskan, *consultant*.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** *Argument* dia macam ini. Dia kata *this is material off-site* ini, dia telah menggunakan *scale office*. *Scale office* ini bila kita tengok balik memang dibenarkan. Maksudnya, di peringkat *prelim, you are allowed to pay, but that one is for the professional fees of the professional engineer.*



## ■1150

Okey tetapi dia gunakan *this scale of fees* untuk *scale* dia punya *material* kos *which for us is not proper*, dia bukan hendak bayar *professional fees* tetapi dia gunakan *scale of fees 25%, 30% upon before manufactured*. Dia gunakan ke atas kos *of that material* [Disampuk] Jadi, dia kata dengan menggunakan *scale of fees* ini, dia kata bolehlah kita bayar *material* ini sebelum ia *even being manufactured*.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Keseluruhan, bukan ini sahaja. Keseluruhan *payment* itu bila kontraktor hantar bil dia, siapa yang *advice* kementerian untuk luluskan? Ada konsultan kah?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Kalau untuk kerja, adalah. Akan tetapi untuk pembekalan ini *basically*, kalau yang lain-lain itu dia adalah- kalau yang *proper* itu, dia adalah dia punya *invois*, kemudian *by-* sebab dia ada pelaksana di peringkat negeri. So, di peringkat negeri akan kata okey. Bahagianlah, contohnya bahagian mekanikal, dia kata, "*Okay, this item is already being delivered, so boleh bayar*".

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Kementerian sahaja?... Ia tidak ada *outside consultant*?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Maksud saya, kalau yang sudah *delivered*. Akan tetapi kalau kes yang ini memang tidak adalah. Untuk *major off site* ini memang tidak ada lagilah, tidak *delivered*. Hanya ada keluar satu surat daripada kontraktor, dia minta untuk bayar. Kemudian dia hanya beri satu *purchase order* yang di *order* kepada *manufacturer* ini mengatakan yang *this will be manufactured*. So, kita minta *this 30% off*, macam *upfront payment*. Itu sahaja yang adalah. Maknanya selepas itu memang...

**Tuan Pengerusi:** Maknanya sekarang ini *issue advance payment* pula?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Dia *some sort of advance* sebab benda itu tidak dibuat lagi.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Itu melanggar prosedur kerajaan. Tidak dapat kelulusan Kementerian Kewangan?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Tidak ada.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Okay. Payment, stage payment it is monthly* kah atau ia ada...

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Dia tidak ada. Dia *upon-* kalau mengikut kepada kontrak, sama juga macam AP. Maknanya apa-apa kerja dan pembekalan hanya boleh dibayar *based on work done and equipment being delivered*, kalau diikutkan [Disampuk] Sesuci hati.

**Puan Farida Veerankutty:** Yang Berhormat, saya hendak tambah sedikit, kami cuba hendak *trace the material off site*. So, *what we did actually* sebenarnya kami ada beberapa minit mesyuarat yang mana juru teknikal dia sendiri tidak *some sort* memperakui *because they have not did the physical inspection of that material*.

*They supposed to go to the kilang yang dia beli that material and do the inspection then only verify the payment but yang ini hanya based on purchase order, bukan invois pun. It is only a purchase order placed by CXN to the supplier of that company. So, then kami call the supplier of that material to give us the invoice.*

*Then they said, earlier they agreed to give the information but maybe because of the NAD disclosure dia kata dia tidak boleh hendak help kita but until now we try to confirm whether pernah atau tidak buat fizikal memang daripada pegawai di KPKT kata, inspection of the material secara fizikal memang tidak dibuat. So, it is some sort like we pay for nothing because nobody excited that it was...*

**Tuan Pengerusi:** *Is there element of fraud?*

**Puan Farida Veerankutty:** Tidak mengikut peraturan.

**Tuan Pengerusi:** *I know. I did not ask that question. What I ask is there element of fraud? I mean you have been doing this work for long time. Kalau you do not get cooperation from parties involve...*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *Off-site document.*

**Tuan Pengerusi:** *Then it is a sign of fraud. It should have doubt people.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Akan tetapi dalam- dia katalah that material will be inspected kah atau dia kata order of material? It had to depends on what does the contract says. If the contract says that once you produced the order then the payment paid then it is proper. Akan tetapi kalau the contract says that it need to be inspected or delivered...*

**Tuan Pengerusi:** *No, no, but it still does not matter. You can issue the PO, you can be paid tetapi the material is still need to be delivered.*

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Boleh saya tunjukkan, saya ada- sekejap ya.

**Tuan Pengerusi:** Lagi lama daripada hendak menyoal kementerian ini. Datuk Anwari, berapa panjang lagi?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Okey yang ini...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *Saya- sekejap. Niat saya hendak tunjukkan yang di Labuan itu selepas itu saya ingat...*

**Tuan Pengerusi:** *The issue is multiply to the other...*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Yang lain lebih kepada kualiti pembinaan, isu karat dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Isu karat itu kita boleh...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** ...Dan perbandingan dengan *Singapore* berkenaan teknologi. *That is all.* Okeylah, saya habiskan yang Labuan dahulu. Saya hendak tunjukkan gambar.

**Tuan Pengerusi:** Habiskan dahulu.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Saya pun melawat sendirilah.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Okey yang ini...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Sana dahulu? Okey, okey.

**Datuk Seri Reezal Merican:** *There is something that she wants to show.*

**Puan Nurhani Abdul Manap:** *[Merujuk kepada paparan slaid]* Ini sebenarnya kita cuba menunjukkan kenapa kita kata bayaran ini *is some a kind of like improper. The first things is actually* ini petikan daripada dokumen kontrak *itself* yang mengatakan- untuk kes ini adalah untuk pembayaran yang tidak ada *payment schedule. It means upon* dia punya *progress. So, dia kata, "Payment shall be made by government based on the PV monthly valuation of the works properly executed at of any goods or unfix materials delivered"*. Okey, itu satu.

Kemudian, ini saya petik daripada Arahan Perbendaharaan sendiri, perkara yang sama. Kemudian, saya ambil daripada petikan FAQ JKR, ada satu soalan mengatakan, "*Bolehkah bahan-bahan binaan di luar tapak iaitu material off-site dibayar dalam bayaran interim?*" So, dengan jelasnya, syarat-syarat kontrak di bawah PWD mengatakan "*Maka dengan itu bahan-bahan binaan di luar tapak bina (material off-site) termasuklah yang masih berada di kilang tidak boleh diperakukan oleh pengarah projek oleh kerana ia di luar bidang kuasa pengarah projek... syarat-syarat kontrak*".

**Tuan Pengerusi:** Langgar syarat *very clear*. Langgar peraturan kerajaan *very celar* tetapi fraud tidak *clear*. *You* tidak *check on the delivery of the item*, semualah?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Kalau ikutkan barang itu belum lagi dan *manufactured* sebab kebetulan...

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi akhirnya ada mereka *deliver*?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Tidak ada, sebab macam ini Yang Berhormat. Kebetulan, projek TOP itu telah diberhentikan. Jadi, memang tidak di *manufactured* lah benda itu.

**Tuan Pengerusi:** Okeylah. ...*So, two elements are here. One, is breach of the government prosedur and also element of fraud.*

**Puan Farida Veerankutty:** Tuan Pengerusi, *on the fraud element we did not go in details as further forensic auditing.*

**Tuan Pengerusi:** *We suspected that it is fraud. The fact that you did not go any deeper just now was confirm also does not matter because it was confirm and the project was stop. The money should be returned back anyway. Kalau hendak inilah- since the money was not returned back so, the money has been taken by somebody and not return, bukan? It was a general mistake they return the money but they did not.*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** So Yang Berhormat, ini yang saya hendak tunjuk gambar di Labuan. *Details* nya ada dua butiran bayaran.

Pertama, pada Chain Cycle Sdn. Bhd. RM25 juta campur RM7.4 juta jadi kos RM33 juta. Projek ini sudah tidak digunakan, sudah dipenuhi dengan pokok-pokok. Itu sahajalah setakat ini.

**Tuan Pengerusi:** Itu sahaja isu besar yang hendak di *highlight*? Lain semua itu, isu kualiti apa semua itu...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Boleh tanya, saya nampak ada slaid mengenai isu *environment* di *output*. *Is there any comment on the environment?*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Okey, kita pergi ke slaid 44, Syarat Penilaian Kesan EIA Tidak Dipatuhi. Pemasangan CEMS sebagaimana disebut tadi secara *online* ke Pejabat JAS di negeri Perak, maksudnya di sini ya. CEMS telah disambung katanya melalui perbincangan bersama pada 14 Jun 2013, CEMS telah berfungsi. Ulasan.

#### ■1200

Kedua, Sistem Kawalan Pengaliran *Leachate*. Berdasarkan laporan T&C, *leachate* tidak disalurkan dengan sempurna ke dalam parit *waste water* sebelum proses di *Waste Water Treatment System* di loji insinerator di Pulau Langkawi. Ulasan, kontraktor relah membina *bund* untuk mengawal pengaliran *leachate* melimpah keluar daripada *water bunker*. Parit *waste water* juga telah ditambah baik.

Ketiga, dari segi landskap bagi mengurangkan impak visual. Sejumlah RM336,930 telah dibayar bagi kerja landskap di empat loji iaitu di Pulau Pangkor, Pulau Langkawi, Pulau Tioman dan Cameron Highlands. Bagaimanapun, landskap tersebut tidak berciri estetik. Ada juga ulasan.

*Next*, ujian *Toxicity Characteristic Leaching Procedure* (TCLP). *Bottom ash* yang terhasil dilupuskan di tapak pelupusan (*landfill*) bersebelahan Loji Insinerator Pulau Pangkor walaupun kandungan toksiknya belum diuji. *Fly ash* pula dikumpulkan dalam *giant bag* dan disimpan sementara di ruang *baler station* sebelum dihantar ke pusat pelupusan berdaftar di Port Dickson.

Jadi, itulah sebahagian daripada isu-isu alam sekitar yang kita temui. Terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya hendak *confirm*, walaupun dikatakan di Pulau Pangkor *CEMS System* itu sudah siap pada 14 Jun, sebenarnya masih tidak beroperasi kerana ada perkara-perkara tertentu- habuk dan kumin pepejal, menyebabkan masalah teknikal. *So it is not actually working yet? Can I confirm that? Walaupun dikatakan sudah siap tetapi sebenarnya masih tidak digunakan kerana ada isu teknikal. So, we can conclude that this system actually operating without any monitoring whether they are toxic or not toxic.* Betul ya?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Okey. Kalau diikutkan kepada jawapan yang diberikan oleh Jabatan Alam Sekitar, dia mengatakan yang dia ada masalah dari segi paparan data untuk habuk atau kumin kerana ada masalah *probe* tetapi kita tidak pasti sama ada ia merangkumi keseluruhan data yang boleh dihasilkan, itu kami tidak pastilah sebab maklum balas ini kita pun tidak dapat hendak pergi tengok dekat jabatan waktu itu. CEMS.

**Tuan Pengerusi:** CEMS.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Sebab selama hari ini pun data itu kalau ikutkan *by right*, Jabatan Alam Sekitar negeri boleh monitor secara *online* lah, secara terus, tetapi apabila sistem ini tidak dapat berfungsi secara *fully*, *so they have to send the report*.

**Tuan Pengerusi:** Okeylah. *That means the monitoring part* memang tidak adalah.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Akan tetapi *up until June* lah. Sekarang...

**Tuan Pengerusi:** *No, because- who verify the monitoring report? Nobody verify because this thing is online. At least you have certainty that there is no human intervention.* Satu lagi yang saya tengok, *you check* tidak landfill yang dekat sebelah *leachate* itu kan. Landfill itu dibuat betul-betul tidak? Dia letak betul-betul dengan *cover* plastik, dengan tanah, dengan apa semua sekalilah ataupun dia main korek lubang, campak sahaja?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Ini sebenarnya landfill yang ada dekat sebelah itu, *is existing landfill* dan dipanggil *open dumping*.

**Tuan Pengerusi:** *Oh my god.*

**Puan Nurhani Abdul Manap:** *Open dumping.*

**Tuan Pengerusi:** *This not- you cannot just dump leachate into normal PBT* punya *open dump site*.

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Kalau mengikutkan kepada yang- kalau kita tengok kepada ujian TCLP punya isu tadi itu, kalau kita lihat kepada maklum balas daripada Jabatan Alam Sekitar... Masa kami pergi, ujian itu tidak dibuat, tidak dilaksanakan lagi. *So after* kita buat audit, dia sudah buat ujian itu dan dihantar kepada Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Alam Sekitar mengatakan sebenarnya dia punya *bottom ash* itu *is actually* barang terjadual. *So* untuk kita hendak melupuskannya, dia kena guna *sanitary landfill*.

**Tuan Pengerusi:** *Sanitary landfill.*

**Puan Nurhani Abdul Manap:** *And that* apa yang mereka tidak ada. *So that mean* dibuang itu *is not proper* lah...

**Tuan Pengerusi:** Ya lah macam *you* buang racun dalam tong sampah, mana-manalah kan. Tetapi racun itu tetap racun juga. *It is still dangerous* juga. Wah, *this is* Malaysia EIA punya...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *The fact that the starter of operation without the EIA measures, I think that should never be allowed. Even if the system is ready, if the monitoring system is not available, they cannot start.* *So*, hanya satu antara empat, lima insinerator? [Disampuk] Empat insinerator yang- lima? [Disampuk] Empat yang berfungsi sekarang di Pulau Pangkor dan ini masalah di Pulau Pangkor lah. *The EIA monitoring the leachate itself. Okay.*

**Tuan Pengerusi:** *Saya rasa we have to also intervene fast because the government spending to bail more incinerator... [Disampuk] That we need to learn from this misadventure to avoid further inilah, for the failures.*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tuan Pengerusi, sebenarnya sebelum kita panggil JPSPN, ada dua perkara saya hendak *highlight* di sini. Pertama, berkaitan dengan isu-isu yang kita bangkitkan dalam laporan audit itu, kebanyakannya ia menyentuh kepada pematuhan kepada syarat kontrak. Maksudnya macam *bottom ash* 6%, dari segi *temperature* 850°C dia kena capai, apa-apa itu yang tidak dicapai biasanya dia akan jawab- walaupun tidak capai, mengikut standard antarabangsa pun, tetapi apa yang kita bangkitkan ialah dia punya kontrak yang disediakan tetapi syarikat tidak mematuhi, itu sahaja.

Keduanya berkaitan dengan XCNT dia dapat empat projek lah walaupun dua sebenarnya, empat projek. Tetapi satu projek bagi Labuan, dia telah mendapat projek baru untuk Bukit Kalam, dapat SST. Oleh sebab Jabatan Audit sedang membuat kajian di sini, kita nampak ada banyak masalah yang berlaku di empat tempat macam di Pulau Pangkor dan lain-lain, so kita bawa isu ini kepada *Treasury* menunjukkan kepada *Treasury* supaya *hold* dahulu pemberian di Bukit Kalam. Ekoran daripada isu yang kita masuk kepada *Treasury*, SST yang dikeluarkan telah ditarik balik. Syarikat dalam rayuan sekarang. Saya pun tidak tahu kedudukannya sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Syarikat yang sama kah apa? *[Disampuk]* Syarikat yang sama juga.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Projek lagi besar. Maksudnya bila kita mendengar SST telah dikeluarkan lagi kepada XCNT untuk projek di Pulau Labuan dan kita ada maklumat tentang empat projek yang masih kita rasa tidak puas hati lagi, so kita bawa isu ini. Saya dan Yang Berhormat pergi jumpa dengan bahagian *Treasury* dan kita bentangkan isu tersebut ekoran daripada itu.

**Tuan Pengerusi:** Siapa lagi yang...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Yang lain, kita ada syor-syorlah.

**Tuan William Leong Jee Keen:** Boleh saya hendak tanya satu? Tentang kos. Sebenarnya ada satu konsultasi yang telah diadakan untuk membandingkan tentang kos untuk kontraktor perunding ini adalah munasabah atau tidak?

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Pemilihan ini berdasarkan *direct negotiation*, so tidak ada konsultasi untuk *evaluate reasonableness of the contract price*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dan untuk yang baru punya, Bukit Kalam, Labuan, *the new contract, it is also direct nego this year. Why this is still direct nego at current stage?* Bukankah Perdana Menteri kata tidak ada *direct nego* lagi? Panas ini. *So why there still direct nego for this contract?*

**Puan Nurhani Abdul Manap:** Yang Berhormat, *actually* apa yang terjadi, memandangkan kerajaan telah membatalkan projek menambah baik loji di Taman Ranca-Ranca, *it is seem to be a understanding between the* kementerian untuk membatalkan projek di Taman Ranca-Ranca dan *they will offer the project to Kalam.* Kami pun bangkitkan... [Disampuk] ...kepada CXN untuk buat projek di Bukit Kalam *which is nearly RM100 million, compared to the earliest is only RM34 million upgrading.*

■1210

**Tuan Pengerusi:** *No. The issue here is about* apakah damages yang berlaku sekiranya mereka membatalkan kontrak. Sekiranya mereka tamatkan Ranca-Ranca itu pun. *What can the company sue the government back?*

**Puan Farida Veerankutty:** Untuk projek di TOP sebenarnya *company was not happy because* kita dah bagi kontrak and *they said they are already in progress.* Akan tetapi daripada laporan kontraktor, fizikal memang tidak ada *any work done.* So, *RM7 million they agreed some sort like* ganti rugi. *RM7 million* yang dibayar *for off-site material* itu sebagai ganti rugi untuk tamatkan projek ini.

**Tuan Pengerusi:** Oh, yang *connecting issue is the off-site material issue* tadi itu yang keluar PO lepas itu bayar *without the actual goods been delivered.*

**Puan Farida Veerankutty:** *They have already agreed on that. That means RM7 million will be offset for* ganti rugi. *But then, kita kata kalau itu sudah selesai, I do not have any obligation, but then why should we go for another direct negotiation but it seems to be-* kami dimaklumkan, kementerian merayu kepada Kementerian Kewangan untuk menarik balik arahan untuk membatalkan SSP. Oleh sebab Kementerian Kewangan telah pun mengeluarkan arahan untuk membatalkan SSP kepada XCNT, *but* kementerian *still* membuat rayuan. Surat niat.

**Tuan Pengerusi:** Surat niat ya.

**Puan Farida Veerankutty:** So, sekarang kita tidak tahu status *whether* dia *proceed or going for tender.*

**Tuan Pengerusi:** Datuk hendak potong, ini Datuk punya syorlah.

**Datuk Haji Anwar bin Suri:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, KPKT perlu menyediakan dasar berkaitan pengurusan sisa pepejal yang efektif dari sumber, rumah, premis serta meningkatkan kesedaran kepada rakyat tentang kepentingan pengasingan sisa pepejal dari rumah supaya kualiti sampah yang dihantar ke loji insinerator dapat di tingkatkan bagi mengatasi masalah CV dan kandungan kelembapan sisa pepejal.KPKT, JPSPN dan juga syarikat XCNT perlu menambah baik proses rawatan sisa pepejal untuk memastikan kualiti sisa pepejal CV dan kelembapan mematuhi standard yang diperlukan sebelum dibakar di dalam loji insinerator supaya pembakaran secara *autogenous* dapat dicapai dan penggunaan diesel dapat diminimumkan.

Ketiga, KPKT perlu memastikan kakitangan operator loji insinerator mempunyai kemahiran mengikut standard yang diperlukan semasa mengendalikan sisa pepejal supaya standard operasi serta peraturan alam sekitar serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat dipatuhi.

Latihan yang berkaitan perlu diberi dari semasa ke semasa. KPKT dan JPSPN perlu menjalankan pemantauan yang rapi terhadap pematuhan kepada syarat kontrak terutamanya dalam urusan T&C loji insinerator, pematuhan kepada syarat EIA yang dikeluarkan oleh JAS, kualiti pembinaan, pematuhan kepada undang-undang bagi memastikan kerajaan mendapat *value for money*.

Kelima, JPSPN perlu menyediakan satu garis panduan bagi menyelia dan memantau pengurusan operasi loji insinerator agar semua peraturan yang ditetapkan dipatuhi serta loji sentiasa dikendalikan dengan selamat. Keenam, JPSPN perlu mewujudkan satu mekanisme untuk memastikan setiap syarat kontrak operasi dipatuhi sepenuhnya sebelum pembayaran dibuat pada kontraktor.

Terakhir, JPSPN perlu mewujudkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada agensi yang terlibat secara langsung dalam pemantauan operasi loji insinerator antara JAS, JKKP serta Perbadanan Pengurusan Sisa pepejal dan Pembersihan Awam. Selain itu, jawatankuasa juga perlu membantu JPSPN untuk menggariskan syarat-syarat bagi kontrak operasi dan penyelenggaraan loji insinerator serta membuat *benchmarking* dengan operator yang berjaya bagi memastikan loji insinerator diuruskan dengan teratur, selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, ada apa-apa komen sebelum kita panggil..

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya rasa syor yang telah dibangkitkan saya setuju tetapi ini semua merupakan isu *a bit like housekeeping type of instructions*. Kena tubuhkan jawatankuasa, kena lebih memantau lagi, kena buat ini, kena buat itu. *I think PAC needs to be firmer on this. So, this can be the part of the syor daripada PAC. PAC saya rasa kena mengambil pendirian yang lebih tegas, lebih firm dan lebih spesifik. Here is quite general, because Audit does not want to point fingers. But, I think PAC in this particular case, there are justification to point fingers.* Kita kena cari, *I do not know whether the right word is tegur* atau apa, lebih keras untuk...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Saya punya komen, kalau saya tengok turutannya itu, *all the way* daripada KPKT. Waktu jawatankuasa rekomen projek, Jawatankuasa Kabinet yang memutuskan untuk diangkat kepada projek, Kabinet *itself* waktu membuat keputusan untuk memberi kontrak ini. Pengurusan kontrak selepas kontrak itu diberi, ditawarkan dan operasi selepas bangunan ini siap.



Jadi, *there is* unsur ketidakbijaksanaan dalam membuat keputusan daripada *every stage* ini. Jadi, saya setuju dengan Petaling Jaya Utara, mungkin saya lebih ekstrem. Saya rasa mungkin PAC boleh *engage* SPRM dari awal untuk melihat daripada awal ini. Ini sebab kalau kita cakap *fear of Audit, I think this is also high time to show that kita take our PAC seriously*.

**Tuan William Leong Jee Keen:** Saya setuju kerana ada unsur-unsur tentang *fraud* dan rasuah tentang projek ini. *It is already out in the news. In fact, one of the officers in the ministry has already been charged.*

**Datuk Wee Jeck Seng:** Tuan Pengerusi, *I think* masa depan pemilihan jenis insinerator yang sesuai. Jangan sembarangan begitu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** So, tidak ada apa-apa komen lagi? Minta pegawai masuk.

*[Saksi-saksi dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan masuk mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

■1220

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, saya ucapkan selamat datang kepada Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak serta pasukan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebenarnya kami bincang lama kerana banyak isu Dato'. Selalunya kami dapat *briefing* daripada Jabatan Audit Negara ini sekejap sahaja. Akan tetapi selepas kami buat *briefing* ini yang telah berlaku hampir satu setengah jam jugalah. Banyak isu timbul, yang kami anggap begitu serius yang kalau tanya saya secara *in personal- failure the project*.

Jadi, isu-isu tadi yang telah kami halusi dengan Jabatan Audit Negara adalah mengenai isu loji *incinerator* ini, ada yang beroperasi, ada yang langsung tidak beroperasi dan yang beroperasi itu pun tidak beroperasi dengan keadaan yang ditentukan dalam kontrak dan sebagainya. Isu yang kami anggap penting tadi adalah mengenai isu pemilihan teknologi. Itu satu. Teknologi yang dipilih mungkin tidak sesuai. Isu kedua adalah mengenai pemilihan kontraktor kerana projek ini merupakan projek rundingan terus yang melibatkan kabinet.

Kami juga dapati bahawa ada banyak kelemahan dalam proses penilaian dan juga maklumat yang telah disalurkan kepada kabinet untuk buat keputusan. Jadi, ini juga menjadi satu isu juga apabila pemilihan kontraktor ini menjadi masalah.

Ketiga, dari segi pengurusan kontrak dan juga pengurusan operasi memang banyak kelemahan yang kami telah dapati tadi. Terutama dari segi bayaran tidak ikut kontrak, bayaran tidak ikut *circular* kerajaan. Mungkin ada elemen *fraud* dan kami juga di peringkat Jawatankuasa PAC ini merasakan bahawa macam ada satu perasaan pilih kasih daripada kementerian. Maknanya tindakan yang sepenuhnya tidak diambil kepada kontraktor, kontraktor diberikan banyak masa dari segi EOT, dari segi pelaksanaannya yang tidak sempurna dan tindakan tidak diambil dengan cepat.

Kami telah dimaklumkan tadi bahawa ada pula rayuan daripada KPKT untuk hendak memberikan projek yang baru pula di Labuan kepada syarikat yang sama, yang telah gagal dalam melaksanakan tanggungjawabnya sejak projek ini dilaksanakan. Perkara ini juga ada impak kepada projek-projek *incinerator* yang dirancang untuk dibina akan datang.

Jadi, ini juga memberikan satu kebimbangan kepada kami bahawa *incinerator* yang akan digunakan akan datang ini tidak akan mengulangi kesilapan yang telah berlaku pada *incinerator* yang telah dibina ini. Bagi saya secara personal, saya amat bimbang mengenai isu alam sekitar kerana dari segi pengurusan pegawai kementerian sendiri, dari segi pengurusan pengasingan sampah dan sebagainya. Sampai ke pengurusan pelupusan sampah pun dan bahan-bahan yang dihasilkan oleh *incinerator* ini merupakan bahan-bahan yang berjadual, toksik yang berjadual. Ini boleh memberikan impak kepada alam sekitar dan boleh membahayakan kesihatan masyarakat.

Satu lagi perkara yang saya hendak tekankan di sini mengikut piawaian yang digunakan oleh kementerian, secara kontrak tadi kami dimaklumkan bahawa piawaian yang digunakan oleh kementerian lebih tinggi standard daripada *international standard*. Akan tetapi selepas kontrak dijalankan, kontraktor tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan di dalam kontrak, kementerian tetap menyatakan bahawa sebenarnya walaupun kontraktor tidak mematuhi piawaian dalam kontrak yang lebih ketat daripada *international standard* tetapi alasan yang digunakan bahawa piawaian yang digunakan oleh kementerian untuk menilai kontraktor ini tidak apa, pasal dia *confirm* itu *international standard*.

Saya berharap Dato' Seri akan dapat memberikan penjelasan dan kalau boleh tumpukan kepada isu-isu yang saya telah sebutkan tadi supaya perjalanan Mesyuarat ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih lancar. Saya hendak fokus kepada isu-isu yang itu sahajalah pasal tadi kami lama sudah sama-sama dengan Jabatan Audit Negara untuk mendengar taklimat daripada mereka. Jadi, itu sahaja yang saya hendak maklumkan. Saya jemput Dato' untuk memperkenalkan diri dan seterusnya untuk memberikan taklimat.

12.25 tgh.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak [Ketua Setiausaha]:** Terima kasih Tuan Pengerusi PAC serta Ahli-ahli Jawatankuasa PAC. Nama saya Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak; Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada hari ini kita berada di sini adalah di atas jemputan untuk menjelaskan tentang Laporan LKAN tahun 2012. Sebelum itu sebagai pengenalannya saya hendak jelaskan dahululah memberikan sedikit keterangan berkaitan dengan projek yang kita buatkan pada hari ini.

Pada tahun 2006 Tuan Pengerusi, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kita telah mengenal pasti pengurusan sisa pepejal yang tidak sistematik serta tidak *sanitary* di pulau-pulau peranginan khususnya Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Tioman dan juga Pulau Labuan. Jadi, keadaan ini kita kira telah mengakibatkan banyak pencemaran alam sekitar dan secara tidak langsungnya ia telah mencacatkan keindahan pulau-pulau peranginan yang tersebut. Oleh sebab kita khawatir ia akan menjejaskan sektor pelancongan serta sosioekonomi penduduk tempatan, kita telah membuat kajian dan mendapati pulau-pulau ini perlu diuruskan dari segi pengurusan sisa pepejalnya.

Oleh kerana pulau-pulau ini kecil dan topografinya berbukit-bukit, kita menghadapi kesukaran untuk mencari *site* yang betul-betul sempurna untuk kita binakan tempat pelupusan. Walau bagaimanapun, keputusan untuk membina *incinerator* di pulau-pulau dan tanah tinggi ini telah diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai pengurusan sisa pepejal dan alam sekitar bilangan 2 tahun 2006 lagi ya iaitu pada 21 Ogos 2006 tersebut...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Dato', kacau sedikit ya.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Ya.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Semasa tahun 2006, Dato' Seri sudah di situ kah?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Belum.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Siapa Pegawai Pengawal waktu itu?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Tahun 2006 Tan Sri Ahmad Fuad.

**Tuan Pengerusi:** Dato' Bandar kah?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Ya, Dato' Bandar. Memang Dato' Bandar.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sehingga?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Sehingga tahun 2009.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Then*, Dato' Seri mengambil alih tahun 2009?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Dato' Ahmad- tahun 2009 sehingga tahun 2012. Saya *take over*, April 2012. Akan tetapi tidak mengapa [*Ketawa*]

Saya di sini untuk menjawab kalau sekiranya dalam pengetahuan saya, saya juga ada pegawai-pegawai yang akan membantu saya dan akan membuat keterangan nanti.

Manakala Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan pula pada 28 Februari 2007 dan 7 Mac 2007 telah membincang dan menilai cadangan teknologi *incinerator* tempatan. Ini kerana pada waktu itu terdapat syarikat tempatan yang membangunkan teknologi tersebut bersama-sama dengan universiti tempatan. *Detailnya* mungkin akan diberikan sebentar nantilah. Teknologi yang diperkenalkan adalah teknologi berdasarkan *rotary kiln*.

Jadi, JPTSPK ini seterusnya memutuskan teknologi yang sesuai diguna pakai di pulau-pulau yang kecil seperti Langkawi, Cameron Highlands, Pulau Tioman dan juga Pulau Pangkor ini adalah daripada teknologi *incinerator*. Ini kerana kita dapati tidak ada tanah yang keluasan kawasannya dapat *accommodate* jenis-jenis yang lainlah, sama ada *land fill* ataupun sebagainya.

■1230

Jadi, untuk meneruskan taklimat kita pada hari ini Tuan Pengerusi, saya akan jemput Ketua Pengarah JPSPN iaitu Dato' Dr. Nadzri untuk memulakan taklimat berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara dan seterusnya kami akan cuba menjawab soalan-soalan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Tuan Pengerusi sebentar tadi.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya [Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat tengah hari.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa PAC yang lain. Saya Nadzri Yahaya, Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang telah ditubuhkan pada 1 Julai 2007.

Pembentangan saya di sini akan menjurus kepada beberapa perkara, dan selepas itu seperti yang disebutkan oleh Dato' Seri, kita akan memberi jawapan kepada Yang Berhormat atau jawab soalan-soalan yang ditanya tadi sebanyak 11 soalan ya.

*[Pembentangan merujuk kepada paparan slaid]*

Pertamanya, penemuan audit. Pertama, kita bahagikan kepada dua iaitu satu, isu-isu utama dan selepas itu isu-isu lain. Isu-isu utama kita ada empat iaitu isu pertama adalah penemuan Audit menyatakan bahawa tiga loji insinerator yang telah disiapkan mengalami kelewatan beroperasi.

Di sini, kesemua loji di Pulau Pangkor Yang Berhormat, telah pun beroperasi sejak 4 April 2012. Manakala Langkawi telah dilantik operatornya pada 1 Ogos 2013 dan akan beroperasi pada 15 Disember 2013. Cameron Highlands kita baru dapat kelulusan dari Kementerian Kewangan untuk melantik operator pada 12 November 2013. So, buat masa ini, tiga-tiga ini dalam proses untuk- satu sudah dalam proses pengoperasian, dua lagi pihak operator sedang memantapkan pengambilan pekerja mereka dan akan beroperasi berdasarkan kepada tarikh-tarikh tersebut.

Bagi Langkawi, yang mengakibatkan kelewatan untuk beroperasi Yang Berhormat dan Ahli-ahli Jawatankuasa, bukan dari segi teknologi. Kelewatan pengoperasian adalah kerana kelewatan melantik operator. Tidak melibatkan teknologi yang diguna pakai. Kalau Yang Berhormat dan Ahli-ahli Jawatankuasa lihat, mesyuarat dengan kita telah buat tiga kali dari 5 Jun 2012 sehingga 12 Disember 2012. Kita kemukakan kepada Lembaga Perolehan pada Januari 2013.

Apabila Lembaga Perolehan telah pun bersetuju, kita kemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 14 Mac 2013 untuk bersetuju terima harga rundingan yang telah diputuskan oleh Lembaga Perolehan dan Perundingan. Kelulusan baru kita terima pada 30 Julai 2013 dan sebab itu saya katakan barulah tahun ini kita telah lantik operasi untuk insinerator di Pulau Langkawi. So, ia akan beroperasi bulan 12 ini ya.

Pulau Pangkor, ini yang kata- ini sebenarnya telah pun beroperasi sejak 11 Januari 2012 dan sudah menghampiri dua tahun. Tempohnya pun sudah hendak tamat kerana kita bagi kontrak dua tahun, dua tahun. So, tahun depan ia akan tamat dan kita akan buka *open tender* untuk pengoperasian. Ini kerana kelulusan yang kita terima daripada Kementerian Kewangan *way back in 2011 is that*, kita bagi mereka operasi dua tahun, selepas itu dibuka tender. Mengapa kita buat dua tahun? Ini kerana kita bagi syarikat yang memberikan teknologi tersebut sebabnya penting kerana kita tidak mahu kalau insinerator itu telah dibina dan orang lain mengoperasikannya, sekiranya terdapat kegagalan atau insinerator tidak beroperasi dengan baik, ia akan salah menyalah di antara operator dengan *technology provider*.

Jadi, apabila kita telah bagi pada *technology provider* untuk *operate* dua tahun, kita sudah tahu dalam dua tahun itu, kemantapan loji, tiada masalah dia *comply with all the necessity*, selepas itu baru kita *open tender*. *The next open tender* nanti orang yang masuk tidaklah boleh mengatakan loji tersebut tidak beroperasi berdasarkan spesifikasinya kerana telah terbukti dua tahun, 2012 hingga 2013, ia berjalan dengan baik. Itu sebabnya *technology provider* akan dilantik sebagai operator.

*Next, Cameron Highlands*. Ini yang *latest*. Cameron Highlands ini dia punya kontraktor tidak sama dengan yang Pulau Langkawi dan juga Pulau Pangkor. Pulau Pangkor itu kontraktornya lain. yang Cameron Highlands dan Tioman lain. Kontraktor ya. Saya bercakap kontraktor, bukan *technology provider*. Di sini yang kita nyatakan di situ Sumur Mutiara ya, di Cameron Highlands ya.

Kita baru dapat kelulusan dari Kementerian Kewangan pada 12 November 2013 untuk melantik operatornya. Jadi, kita sudah keluarkan SST nya kepada operator baru lah, operator pertama kepada Cameron Highlands. Jadi, kita jangkakan tiga-tiga ini akan beroperasi, dan menunggu satu lagi di Pulau Tioman. Pulau Tioman belum lagi kerana T&C. *Once T&C* siap, sudah lulus, baru kita akan buat *negotiation* dengan operator yang dijangka untuk mengoperasi insinerator di Pulau Tioman.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Hendak tumpang tanya. Apa beza *technology provider* dengan kontraktor ini?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Technology provider*, mereka yang buat R&D ke atas teknologi tersebut.

Contohnya di Cameron Highlands, kontraktornya Sumur Mutiara, orang yang kita bagi lantik untuk bina. XCNT adalah *technology provider*, dia yang bagi *technology* itu kepada Sumur Mutiara untuk bina. Pasal kita punya keputusan ada menggunakan *rotary kiln*. *Rotary kiln* itu Sumur Mutiara dia bukan *technology provider*, dia cuma kontraktor untuk bina berdasarkan TOR-TOR kontrak yang kita telah beri kepada dia, bina ikut spesifikasi *rotary kiln* tersebut.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tidakkah dalam kita memilih kontraktor sekarang ini yang pentingnya ialah teknologinya? Jadi, apa bezanya? Kenapa kita hendak kena *the same technology provider* ini juga kepada yang dua insinerator yang lain tadi kan, *is it? So, technology provider* sama untuk semua empat-empat. Kenapa kita bezakan di situ?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Masa diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet dahulu, kita luluskan *technology provider* XCNT. Yang Berhormat kata mengapa tidak bagi kepada dia terus *and* tak kita lantik kontraktor ya? Kontraktor insinerator itu kita lantik, kita sebenarnya mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan di mana pada asalnya keempat-empat insinerator tersebut diberikan kepada *technology provider* sebagai kontraktor. Asalnya.

Selepas itu, terdapat rayuan dari pihak Syarikat Sumur Mutiara meminta supaya mereka diberi peluang untuk menggunakan *technology rotary kiln* itu. Jadi, Sumur Mutiara ini dia menggunakan teknologi XCNT untuk membina. Itu satu fasa. Fasa kedua pula, sepatutnya asalnya juga keempat-empat insinerator tersebut diserahkan kepada Syarikat XCNT untuk mengoperasi. Akan tetapi, terdapat rayuan daripada pihak kontraktor yang membina insinerator di Cameron Highlands dan juga di Pulau Tioman supaya bukan XCNT diberi untuk *operate* tetapi beri kepada kami dia kata, sebab kami yang bina. Kalau dalam kuasa DLP iaitu *defect liability period*, mereka yang bertanggungjawab, bukan *technology provider*.

Oleh itu, rayuan tersebut telah dikemukakan. Mereka telah meminta daripada MOF supaya menukar kelulusan yang diberi kepada XCNT tetapi kepada Sumur Mutiara. Isunya teknikal. Kalau XCNT yang dibuat untuk *operate* insinerator di Cameron Highlands dan Tioman yang dibina oleh orang lain, isu masa DLP dia itu nanti, *defect liability period*, siapa hendak betulkan? *Definitely*, Sumur Mutiara betulkan, bukan XCNT pasal dia bukan bina. *So, taking that into consideration, I think that's why the MoF agreed to give back to the contractor, not the technology provider.*

Cumanya di Pulau Langkawi dengan Pulau Pangkor, *technology provider is the contractor*. *So*, isu dia *operate does not ariselah*. Fasal dia juga kontraktor. *So, that's why this thing happens.*

■1240

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Mula empat-empat cadangan yang *technology provider* dibagi kepada empat-empat itu, itu adalah yang dikemukakan oleh KPKT kepada Kementerian Kewangan. Kemudian rayuan dibuat di peringkat Kementerian Kewangankah untuk ubah?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ya. Pada asalnya, itu asalnya. Selepas itu rayuan dan Kementerian Kewangan ubahlah bagi Cameron Highlands dan juga Pulau Tioman kepada Sumur Mutiara. Saya lupa beritahu tadi, kapasitinya berbeza-beza. *Can you go to the first page? First page.* Maaf ya Yang Berhormat, berbeza-beza dia punya kapasiti.

Macam Pulau Tioman itu, Cameron Highlands, *that is handled by* Sumur Mutiara. Pulau Pangkor, *that is 20 tonnes per day is handled by XCNT as the technology provider and also as a contractor.* Pulau Tioman, *technology provider XCNT* tetapi kontraktor adalah Sumur Mutiara. Pulau Tioman cuma 15 tan. Pulau Langkawi *is XCNT, the contractor and also the operator. Of course, the technology provider- 100 tonnes per day.* So, ia berbeza-beza dari sekecil-kecil 15 tan sehari kepada 100 tan sehari...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Saya hendak faham ini, apa nama *company* itu?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Sumur Mutiara.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Sumber Mutiara.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Sumur.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Sumur Mutiara itu, dia pun teknologi dia *to add value* apa yang *technology provider* asal itu kan? Ini bukan *just* kontraktor, dia ada juga teknologi tambahan.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *No, no*, dia kontraktor.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ali Baba.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *No.*

**Tuan Pengerusi:** Isunya begini.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Is the contractor.* Serupa juga macam...

**Tuan Pengerusi:** Kontraktor pembinaanlah.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ya, ya, betul.

**Tuan Pengerusi:** XCNT ini dia tidak ada kontraktor pembinaan?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi dia ambil bawah dialah.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ya, betul.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, dia tidak pernah buat pembinaanlah.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Dia kontraktorlah. XCNT, *technology provider.* Dia bina juga, *because* bawah dia, dia *sub sub sub.*

**Tuan Pengerusi:** Tidak, sebelum itu dia bina di mana?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Dia bina itu di Pulau Pangkor...

**Tuan Pengerusi:** Tidak, tidak, tidak. Sebelum dia diberikan kontrak ini yang dapat kelulusan Kabinet ini, dia pernah jadi kontraktor di mana? XCNT ini.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Dia punya dulu yang *pilot phase* dengan UiTM 2002 ingat.

**Tuan Pengerusi:** Di mana itu?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Di Terengganu, kalau tidak silap saya.

**Tuan Pengerusi:** Berjaya atau tidak berjaya?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *It's just a pilot. It's not a commercial plant. It's an R&D. Kita tidak boleh kata berjaya atau tidak berjaya Yang Berhormat, kerana it's a prototype. Once it's decided, dia kata okey, dia dapat all the informations. When do you do a prototype or a pilot phase, you want to ambil, hendak kumpul data-data for a bigger scale one. So, you buat a small one, once you sudah dapat information dia berhentilah.*

**Tuan Pengerusi:** *Sebab as in any proof of concept punya aktiviti, you kena ada dia punya laporan, dia punya achievement, apa semua, baru the proof of concept is approve. Baru the proof of concept is excepted. My question again, what's that pilot project is successful. What were the KPI's to determine whether it was successful or not.*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Pegawai saya akan bantu saya ya, Rohani ya. Yang asal itu Tuan Pengerusi, dia *successful* kalau ikut projek tersebut *successful*. Akan tetapi Tuan Pengerusi, untuk makluman...

**Tuan Pengerusi:** *Siapa cakap successful?... Who certified it as successful?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** UiTM, UTM, *because dia bukan bakar sistem pepejal Tuan Pengerusi.*

**Tuan Pengerusi:** Siapa?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Yang *pilot* itu.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, siapa yang bakar sisa pepejal?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *No, loji itu bukan bakar commingle sisa pepejal. Dia kertas.*

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *So, apabila sudah dapat information semua, dia sudah dapat initial itu, dia telah bentangkan konsep itu kepada Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal way back in 2006.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tahun 2006 itu Dato' di situ sudahkah belum?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Saya tidak ada, masa itu saya di NRE.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Jadi, Dato' masuk di kementerian ini bila?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tahun 2007.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tahnu 2007, okey.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Pada 1 Julai 2007 apabila jabatan itu telah diwujudkan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Jadi, waktu *pilot project* itu, Dato' tidak terlibat secara langsung ya?



**Tuan Pengerusi:** Persoalan saya begini. Soalan saya, perkara ini satu patut dimasukkan di dalam tender. Fasal apa kita hendak dapatkan macam-macam lagi sistem lain yang boleh dipakai. Akan tetapi dimasukkan ke dalam Kabinet, teknologi diterima sebagai teknologi yang boleh diguna pakai. Selepas itu Kabinet buat keputusan runding terus bagi kepada syarikat ini. Kita hendak tahu apa *backing* dia. Fasal apa, *backing* kepada *pilot project* itu tadi- untuk saya itu POC lah. Kalau POC itu dia punya *specs* dia untuk bakar kertas, hendak pakai untuk hendak bakar bahan-bahan yang *dangerous* ini, bahan-bahan yang toksik ini, sudah tentu penilaian yang dibuat kepada POC itu tidak boleh digunakan untuk hendak jadi *benchmark* atau hendak jadi dasar untuk projek ini. Projek yang diluluskan oleh Kabinet ini.

Soal selepas itu juga adalah, adakah Kabinet betul-betul tahu apa yang dia orang luluskan? Berdasarkan kepada *recommendation* yang telah diberikan oleh pihak kementerian kepada Jawatankuasa Kabinet tapi pihak kementerian pula bersandarkan kepada *certification* ataupun pengiktirafan daripada siapa bahawa teknologi ini memang sesuai untuk buat projek yang telah dilaksanakan ini. Itu soalan saya.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, lepas *pilot phase* tersebut pihak syarikat telah membuat R&D untuk menambahbaikkan projek asal dengan mengambil kira *current feed value, moisture content of a* sisa pepejal. Menjawab kepada Tuan Pengerusi tadi, mengatakan tidak ada penjelasan *in detail* kepada Jawatankuasa Kabinet sehingga mereka membuat keputusan. Sebenarnya, di bawah Jawatankuasa yang saya cerita tadi, di bawah Jawatankuasa Kabinet, diwujudkan satu Jawatankuasa Penilaian Teknologi khusus untuk menilai semua jenis teknologi yang dicadangkan kepada Kerajaan Malaysia.

Jawatankuasa Penilaian Teknologi tersebut dipengerusikan oleh KSU Kementerian, jabatan menjadi urus setia sahaja. Di mana semua ahli-ahlinya adalah *independent expert* dari semua universiti-universiti di Malaysia termasuk jabatan-jabatan yang berkaitan. Jadi, penilaian mereka adalah *independent*. Bukan dari kementerian akan tetapi jawatankuasa *expert* tersebut. Dia telah menilai konsep yang baru, yang telah dibentangkan oleh syarikat di jawatankuasa tersebut. *Because* semasa itu bukan sahaja syarikat ini dibentangkan, banyak *different type of technology* dibentangkan.

Akan tetapi apabila Jawatankuasa Penilaian Teknologi menilai, ini adalah satu teknologi baru oleh rakyat tempatan untuk menguruskan sisa pepejal, itu adalah satu *consideration* dia juga. Masa dia buat R&D itu, universiti-universiti pun terlibat, kalau tidak silap saya Agensi Nuklear pun sama.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, yang pentingnya apabila pada teorinya konsep itu diterima. Akan tetapi pada praktisnya, siapa yang memastikan ada bukti yang menunjukkan teknologi ini, konsep ini boleh digunapakai, itulah soalan kita.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Yang menentukan konsep itu diguna pakai adalah Jawatankuasa Penilaian Teknologi tadi. *Expert groups*. Saya ingin nyatakan *rotary kiln technology* yang dibuat oleh XCNT adalah penambahbaikan *existing technology*. *Rotary kiln* memang ada di merata-rata di dunia. *In fact, satu rotary kiln incinerator* pun telah ada di Ladang Tanah Merah di Port Dickson yang membakar *toxic waste*, Yang Berhormat. Yang Berhormat kata *toxic hazardous waste*. Yang kami punya ini tidak bakar *toxic hazardous waste*. *Toxic hazard waste...*

**Tuan Pengerusi:** Bukan, bukan. Barang datang dari rumah, tidak semestinya tidak ada *toxic waste*.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ada.

■1250

**Tuan Pengerusi:** *You* buang telefon ini pun, *you* bakar telefon ini, dia ada dia punya *toxic waste* nya.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Itu maksud saya. Itu sahaja Dato' sudah menyatakan kelemahan kementerianlah, *in the way you inspect your incinerator*. Maknanya, *you have the incinerator, you* katakan tidak digunakan untuk bakar toksik tetapi barang yang orang buang sampah semua penuh dengan toksik, *you* bakar sekali. *So, this...*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** ...Beginilah, saya pendekkan soalan saya, senang sahaja. Saya hendak tanya, kenapa dengan *this experimental technology, even though you have already done the proof of concept which to me it does not sound as if it follows the specification that you actually supposed to do, which is* bakar sampah daripada industri, daripada rumah dan sebagainya. *You* kata tadi bakar sampah pakai kertas, bahan bakar untuk *pilot project* ini pakai kertas. Itu sahaja pun sudah ada kejangalannya.

Kedua, *why did you give all four projects to try? Sekali gus which is actually* kalau kira campur total semua, *it is Fuh!* Berapa Dato' jumlahnya kalau empat projek ini? *[Disampuk] Almost RM200 millions of* peruntukan kerajaan *you give to untested, uncommercialize technology without considering other alternative*. Itu persoalan kami.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Hendak tambah lagi Dato', kalau ikut Laporan Audit, teknologi yang sama, dibuat di Majlis Daerah Kuala Terengganu tadi gagal, yang mana kontraktor ataupun *technology provider* telah pun terpaksa membayar pampasan hampir RM2 juta. Jadi, dengan *background* kegagalan itu, kedua, *proof of concept* baru sahaja buat, kita *jump the gun*, pakai teknologi itu untuk beri mereka keempat-empat. Apakah rasionalnya itu?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Boleh cakap?

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak mahu, cakap jangan buka *mike*.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ya. Maaf Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apa. *You* boleh beri keterangan tanpa buka *mike* tetapi bila buka *mike* sahaja, apa-apa direkod ya.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Saya cakap ya. Kita masa itu- ini di bawah Skim Jejak Jaya Bumiputera... [Disampuk] Yang mana ia *goes through MoF* yang diminta diberikan projek-projek tersebut. Akan tetapi Yang Berhormat, bukan sebab itu sahaja, saya sudah cakap tadi *experts* itu telah pun semak untuk itu dan juga apabila dibina sesuatu insinerator tersebut Yang Berhormat, kita mempunyai *detail impact assessment* yang perlu dijalankan terlebih dahulu. Apabila sah dengan *air modeling* itu semua, apabila telah diluluskan EIA, baru dibenarkan untuk dibina insinerator tersebut, *rotary kiln*. Selepas sudah lulus oleh EIA, *air modeling* semua, semasa pembinaan tersebut, pihak kementerian memantau pembinaannya mengikut spesifikasi atau *design* yang telah diluluskan oleh pihak jawatankuasa penilaian teknologi tersebut.

*So, the concept* itu, kalau dibina berdasarkan dia punya *design* bertepatan, barulah dia *continues* dia punya sampai akhir. Mengatakan ia tidak berfungsi mengikut *design*, kita telah pun membuktikan tadi di Pulau Pangkor, ia pun beroperasi mengikut apa yang di *design*. *Insyallah*, Pulau Langkawi ini kita akan *monitor* akhir tahun ini apabila dia *start* beroperasi, dia beroperasi mengikut *designs* yang telah ditetapkan.

**Datuk Wee Jeck Seng:** Tuan Pengerusi, Dato', saya hendak tahu, adakah pada waktu itu, jawatankuasa hanya meluluskan satu sahaja *technology provider* ini?... Tidak ada pilihan lain?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Datuk, untuk *rotary kiln* satu, pasal dia banyak jenis teknologi, jawatankuasa itu- banyak ada plasma, ada pirosis tetapi ini khas untuk *rotary kiln incinerator* kerana ia di pulau Yang Berhormat, di pulau-pulau. *That is why-* sebab itu kita bagi pada *rotary kiln below 100 ton per day*. Kalau *above* macam Yang Berhormat kata tadi insinerator yang hendak dibina sekarang bukan, itu bukan *rotary kiln*. Itulah *stoker*. Jadi, insinerator itu *generate work* tetapi dia banyak *type*, ini khas untuk ini. Untuk ini, sama dengan yang saya kata tadi dekat dalam Tanah Merah tetapi itu khas untuk...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** ...Yang Kuala Terengganu tadi?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Itu prototaip Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Itu prototaip, kenapa kalau prototaip kena bayar pampasan kepada pihak Majlis Daerah Kuala Terengganu?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Maaf Yang Berhormat pasal saya *do not have that information* pasal prototaip.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Soalan saya, tadi justifikasi yang diberikan termasuk bahawa *evaluation* telah pun dibuat oleh satu jawatankuasa teknologi yang ada *experts* dan semua ini.

Boleh atau tidak kita dapatkan senarai *experts* yang ada dalam jawatankuasa tersebut dan apakah pandangan ataupun laporan yang telah pun dibuat oleh pihak *experts* ini yang kata teknologi ini paling sesuai, paling baik untuk dilaksanakan di keempat-empat ini?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Kita boleh beri Yang Berhormat senarai-senarai *experts* kita dan juga minit mesyuarat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dalam mesyuarat tersebut, yang membuat keputusan.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ya, ada. Salah satu saya ingat Yang Berhormat- okey.

**Tuan Pengerusi:** Ada lagi soalan?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Boleh atau tidak kita habiskan?

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Then we do all the questions...*

**Tuan Pengerusi:** Saya pun mencelah tadi ada sebab. Adalah isu ini kalau- ini bapak isu dia, ekor ia pun dan badan ia pun ikut sama. Masalah berterusan. Tidak apalah. Dato' boleh teruskan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Cuma saya hendak dapatkan kepastian tadi ini, Sumur Mutiara tadi itu, *basically*, tidak ada teknologi tambahan. Dia cuma syarikat yang diberi untuk mengambil alih dua lagi yang menggunakan teknologi yang sama. Betul pemahaman kita itu? Dia memang tidak ada teknologi apalah. Dia pakai teknologi yang sama itu...

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Betul Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Bil dia lainlah.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Betul. Cuma... ini Yang Berhormat, penemuan Audit mengatakan pembayaran *material off-site* dibuat tanpa sokongan resit atau dokumen sokongan. Sebenarnya pembayaran *material off-site* tersebut telah dibuat apabila kita menggunakan sebagai *purchase order* untuk pembayaran tersebut. Yang ini Yang Berhormat, boleh saya minta izin, saya minta rakan saya iaitu Tuan Haji Rahim untuk menjelaskan tentang kes yang ini.

**Encik Rahim bin Mohayidin [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Saya Rahim bin Mohayidin, Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ingin menjelaskan kaedah pembayaran bagi projek insinerator, apa yang kita telah buat di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kaedah pembayaran bagi bayaran interim bagi semua projek insinerator yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah seragam berdasarkan sedikit pindaan daripada projek-projek biasa, yang mana bagi projek insinerator atas permohonan kontraktor, KPKT telah bersetuju untuk pembayaran bagi *material off-site*.

Sehubungan dengan itu, KPKT telah membuat pindaan ayat-ayat *addendum* kepada syarat-syarat kontrak untuk membolehkan pembayaran bagi peralatan di luar tapak atau *material off-site* dibuat sewajarnya. Persetujuan yang diberikan oleh KPKT mengambil kira lebih daripada 60%. Skop kerja projek insinerator adalah kerja mekanikal dan *electrical* yang terdiri daripada peralatan yang dibuat atau dipasang di kilang atau dipanggil *manufactured equipment* yang memerlukan wang pendahuluan atau *down payment* yang agak besar untuk membuat tempahan, *purchase order*. Hasrat KPKT dalam memberikan persetujuan ini adalah supaya projek dapat dimulakan dengan lancar apabila kontraktor tidak mengalami masalah modal atau aliran tunai di peringkat awal pelaksanaan projek...

**Tuan Pengerusi:** Sekejap, sekejap. Ini *recorded* tahu?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya kementerian beri kontrak kepada orang yang tidak cukup duit-kalau *statement* Encik Rahim macam itu? [Ketawa]

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Bukan- cuma atas rayuan kontraktor, kita beri persetujuan.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, tidak. Kementerian Kewangan punya *stand* macam mana? Adakah *advance payment* ini perlu dapat kelulusan Kementerian Kewangan?

■1300

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ini bukan *advanced payment* Tuan Pengerusi, yang ini...

**Tuan Pengerusi:** Kalau saya dengar ini, macam *advanced payment*, macam kontraktor tidak ada duit, kementerian bagi dahulu.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Dia bukan- cuma begini Tuan Pengerusi, kita bersetuju di atas permohonan kontraktor untuk bayaran untuk *off-site* apabila diberikan *purchase order*, itulah yang kita bersetujulah.

**Tuan Pengerusi:** Kaedah itu memang boleh diwujudkan, dia punya secara- tetapi niat dia tidak bayar kontraktor dulu untuk *advance payment*, kerja yang belum dibuat lagi- adakah ini melanggar tatacara ataupun *circular* Kementerian Kewangan?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Macam ini Tuan Pengerusi. Saya secara terus terang memang pada peringkat persetujuan yang diberikan oleh jabatan yang kami di cawangan pelaksanaan, memang kita terlepas pandang sebenarnya dari segi *material off-site* sebab memang betul-betul dari segi *Treasury Instruction* memang tidak boleh. Cuma, pada masa itu kita memang terlepas pandang tetapi kita sudah memberikan persetujuan dan sekarang barulah kita sedar bahawa benda ini memang tidak bolehlah.

**Tuan Pengerusi:** Dalam isu perundingan terus, sepatutnya semua perkara ini sudah diambil kira dalam rundingan tersebut. Sudah tidak ada lagi terlepas pandang.

Ini kami pandang berat isu ini sebab isu ini juga akhirnya kami juga hendak tahu sama ada barang-barang yang telah ditempah ini, yang sudah dibayar dahulu ini akhirnya telah diterima oleh kementerian atau tidak. Kalau tidak diterima, mana pergi duit itu? Kenapa tidak dipulangkan semula? Lebih teruk lagi kalau duit itu terus senyap sahaja, maknanya mungkin ada isu fraud di sini.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Bukan begitu Tuan Pengerusi, saya menjelaskannya lagilah, Tuan Pengerusi. Bagi pembayaran *material off-site*, sebenarnya tidak melibatkan perbelanjaan tambahan dipihak kerajaan kerana kita pada peringkat awal kalau contohnya RM1 juta, jadi apabila kontraktor telah membuat *purchase order*, jadi berdasarkan jadual yang kita telah bersetuju secara jabatan, jadi kita bayar 30%. Akan tetapi apabila barang tersebut telah dibuat dan dibekalkan, kita akan bayar setakat nilai asal sahaja, bukan ada lebihan bayaranlah.

**Tuan Pengerusi:** Kata tidak dibekalkan. Barang yang dimaksudkan ini, adakah ia telah dibekalkan?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Bagi projek yang dimaksudkan ini untuk projek TOP Labuanlah. Bagi projek TOP Labuan, memandangkan projek ini tidak dapat diteruskan disebabkan ada masalah tapak, jadi menyebabkan bayaran yang telah dibuat itu tidak dapat dibekalkan.

Cuma untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa, selepas kita membuat penilaian keseluruhan, memang masih ada lebihan bayaran. Cuma memandangkan projek ini terpaksa kita tamatkan atas sebab kerajaan yang memungkirkan kontrak, jadi atas sebab kerajaan yang memungkirkan kontrak, kita nilaikan kalau pergi ke mahkamah dengan *arbitration* dan sebagainya, nilai yang sama ataupun lebih lagi terpaksa dibayar kepada kontraktor, jadi kita hanya bersetuju untuk tanpa tuntutan. Jadi pihak kontraktor tidak membuat tuntutan dan kita tidak membuat tuntutan atas dasar hendak buat *mutual termination*...

**Tuan Pengerusi:** Encik..., "Encik" atau "Datuk" ya?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Encik.

**Tuan Pengerusi:** Okey, *statement* Encik tadi, maknanya Encik kata kegagalan projek TOP Labuan itu adalah disebabkan oleh kementerian?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kenapa?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Pada asalnya kami tidak menjangkakan yang proses *arbitration*, timbang tara antara kontraktor asal dengan kerajaan tetapi *arbitration* itu berlanjutan sampai enam... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Yang Berhormat, biar saya jelaskan itu tentang *statement* tadi, kesilapan kementerian, bukan. Sebenarnya apabila kita membuat projek penambahbaikan TOP Labuan tersebut, kita tengah bina- membuat penambahbaikan. Dalam penambahbaikan itu, sepatutnya kita merobohkan loji sedia ada. Ia ada dua loji di situ.

Jadi semasa kita tengah berbincang, masa kita dah *award* dia, dia sepatutnya bina tetapi untuk bina itu, kena merobohkan *existing plant*. Kita mendapati pihak AG pada masa itu, bukan *Auditor General*, Jabatan Peguam Negara ya, semasa di dalam *arbitration*, dia kata tidak boleh dirobuhkan sedia ada, tunggu sampai *arbitration finish* kerana ia sebagai bahan bukti.

Jadi kita di pihak kementerian ada dilema sedikit. Kalau hendak tunggu, berapa lama *arbitration* habis? Nanti pihak kementerian terpaksa membayar kepada pihak syarikat itu sebab *delay of project*. Jadi pada masa itu telah dibuat keputusan di pihak kementerian supaya membatalkan projek di Labuan, di Taman Ranca-Ranca. Ia ada dua tempat, ini di Taman Ranca-Ranca. So, secara *mutual agreement* mengatakan kita akan bagi dia satu projek di Labuan juga, bersebelahan, di tapak lain. Akan tetapi kita pada masa itu, kita minta kelulusan dari *Treasury* lah, boleh kah tak boleh. Selepas itu *Treasury* kata boleh. Dia bagi kan, dan dia sambung kan, boleh, pada masa itu.

Jadi yang Tuan Haji Rahim kata, sebab kita beri itu kerana pihak asal itu dia diberhentikan projek bukan kerana kegagalan dia membuat kerja tetapi di atas kekangan, kerana ada loji sedia ada yang tidak boleh diruntuhkan, dia tidak boleh *proceed*. Jadi kalau kita memberhentikan dia di atas sebab tersebut, dia boleh menuntut *lost of profit, compensation* lah sebab bukan salah dia. *Nothing to do with technology* dia kata, cuma kerajaan tukar fikiran berhentikan kerana lewat sangat di situ, pergi ke tempat lain, jadi hendak *off-site*.

Itu Tuan Haji *can continue* lah.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi syarikat yang Labuan ini, XCNT ya? Yang asal itu kami dimaklumkan yang Ranca-Ranca itu baru RM34 juta dia punya kos pembinaan, yang baru ini dirancang ini RM100 juta...

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Rancang lagi, belum bagi apa.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, yang *site* baru yang kata hendak...

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Di Bukit Kalam.

**Tuan Pengerusi:** Bukit Kalam ini hendak tukar...

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Bukit Kalam.

**Tuan Pengerusi:** Hendak tukar ganti ini.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Berapa besar di Bukit Kalam itu?... RM100 juta.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Di Bukit Kalam- yang Ranca-Ranca ini kecil.

**Tuan Pengerusi:** Tahu, tahu. Soalan saya sekarang ini ada dua perkara tadi. Satu tadi kami lihat dari segi prestasi keseluruhan di tempat lain pun, XCNT ini tidak memuaskan juga, dia ada masalah- selain daripada dia jadi *technology provider* tetapi apabila tadi kami ingat ia gagal di Ranca-Ranca, rupa-rupanya kementerian sudah mengakui bahawa kementerian yang salah.

Sekarang ini hendak ganti pula projek Ranca-Ranca yang kecil RM30 juta itu dengan projek yang lebih besar, RM100 juta di Bukit Kalam itu. Jadi saya pun- kenapa tidak tenderkan sahaja?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Sekarang memang ditender, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi tadi Dato' kata macam ada *agreement* hendak ganti balik?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Itu sudah selesai. Semasa *agreement* tadi, *mutually terminated* supaya dia tidak menuntut pampasan dengan memberikan satu lagi projek di situ, di Bukit Kalam.

**Tuan Pengerusi:** *No*, tetapi *original contract RM34 million* sekarang ini kita hendak *compensated* dengan projek RM100 million? *I don't see the logic there.*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Belum lagi Yang Berhormat kerana itu kita belum rundingkan apa, sekarang pun sudah diberhentikan projek itu, *Treasury* suruh buka tender, *open tender*.

**Tuan Pengerusi:** Oh, sekarang ini buka tender?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ya. Itu saya hendak beritahu.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *What happen to the agreement* itu? Kalau dahulu kita *mutually agreed to terminate to avoid arbitration*, kita *agree*, kerajaan *agree* kerana beri dia peluang *another contract*, so sekarang ini apabila MoF pula membuat keputusan untuk buka *open tender*, so *what happen to that agreement?... Can he come back and go after us?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Semasa kita buat dahulu *is mutually terminated*, dua-dua bersetuju *mutually terminated*, tetapi kalau jawapan yang saya beri ini mungkin *preemptive*, kita tidak tahu lagi *because* semasa *sign* itu *mutually terminated*. So, *they cannot come back to us* lah *asking for compensation* tetapi *preemptive* lah, *I do not know...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Dengan syarat kerajaan bersedia untuk bagi dia satu projek lagi...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Let me rephrase*. Adakah janji untuk memberikan ataupun *replacement site or contract* yang ditawarkan itu dalam satu perjanjian bertulis ataupun janji mulut kata dalam mesyuarat sahaja?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Untuk makluman Yang Berhormat, janji tersebut adalah dalam mesyuarat sahaja dan *mutual termination agreement* tidak ada, tidak disebutkan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Akan tetapi dalam mesyuarat ada minit kan.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ada minitlah.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** So, minit itu *is as good as written*.

■1310

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ada minit bahawa kerajaan akan menawarkan *site* baru sebagai ganti rugi bagi *site* yang ditamatkan.



**Encik Rahim bin Mohayidin:** Dalam minit itu disebut memandangkan Kementerian kewangan sudah beri kelulusan. Jadi, kita sebutlah. Bukan kita sebut sebelum itu.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Soalan saya yang berikutnya. Tadi kalau saya faham apa yang AG beritahu, ada pampasan RM7 juta. Adakah tadi yang *some payment* yang bagi untuk projek lain juga digunakan untuk *part offset* pembatalan kontrak ini. Adakah? *Did I get it right or I'm confused?*

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Tidak ada, tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Itu soalan yang mungkin lebih luas skopnya. Dari segi KPI yang perlu dicapai untuk bayaran, *trigger the payment*. KPI tersebut adakah ia ditulis secara lisan? Maknanya, spesifik di dalam kontrak dan sebagainya ataupun perkara tersebut di bawah *guideline*, di bawah *addendum*?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Pembayaran bagi *material off-site* kita keluarkan..

**Tuan Pengerusi:** Keseluruhan, keseluruhan. Maknanya, untuk apa-apa pembayaran pun ada tidak *stated* KPI yang perlu dicapai dahulu sebelum pembayaran boleh disahkan untuk dibuat?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Tidak ada. Ia berdasarkan kepada *work done per month*-kalau ikut yang biasa.

**Tuan Pengerusi:** *Work done* itu- apa yang *work and done* itu?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Dia begini Yang Berhormat, dalam kontrak bagi kesemua projek, syarat-syarat kontrak JKR, bayaran bulanan ataupun bayaran interim dibuat berdasarkan kerja dilaksanakan termasuk bahan-bahan yang dihantar ke tapak. Itu yang asal. Cuma yang kami maklumkan tadi kami ada buat satu penambahan untuk *material off-site*. Kalau asalnya *material on-site* memang ada dalam asal kontrak.

**Tuan Pengerusi:** Begini, maksud saya, apakah KPI, maknanya berapa banyak tan dibakar, adakah pembakaran itu dibuat dengan sempurna, adakah pelupusan pembakaran itu dibuat dengan sempurna barulah *output* daripada insinerator telah disahkan, *work done and then pay*. Itu yang saya hendak tanya itu. KPI itu.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Itulah Yang Berhormat, fasal Tuan Haji itu cerita fasal pembinaan [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi:** Dia *in-charge* pembayaran. Jadi, saya ingat dia *in-charge*.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Saya pun salah faham, pembayaran. Operasinya ada, KPI nya. KPI nya setiap penalti kita kenakan *about* RM1,000 *non-compliance*. Akan tetapi yang penting Yang Berhormat, *because* apabila berada di dalam operasi, ia tertakluk kepada dua undang-undang berbeza. DOE akan lihat *emission standards*. Itu di bawah penalti DOE. Dia kalau *more than 0.1 nanogram shutdown*, dia kena penalti. Di bawah kami pun kami ada KPI kami sendiri. So, ada.

**Tuan Pengerusi** Soalan saya tentang pembayaran. Kami *just* nak dapatkan *clarification* mengenai *reasonableness of KPI* itu *whether it is achieve or not achieve before you pay?*

Fasal ada juga yang insiden yang kalau dia *produce* berapa tan, bayar sahaja tetapi *the output* itu tidak menepati syarat dalam kontrak.

Kita faham sebab di sini ada laporan kata insinerator bakar tidak cukup panas, *moisture content* terlalu tinggi dan sebagainya. So, kalau pembayaran dibuat tanpa melihat kepada kualiti output itu sendiri mengikut kontrak, bagi saya pembayaran tidak sepatutnya dibuat. *The contract is not fulfilled. The incinerator not functioning as it should be.*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Yang Berhormat, boleh tidak nanti saya datang ke tempat soalan Yang Berhormat itu ada satu *slide*, saya *goes back* nanti. Boleh ya?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya hendak tujukan balik kepada isu pembayaran awal itu. Saya sudah baca petikan daripada *Auditor General Report*. Pada 9 Jun 2009, KPKT telah membayar sejumlah RM5.17 juta bagi interim ketiga pada XCNT. Namun, tiada bukti pihak kontraktor ada mengemukakan resit ataupun dokumen sokongan kepada KPKT sebagai bukti pembayaran *material off-site* berjumlah RM5.07 juta telah dibuat kepada syarikat pembekal Clean Earth Technology Sdn. Bhd. Tiada bukti pengesahan fizikal ke atas *material off-site* ada dilaksanakan sebelum bayaran dibuat. Apakah komen daripada pihak kementerian?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana yang saya jelaskan tadi untuk bayaran *material off-site* kita ada keluarkan. Maknanya, KPKT ada mengeluarkan kaedah melalui jadual pembayaran dikeluarkan kepada kontraktor. Jadi, dalam jadual pembayaran yang kita tetapkan berdasarkan *purchased order* kita akan bayar 30%. Itu dari segi kaedah pembayaran. Jadi, dari segi resit dan itu memang kita tidak minta sebab kita dah tetapkan macam itu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Adakah ia- tidak kiralah mengenai peraturan dalam Kementerian Kewangan atau JKR, adakah cara pembayaran sebegitu wajar dibuat oleh sesiapa, mana-mana kementerian pun?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Cuma pada pandangan kami pada masa tersebut, masa kontraktor memohon dan kita berbincang dan bersetuju, bagi kami maknanya tidak ada masalah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Syarikat Clean Earth Technology ini syarikat apa?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ini pembuat ataupun pembekal untuk *incinerator block*. *Actually*, yang kita bayar kepada XCNT sebab XCNT yang buat *purchased order* kepada Clean Earth. Jadi, *based on purchased order* daripada XCNT, kita sudah bayar kepada XCNT. Jadi, dari segi XCNT dan Clean Earth itu *different contract*. Mereka punya kontrak, bukan kita punya kontrak.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Adakah kementerian mengambil tahu bahawa syarikat Clean Earth Technology ini merupakan *shareholder* kepada syarikat XCNT?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Saya tidak tahulah.

**Puan Noraini binti Abdul Rani [Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan)]:** Ada, oleh sebab kita ada membuat lawatan FAT ke dia punya *factory*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sebagai *shareholder*? So, kementerian tahu bahawa Clean Earth Technology ini merupakan *shareholder* kepada XCNT?

**Puan Noraini binti Abdul Rani:** Dia bukan *shareholder*. Dia adalah pembuat atau pengilang oleh XCNT.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Pernahkah pihak kementerian buat semakan, siapakah pemilik saham, pemegang saham bagi syarikat XCNT?

**Puan Noraini binti Abdul Rani:** Dia bukan *shareholder*.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Yang Berhormat, apabila XCNT telah mengemukakan *purchase order*, memang pihak kita, Unit Kejuruteraan Mekanikal KPKT memang pergi semak dulu, *is it* betul sudah sampai. Kalau memang *purchase order* sudah buat, baru kita bayar. Bukan kata *just* keluarkan dokumen, kita bayar. Tidak. Kita dapat pengesahan dahulu sudah diterima oleh pembuat atau pengilang.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Pengesahan bahawa *purchase order* dibuat. Akan tetapi ini *purchase order between two related companies*. Saya ada dokumen SSM di sini yang menunjukkan bahawa *Clean Earth Technology is a 49% shareholder of XCNT*.

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Maybe the way I see it, to them the most important thing is the purchase order. Maybe they do not have to go all the way up to check who is the shareholders. I am looking at it, because to them the most important thing is the purchase order.* Walaupun pada masa yang sama saya juga berasa cara pembayaran itu memang tidak wajar sebab benda ini teknologi. Akan tetapi macam tuan katalah, mungkin setelah perbincangan dengan kontraktor, itu keputusannya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey, soalan terakhir perkara ini sebelum encik *proceed*. Apakah *material* ini yang kita bayar RM5 juta?.. *What exactly did we pay for?*

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Okey, *material* yang termasuk di dalam *incineration block* ini. Sekejap saya baca. Di sini dia ada banyak item.

(i) *two unit primary chamber rotary kiln, 50tpd rotary kiln, diesel turner, air injection draft fan, based support frame, refractory with stainless steel fiber, material air box with high temperature ceramic fiber, insulated connecting duck to secondary chamber, high temperature aluminum part.*

■1320

(ii) *two unit of secondary chambers as accessories* dalam itu ada *cyclonic secondary chamber, air injection draft fan, insulated refractory wall, high temperature aluminum paint;*

- (iii) *two unit hydraulic ram feeder and accessories* termasuk dalam itu ia ada *ram feeder, cooling tower and pump hydraulic cylinder, power packs;*
- (iv) *two unit waste feed hopper,* dan
- (v) *electrical cable and connection up to incineration electronic panel NMCC.* Ia ada situ *digit cable, two unit termination boxes and two unit TLC panel.*

So, untuk *detail scope of supply* ia ada lagi *raw material and component bill of material.* Dia ada *my steel 61.1 tan, clean drum assembly, intake heat, discharge heat, support frame, roller and frame, feeder ram, feeder support- hopper, adapt to secondary chamber, service platform, stainless steel...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Okey, tidak mengapa. Tentang *payment, down payment* kah atau semua itu? Kita bayar...

**Encik Rahim bin Mohayidin:** *Actually,* kita bayar *based on* dia buat, *purchase order* untuk ini semua.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Jadi, barang yang tuan baca banyak-banyak itu akan sampai akan sampai ke *site* selepas ini kah atau dia hendak sebahagian daripada itu?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Dia akan buat, dia akan *fabricate.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Fabricate* tetapi bukan bayaran penuhlah, mungkin.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Bukan itu *just 30%* untuk dia- selepas itu kita ada lagi *65%* apabila ia sudah siap, bila bayar berapa, bila sudah pasang berapa. Kita ada *schedule,* dalam *schedule* semua kita sudah sebut.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Barang-barang tadi itu?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Yang itu, yang pertamanya *incineration block.* *Incineration* itu berapa, itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Sorry* ya, minta tambahan sedikit. Kontrak is *RM34 million,* kontrak bagi Labuan *RM34* juta. Jumlah yang telah dibayar oleh pihak kerajaan *RM33.2* juta, *is that correct?*

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Termasuk yang lama itu, yang sekarang kita bayar *RM7.455* juta.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey, kepada XCN, yang lama itu *RM25.7* juta bagi syarikat lama yang *failed* juga sebelum itu.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dulu punya kontrak sudah gagal, syarikat lain *RM25* juta. So, *this is a new contract. These new contract total pay is RM7.5 million... [Disampuk] XCN RM7.5 million then company that failed before was RM25.8 million. So, total paid by government nothing in Labuan is RM33.2 million.*

**Tuan Pengerusi:** *Pay for nothing? Ya, the project were cancel.* Teruskan Dato'. Saya tidak mahu Dato' confuse juga, jadi kita habiskan dulu baru kita tanya.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, yang ini perumahan mengatakan bahawa T&C disediakan hanya untuk lima hari sahaja. Di dalam kontrak kita tidak pernah dinyatakan berapa lama T&C. Cuma dalam *Critical Path Method (CPM)*, itu bagi maksud kerja-kerja di lapangan oleh pihak kontraktor. Dia tunjuk 23 hari semua tetapi dalam kontrak kalau kita buat T&C Tuan Pengerusi, kita boleh pilih lima hari, tujuh hari atau 10 hari.

Jadi, kita hendak nyatakan di sini di dalam kontrak memang tidak disebut berapa tempoh T&C. *It can be a technical call, it can be a policy call.* Kata hendak buat 10 hari dan kita buat 10 hari juga. Akan tetapi itu sahaja *there is no definite in the contract saying T&C must be 5 days.*

*Next*, ini pun penemuan Audit mengatakan T&C telah tidak teratur dan diluluskan tanpa bukti-bukti keseluruhan. Saya ingin jelaskan di sini bahawa semasa T&C- setelah ia lulus semua-semua parameter yang ditetapkan barulah ia diluluskan T&C. *In technical part* mungkin saya akan jemput rakan saya Puan Noraini untuk sebut tentang *technical part of it.* So, *technically* memang, kalau tidak lulus memang T&C itu tidak akan diluluskan.

Kita ada buat T&C sampai dua kali ya untuk Langkawi, sampai dia lulus. Baru kita lepaskan T&C. Seterusnya, penemuan Audit. Ini adalah isu-isu di- Yang Berhormat dan ahli-ahli, di mana penemuan Audit kata masing-masing *of these incinerator* mengalami pertambahan-pertambahan masa. Umpamanya, Pulau Langkawi telah tiga kali kita bagi EOT, Pulau Pangkor dua kali dan Pulau Tioman tiga kali ya. Tunjuk kepada Pulau Langkawi kenapa kita beri EOT...

*[Merujuk kepada paparan slaid]*

Ini Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli, untuk Langkawi memang benarlah dia dapat sebanyak itu EOT. Akan tetapi kita juga ingin jelaskan ini sahaja yang kita bagi, yang mana lewat kita telah dikenakan mereka *liquidated and ascertained damages.* So, *they have to paid us about RM1.3 million* kerana kelewatan. *Next...*

**Tuan Pengerusi:** Kelewatan bukan salah kementerian ya?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Bukan.

**Tuan Pengerusi:** Langkawi bukan salah kementerian, salah kontraktor.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Boleh jelaskan kenapa EOT diberikan?

**Tuan William Leong Jee Keen:** Kenapa 693 hari?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *[Merujuk kepada paparan slaid]* Patah balik. EOT yang kita berikan kerana memanglah kalau ikut dia punya *proposal* kita bagi mereka *certain time.* EOT diberikan kerana sebab-sebab di lapangan.

Pertamanya, terdapat apabila dibuat *piling* untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa, tapak keempat-empat *incinerator* tersebut adalah tapak pelupusan sistem pepejal, ia bukan tanah keras, ia sisa pepejal. Apabila mereka melakukan sesuatu, dia kadang-kadang *goes by luck* kerana bila *piling* dia buat *site piling, investigation* dia tidak buat *site investigation every one meter* atau *one meter*. Dia akan buat *certain part*. So, bila tanya *piling*, nasib dia- balik, dia *piling* bukan dekat dia buat itu, di tempat lain. *Piling* yang kita tengok sampah.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tidak, tidak minta maaf. *Basic fundamental construction* sebelum *foundation design* dibuat ia mesti ada *stall investigation test*. Dia bukan cerita kita pejam pergi agak-agak dekat mana hendak buat. Macam mana benda itu jadi Dato'? Mesti hendak buat platform, dia mesti ada *engineering study*, dia akan ada *soil study*. *Soil study* itulah *engineer* selalunya *decide* dekat mana hendak buat *piling*.

So, itu bukan kesilapan kerajaan. Itu kesilapan kontraktor pasal ini daripada awal macam *design and build contract* sebab teknologi itu dia, *design* itu dia, bangunan itu dia. Jadi kenapa kerajaan hendak bagi EOT kalau itu masalahnya?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Saya akan panggil *my technical people explain one of the reason for EOT* Yang Berhormat ya. Okey.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Untuk makluman Yang Berhormat, kalau tidak silaplah, maknanya semua projek kontrak ada buat *soil investigation* cuma pada tempat yang dibuat itu tidak menjumpai sampah. Jadi, apabila kontrak berjalan, didapati ada sampah dan maknanya kita tengok bukan kesilapan kontraktor, memang kita bagi lanjutan masa berdasarkan syarat-syarat kontrak. Bukan kita bagi tanpa syarat kontrak.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu memang sudah lama jadi kontraktor.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Saya tidak terima jawapan itulah. Saya tidak hendak terima.

**Tuan Pengerusi:** Saya pun datang dari bidang itu juga dulu, masa saya mula-mula kerja. Jadi, *soil investigation* buat dulu. Selagi benda itu tidak *approve* jangan *start project*. Kalau *you start* dahulu maknanya- ini kira macam projek ini sudah *start*, patutnya semasa *soil investigation* *you* sudah *stop*. Jangan *start* dulu, ini sudah *start*, dia *start*. Maknanya tidak buatlah *soil investigation* sebelum projek ini *start*. Bila kontraktor sudah ambil *site construction* baru hendak buat. Inilah yang menjadi masalahnya, lepas itu buat tanah atas pelupusan sampah. Memang sudah tahu pun tempat itu tempat pelupusan sampah. Jadi untuk saya, saya tidak boleh terima kelewatan. Tadi Dato' ada kata kelewatan satu lagi itu pasal kementerian punya hal. Ini kontraktor punya hal. Soal EOT yang hendak dibagi sampai berkali-kali ini tidak boleh diterima oleh sayalah. Saya tidak tahulah Jawatankuasa hendak terima alasan itu atau tidak.

**Tuan William Leong Jee Keen:** Ada konsultan tidak untuk kementerian bila memberikan *extension of time*?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Kita tidak menggunakan konsultan untuk projek reka dan bina. Cuma untuk makluman Tuan Pengerusi dan semua, saya ingin bacakan alasan sebab tadi mungkin saya pun tidak tengok alasan. Cuma saya *follow* daripada Dato' Dr. Nadzri tadi.

■1330

Alasan sebenar yang kita bagi DOT ya. Pertama, untuk Pangkor, terdapat garis panduan baru Jabatan Alam Sekitar menyatakan bahawa mana-mana projek yang perlu melakukan DEIA harus juga menjalankan kajian penilaian ekonomi. Penilaian ekonomi ini merupakan satu peraturan baru yang pada ketika itu dan pihak kontraktor memerlukan tambahan masa untuk menyiapkan kajian tersebut. Jabatan Alam Sekitar telah membuat keputusan bahawa had pelepasan *affluent* hendaklah mematuhi standard 'A' dan bukannya standard 'B' seperti yang telah diputuskan dalam kos asal projek. Ini telah memerlukan pihak kontraktor untuk mengkaji semula kos dan reka bentuk loji tersebut bermula Jun 2008 sehingga Ogos 2008.

Kedua, keadaan tapak binaan adalah berbeza daripada apa yang dimaklumkan kerana pihak XCNT mendapati bahawa tapak projek merupakan tapak pelupusan. Ini yang tadi.

Seterusnya, kuantiti sampah yang bertambah telah memasuki sempadan tapak dalam tempoh pembinaan menyebabkan pihak kontraktor menghadapi masalah dalam pembinaan projek. Kerja-kerja pembersihan tapak terpaksa dijalankan dari semasa ke semasa.

Keempat, kerja-kerja perobohan bangunan sedia ada telah selesai pada 16 Ogos 2008. Walau bagaimanapun, kerja-kerja mengalih skrap yang sepatutnya dijalankan oleh Majlis Daerah Manjung perlu selesai sehingga November 2008. Sisa ini akhirnya terpaksa dialihkan sendiri oleh kontraktor.

Seterusnya, sebahagian besar lokasi cerucuk tidak enap. Itu yang sebagaimana yang dijelaskan tadilah.

Keenam ialah perubahan reka bentuk bangunan pejabat dari bangunan satu tingkat kepada dua tingkat bagi memuatkan ruang untuk taklimat bagi memberi kemudahan kakitangan dan pelawat-pelawat insinerator untuk tujuan pendidikan dan pembelajaran. Arahan ke atas perubahan ini melibatkan kerja reka bentuk semula struktur bangunan serta menjalani semula siri ujian tanah dan tapak yang berkaitan.

Untuk Langkawi pula, yang pertama tadi kelewatan menerima kelulusan Kajian Penyeliaan Terperinci Alam Sekitar (DEIA) disebabkan arahan tambahan skop kajian oleh Jabatan Alam Sekitar. Sama yang tadi. Kedua, arahan perubahan kerja untuk pembinaan fasiliti sementara dan seterusnya kelewatan mendapat kelulusan merobohkan bangunan-bangunan sedia ada di tapak.

Keempat, kerja-kerja pembinaan parit saluran keluar jenis RCP. Kelima, pembinaan persimpangan jalan masuk ke tapak (ACDC) dan seterusnya pemasangan talian tetap untuk sistem telekomunikasi.

Untuk Pulau Tioman, yang pertama, kelewatan mendapat kelulusan merancang. Kedua, penambahan tingkat bangunan pejabat sebagaimana yang saya sebut tadi. Yang ketiga, kelewatan disebabkan perkhidmatan bot kargo diberhentikan sementara.

Keempat, kelewatan penyediaan bekalan tenaga elektrik daripada TNB dan kelima, kelewatan penerimaan talian telefon daripada Telekom menyebabkan sistem CEMS tidak dapat diuji.

Perlu saya teruskan Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Ada lagi soalan? Okey, teruskan Dato'.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Penemuan Audit kata kita hanya membelanjakan 50% daripada peruntukan keseluruhan peruntukan yang diterima. Ini betul-betul Yang Berhormat ya kerana kita bayar berdasarkan pembangunan projek. Kalau ia tidak selesai, kita tidak bayarlah. So, ikut tahun 2008, itu sahaja projek di lapangan, banyak itulah yang kita bayar. So, *straight forward* sahajalah kan.

*Next.* Ini pun penjelasan kepada Yang Berhormat. Penemuan kata loji insinerator tidak dapat berfungsi secara *autogenous*, secara berterusan dan suhu *primary chamber* tidak dapat dikekalkan pada suhu operasi minimum semasa T&C. Kita punya kontrak itu, kita- teknologi berkata sekiranya *moisture content, calorific content* mendapati parameter-parameter yang telah ditetapkan di dalam kontrak, barulah ia akan meningkat kepada 850. Selagi dua-dua itu tidak mencapai tahapnya, ia tidak boleh sampai 850. So, pihak syarikat kalau dia hendak *boost up to 850*, dia kena bubuhlah dia punya *additional fuel*. *Additional fuel* itu kita sudah *cap* Yang Berhormat. Kalau kita sudah *cap*, kalau melebihi *cap* yang kita tetapkan, penggunaan diesel yang lebih itu untuk menaikkan- kalau 850 itu, itu atas bayaran pihak syarikat. Kita sudah lihat sudah dia punya teknologi tersebut.

Kalau hendak tambah, teknikal? Tidak ada ya? Okey, terus.

**Tuan Pengerusi:** Cuma saya hendak kata tadilah, kalau tadi *spec* sudah kata boleh bakar dekat suhu ini dengan jumlah bahan bakar macam ini, sekarang ini ada perubahan pula kata kena tambah bahan bakar pula untuk hendak naikkan suhunya, jadi saya tengah *pick up statement* daripada Dato' mengenai kejayaan projek ini. Bagi saya, ia tidak berjaya kalau ada pertukaran dia punya syarat-syarat dia untuk hendak bagi insinerator itu bakar dengan lebih baik.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tidak Tuan Pengerusi. Saya ingin jelaskan. Apabila kita membuat satu *design* insinerator, dia sudah kira. Dia sudah buat *study* itu. Begitu CV nya- katalah 1,300 kcal/kg. Dia punya *moisture* katalah 60 kan? Itu berdasarkan *moisture*. Akan tetapi, *temperature* ini dia punya cuaca itu berbeza-bezakan, ia berubah-ubah.



So, kalau ia kekal kepada dua-dua itu, *definitely* 850. Akan tetapi, sekiranya berubah sistem makanan, sistem penghantaran sisa pepejal, bukan kesilapan pemaju teknologi sebab dia sudah bina insinerator. Akan tetapi dia ada dia punya opsyen. Sekiranya dua-dua ini tidak ada, dia kena *boost up* lah untuk mencapai tahap itu dengan pembakaran diesel.

Kita pun sudah nampak awal-awal lagi itu tetapi kita sudah *cap* kan. Kalau lebih, pasal kita dah *calculation*, berapa penggunaan diesel untuk sekian-sekian pembakaran, kalau lebih, *then* dia bayar sendiri. So, kita *cap*.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Kalau dia tidak bayar?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Yang Berhormat?

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Kalau dia tidak bayar esok?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Oh, kita ada kita punya pembayaran penaltinya.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Kalau kontrak *failed*, dia berhenti? *Once operator- at the end of the day* Dato', kontraktor mesti hendak *viabile*. Betul tidak? Kalau dia hendak kena tambah wang untuk menghidupkan perkara itu, *one fine day* dia akan *give up*. Tidakkah kos itu akan balik kepada kerajaan?

Kedua, kalau apa yang saya faham, saya faham Kuala Terengganu punya kegagalan ini hampir samalah. Akhirnya kos untuk *operate incinerator* di Kuala Terengganu itu terlampau tinggi sehingga Majlis Daerah buat keputusan untuk menghentikan operasi itu. So, teknologi yang sama kita pakai itu sampai ke sini, hasilnya itu ke arah ke situ, Dato'. Ke arah yang kos penyenggaraan itu akan tinggi. *I don't know when we are going to decide that it just doesn't make sense to continue*. Kita mungkin kembali kepada apa yang Majlis Daerah Kuala Terengganu buat ini. So, balik tadi asalnya itu sama ada teknologi ini *proven* teknologi kah atau pun masih teknologi dalam *trial and error* ini.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tentang *termination clause* ini Yang Berhormat, apabila kita buat kos operasi, kita telah bersetuju dengan kos operasi setahun. Kalau ikut Pulau Pangkor...

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Minta maaf Yang Berhormat ya. Untuk Pulau Pangkor umpamanya, kos operasi kita buat RM1.7 juta setahun. Kalau katalah dia berhenti bulan enam kan, kita bayar dia ikut bulan. So, kos operasi *the next six month* tidak adalah kita bayar kepada dia. Cuma soalan Yang Berhormat tadi, kalau *terminate* apa jadi kan? Kita ada *termination clause* di sini ya. *Consequence termination by the operator* ya... *[Membaca petikan berkaitan]*

*"Or at full and complete settlement of our claim by the operator for payment under or rising of deed demand, the government should pay operator all moneys due and purported operator..."*

Ikut tempoh dia lah ya.

## ■1340

*The operator shall seize to supply the services to the government and its own cost and expense, vacate and remove from the site, set any equipment machinery related belonging to the operator.* Dia kena alih dengan diri dia sendiri. Semua operator dia punya alat *because, that incinerator belongs to the government* bukan dia. So, kalau dia berhenti, kita berhenti setakat itu sahajalah. Selepas itu kita akan lantik...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Faham itu. Memang saya faham itu. Jadi, kontraktor itu akan berhenti, kontraktor baru akan dilantik. Maka, kontraktor baru yang dilantik akan bagi tahu awal-awal kepada kerajaan bahawa kos dieselnya tetap akan naik. Maka, kerajaan suka ataupun tidak, apabila sudah memiliki insinerator itu terpaksa bersetuju dengan kontraktor baru bahawa kos operasinya adalah ini harganya. Jadi, dia tidak selesai masalah, *because at the end of the day this is not concession.* Bukan kontraktor yang bina, kontraktor milik, kontraktor operasi. Milik kerajaan. Cuma macam saya kata tadi, balik kepada teknologi tadi, saya takut satu hari esok kerajaan terpaksa menanggung kos operasi yang tinggi kerana peningkatan diesel tadi.

Jadi, untuk sementara ini bolehlah kita paksa kontraktor, kita bagi had dia, lebih pada itu *you* bayar. Akan tetapi lama-lama dia akan lari. So, akibatnya itu kerajaan juga akan tanggung ini. Jadi, dari segi teknologi itu tidak bolehkah kita tengok bagaimana untuk kita kurangkan kos operasi ini supaya dia tidak berlebihan ini.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Yang Berhormat terima kasih. *All the* teknologi sebenarnya masa kita buat pelantikan, kita adalah begitu *confident* yang teknologi tersebut akan berdaya maju berdasarkan penilaian yang dibuat oleh *expert* kita. Ini kerana saya maksudkan tadi, *rotary kiln* adalah *rotary* yang *proven* digunakan. Bagi XCNT ini, dia ada penambahbaikan untuk *improve the efficiency of the existing concept of rotary kiln.* Dengan membuat pindaan supaya salah satunya kemasukan udara lebih tinggi supaya *better combustion of the solid waste.* Itulah soalan Yang Berhormat tanya itu saya tidak boleh kata *fear* pada kita, rasa *confident. It's all.*

**Tuan Pengerusi:** Okeylah. Soalnya sekarang ini kita orang semua bukan *technician. Technician,* makna lain. Kita bukan saintis hendak mengiktiraf semua perkara ini.

*In fact,* pihak PAC sekarang ini tengah menimbangkan supaya mengambil konsultan luar untuk membuat audit kepada perkara-perkara yang melibatkan teknikal yang tinggi seperti ini. Fasal bila Dato' sendiri *confident,* selepas itu Dato' kata benda itu *last* sekali tidak *come out to standard, the result.* So, *at the end of the day, we can't explain to the people, I'm sorry we made a choice based on something, rely on other people, so called experts. And then the thing fail, we are sorry. That cannot be the case.* Macam inilah, kita pun sebenarnya kepala sudah...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sebelum itu. *Just on this. Just on this particular point about confidence* dan juga mesyuarat telah pun membuat pertimbangan kepada pembentangan daripada *expert-expert*. Saya hendak memetik daripada minit mesyuarat daripada Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan. Mengikut pihak Audit hanya minit ini sahaja iaitu perkara ini hanya dibincangkan dalam mesyuarat ini sahaja.

Mengenai isu pemberian kontrak projek kepada XCN Technology, cadangan teknologi insinerator tempatan. Dua *line* sahaja dalam minit. Nombor satu, JPTSPK iaitu jawatankuasa ini menerima cadangan teknologi disebabkan ia merupakan teknologi tempatan yang telah terbukti, *one line*. *Second line*, teknologi ini telah diputuskan untuk diguna pakai di Pulau Langkawi, Cameron Highlands, Pulau Tioman dan Pulau Pangkor. Tidak ada minit langsung mengenai apakah yang terbukti ataupun apakah cadangan yang telah dibentangkan sama ada baik atau tidakkah. Tidak ada lain-lain dokumen yang ada di tangan Ketua Audit Negara. So, saya tidak tahu sama ada apakah kepakaran, *the evidence that has been presented to the Ministry on this particular issue*.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, kalau boleh ada bukti-bukti ataupun saranan yang dibuat oleh konsultan mengenai ini. Lagi satu juga, kalau- saya pun dulu pun terlibat dalam bidang pembinaan ini semua. Kalau kita diberi konsultankah apa, kita diberi satu sahaja. *This is the technology* kah apa, *you evaluate*. Akan tetapi kita tidak diberikan *reference*. Maknanya, kita tidak diberitahu *can you compare this technology with existing technology*. Dato' faham apa saya cakapkan? Jadi, kita punya pandangan itu hanyalah untuk hendak menilai teknologi yang kita disuruh nilaikan tanpa membandingkan dengan teknologi-teknologi yang lain, yang serupa.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Akan tetapi Tuan Pengerusi, kalau cara Dato' cerita tadi banyak teknologi telah dibentangkan dalam mesyuarat itu. Pilihannya kepada yang inikan?

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak tahu sama ada betul-betul dibentangkan atau tidak, fasal kalau ikut Yang Berhormat Petaling Jaya Utara itu tadi, dia *very general statement* sahaja.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Akan tetapi memang *general*, fasal buat tahun 2006 satu *general statement*. Masa saya ada pun bukan sebagai wakil, saya sebagai wakil NRE. Akan tetapi perbincangan itu saya difahamkan banyak, cuma diminitkan pendek sahaja. Fasal teknikal-teknikal dia akan *discuss in terms of technology*. Cuma dia dapatkan hasil dari teknikal itu setuju atau tidak setuju.

Cuma masa dibentangkan berkenaan teknologi itu dia ada dia punya dokumen-dokumen yang dibentangkan. Saya hendak *clarify* tadi, yang banyak tadi. Jawatankuasa Teknologi memang menilai banyak jenis-jenis teknologi. Akan tetapi bagi untuk pulau ini, teknologi *rotary kiln* itu. *Because* insinerator, *stalker* kah, apakah, ia tidak akan menghantar proposal dia untuk *15 tonnes per day* punya projek. Dia tidak ada dia punya *economic of scale*.

Kedua, masa kata konsultan tadi, Yang Berhormat ada timbulkan untuk lantik konsultan luar untuk semak. Kita pun telah buat dulu masa kita bagi pada XCNT. Kita telah mengambil konsultan, kita bayar Morgan Strauss dari Denmark dan juga kita ambil pakar dari Jepun. Kita kata, kita sudah lantik, *can you go and check what is wrong. If there is something better to improve*. Jadi, ada laporan dia. Laporan selepas itu kita ambil, kita bagi pada XCNT. *Look, this are* penambahbaikan. Akan tetapi kita tidak boleh paksa. Mengapa tidak boleh paksa Tuan Pengerusi, katalah orang Jepun itu kata ubah, *and it fails*. XCNT kata, *I follow your advise* guna Jepun punya, *because this are our technology, local technology, so we knows best*.

Akan tetapi ada cadangan-cadangan yang diambil juga untuk buat penambahbaikan. Itu kami punya SOPlah. Kita buat, bagi *and they will do. We did that*. Kita ada laporan Morgan Strauss dan orang Jepun itu untuk macam Tuan Pengerusi katalah, untuk menambahbaikan...

**Tuan Pengerusi:** Menambah keyakinan kepada ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *One more. So as to roundup the earlier discussion on the payment*. Sebentar tadi Dato' ada kata bahawa dalam kontrak memang diperuntukkan bahawa kementerian boleh membuat bayaran awal mengikut *purchase order* yang telah pun diserahkan ataupun *submitted by the* pihak kontraktor, 30%. Saya tengah baca kontrak sekarang. Kontrak Labuan. Dalam bahagian bayaran, *clause 12, payment*. Saya baca ya.

*"All payments under the contract will be made in Ringgit Malaysia in accordance to clause 50 of the conditions of contract. Payments shall be based on evaluation of works executed and of any goods or unfixed materials delivered to site intended for use and to be cooperated into the works."* Bila saya baca *clause 50* dalam *conditions of contract*, tidak ada pengecualian dibuat supaya bayaran boleh dibuat kepada barang-barang yang tidak disampaikan ke *site*. Adakah lain-lain dokumen yang membenarkan perkara ini ataupun yang tidak ada di tangan saya.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Untuk makluman Yang Berhormat, *actually* di dalam kontrak itu ada satu yang *main* yang syarat-syarat kontrak dan di belakang dia ada *addendum to the conditions of contract*. Dalam *addendum* itu memang kita masukkan *off-site material*. Dia ada nombor satu kepada syarat-syarat kontrak.

■1350

**Tuan Pengerusi:** Saya minta maaf Dato Seri' [Ketawa] Jam pun sudah pukul 1.50 petang. Kami pun sudah tadi tiga jam juga ini, kepala pun sudah tepu pasal perkara ini banyak berkaitan teknikal dan sebagainya, ada banyak isu. Jadi, saya hendak cadangkan kalau boleh kita tangguhkan prosiding pada hari ini, kita sambung pada hari lain. Dato' boleh datang balik atau tidak?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Sebenarnya boleh tetapi yang lain-lain itu ia sudah jadi mudah Tuan Pengerusi. Isu-isu lain itu ia lebih mudah. Kalau kita *just go through*, melainkan...

**Tuan Pengerusi:** *You want to finish?*

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Kalau bolehlah.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Akan tetapi Dato' memang yang menjawab ini mudah cuma dalam perbincangan kita dengan Audit tadi, kita ada beberapa perkara yang menjadi kebimbangan kita. Pertama, daripada segi teknologi. Kedua, keputusan kerajaan untuk membenarkan keempat-empat insinerator ini dibuat dengan serta-merta ataupun dengan teknologi yang sama, yang belum lagi di *confirmkan*.

Ketiga, pengurusan kontrak itu sendiri yang banyak isu yang akan timbul. Keempat, walaupun Pulau Pangkor dikatakan beroperasi dengan sepenuhnya, kita semua ambil maklum bahawa *efficiency of operation* itu jauh daripada kepatuhan kontrak yang sedia ada. Jadi, *these are issues* yang saya rasa kita *even only address maybe* 15% daripada perbincangan kita hari ini. Mungkin dengan apa yang kita maklum hari ini mungkin kementerian boleh *prepare* dengan lebih baik sebab kementerian datang hanya untuk jawab isu yang ditimbulkan oleh Audit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Pandangan daripada Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu pun betul juga Dato' sebab *we want to have lessons learned from our proceeding today so that, the implementation of the future... that KPKT wants to bail does not suffer from the same issues* sekali lagi. *We do not want a few years later, the new Committee of PAC faced... [Ketawa] The same issue that we actually are discussing here. So...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tambahan Dato' Seri, tidak adil untuk kita juga kalau kita tidak panggil KSU yang dahulu sebab banyak keputusan ini saya rasa dibuat bukan dalam pelbagai perbincangan. Ada yang *minute*, ada yang tidak *minute*. Jadi, saya rasa tidak adil untuk kami *ask all these question to you because* Dato' Seri akan *based* apa yang Dato' Seri ada depan, mengikut minit sahajalah. Mungkin keputusan KSU dahulu, keputusan Menteri dahulu ada kait-rapat dengan keputusan-keputusan yang telah dibuat. Jadi, memungkinan kita untuk panggil KSU lama ataupun minta Menteri lama datang untuk buat penjelasan-penjelasan ini.

**Tuan Pengerusi:** Dato', itu *request* daripada Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu untuk hendak tangguhkan sesi, sambung lagi akan datang. Saya rasa saya minta maaf, kalau apa-Saya sebagai *Chairman*, saya jadi orang *neutral* tetapi... *[Ketawa][Disampuk]* Bila ada permintaan daripada Jawatankuasa hendak ada sesi lain lagipun Jawatankuasa kita tidak penuh lagi. Tinggal beberapa orang sahaja... *[Ketawa]* Sudah tinggal lima orang, patut ada 14 orang. Jadi, mungkin kalau boleh kita tangguhkan pada bulan hadapan atau bulan Februari nantilah prosiding ini supaya sekali lagi Dato' dapat sambung penjelasan yang diberikan ini.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Kalau macam itu Tuan Pengerusi, saya bersetuju dan akurlah dengan permintaan daripada Ahli-ahli PAC.

Walau bagaimanapun, kita pada hari ini mendapat banyak *feedbacks*, maklum balas daripada Ahli-ahli Jawatankuasa bahawasanya perkara-perkara yang dipersoalkan itu kita akan mengambil maklum kerana selepas ini pun kita tidak akan berhenti setakat teknologi yang ada sahaja. Kita dalam perancangan memang ada Yang Berhormat, untuk melakukan beberapa *technology waste to energy. That is also a generic terms*. Kita tidak hadkan ia kepada teknologi insinerator, *technology rotary kiln* sahaja. *So, any technology that is matured in the world, we would welcome*. Ini adalah *lessons learn* kepada pihak kami. *This is our take away* pada hari ini. *So*, kalau kita hendak *set up another date*, saya bersetujulah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kepong ini, insinerator yang baru dalam kawasan dia [*Ketawa*] Oleh sebab itu isu ini dekat di hati dia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia dekat hati sayalah Tuan Pengerusi. Saya pun hendak berterima kasih kepada Setiausaha Agung Jabatan Sisa Pepejal kerana pergi ke Jinjang dan saya berharaplah, DEIA yang dijanjikan itu dapat dijalankan sebelum kita membuat keputusan untuk menggunakan apa-apa teknologi pun. Itu sahaja.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Yang Berhormat, *we take note [Ketawa]* Kami mengambil maklum.

**Tuan Pengerusi:** Satu lagi perkara tadi yang telah dimaklumkan kepada kami adalah mengenai projek Labuan ini. Adakah kementerian akan meneruskan untuk tender projek ini ataupun tunggu dahulu?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Kalau ikut arahan MoF, dia kata suruh buat *open tender* untuk teknologi untuk dibina di Labuan. MoF minta kita buat secepat mungkin. *So*, berbeza prosedur dengan yang ini.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kalau apa yang berlaku dalam prosiding ini, katalah kita menemui lagi perkara-perkara yang mungkin menunjukkan kelemahan yang teknologi yang ada sekarang ini yang perlu diperbaiki, adakah wajar untuk kementerian untuk melaksanakan tender tersebut secepat mungkin ini?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Yang Berhormat, *because* macam Dato' Seri kata, teknologi untuk merawat merupakan pelbagai. Apa yang ditimbulkan oleh PAC hari ini adalah salah satu daripada pelbagai. Itu *rotary kiln* sahaja yang dibina hanya untuk 100 tan ke bawah. Yang kita hendak buka ini mungkin insinerator jenis *stoker* kah, yang macam di Singapura, *it is a different parameter* Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** *Are you confident now for implementing the technology- even it is different technology but are you confident of implementing the technology and not faced any of the implementation issue?* Macam ini banyak, ia *combination*. Isu ini, *technology implementation*, pengurusan, ia *combination*.

Oleh sebab itu saya belum masuk lagi pasal kecekapan pegawai KPKT dalam menguruskan sisa pepejal ini. Ada satu gambar tadi kita lihat dalam Laporan AG yang mana sampah itu dicampak sahaja di tepi *conveyer belt*, ia punya pengasingan pun tidak nampak cara pengasingan itu dibuat dan sebagainya. Jadi, prosedur dalaman operasi pegawai kementerian pun perlu dilihat jugalah. Macam saya cakap tadi, hal pelupusan sisa toksik dan sebagainya. Ada satu insinerator tadi tanam sahaja *leachate*, benda yang bahan kimia yang berjadual ini, main tanam sahaja dalam lubang *landfill* itu tanpa dirawat ataupun tanpa *landfill* itu di *secured* dahulu.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Oh! Yang itu *our dump site* Yang Berhormat, bukan?

**Tuan Pengerusi:** Ada, banyak contoh sebab itu saya minta kita buat *next meeting* sebab banyak lagi isu.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, kalau dibenarkan *at the next meeting* macam ini, kita boleh buat taklimat sedikit atau tidak tentang pengurusan sisa pepejal yang diuruskan oleh jabatan *just to increase the understanding*?

**Tuan Pengerusi:** Boleh. *I think we- understanding.*

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Ya. *It is better for us.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tadi mengenai isu bayaran sebab saya tidak dapat cari *addendum* itu. Boleh tunjuk seksyen berkenaan sekarang atau *next meeting*, *I am okay*. Saya tidak dapat cari seksyen berkenaan di mana kita boleh bayar atas PO.

*[Encik Rahim bin Mohayidin menunjukkan seksyen berkaitan]*

■1400

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Okey Yang Berhormat PJU, puas tidak?

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Okey... *[Ketawa]* Yang Berhormat PJU ini macam *lawyer* lah, tetapi dia bukan *lawyer*... *[Ketawa]*

Jadi Dato' dengan pegawai-pegawai daripada kementerian, saya mengucapkan terima kasih kerana telah memberikan kerjasama kepada kami pada hari ini. Kami belum lagi boleh memberikan apa-apa pandanganlah kerana belum habis lagi. Akan tetapi *insya-Allah* pada sesi yang akan datang, kita akan melalui sekali lagi penjelasan ini. Yang penting, ikut *guideline* yang saya sebutkan tadi. Daripada awal-awal tadi kan, saya sudah sebutkan. Laporan AG itu satu halah tetapi apa yang menjadi kebimbangan kami tadi yang saya sebutkan awal-awal tadi, kalau boleh disediakan penjelasan mengikut aturan tadi kan, jadi senang untuk kita hendak *go through the next meeting*. Apa-apa maklumat yang Dato' dan pegawai-pegawai rasa perlu, boleh disediakan dahulu ya.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya juga hendak mengucapkan terima kasih kembali.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih banyak-banyak. Kita jumpa lagi tahun depan... [Ketawa] Terima kasih. Ahli-ahli PAC tunggu sekejap ya. Kita hendak buat kita punya *housekeeping*. Dato' Timbalan Audit Negara pun boleh meninggalkan mesyuarat, pergi makan, Dato'... [Ketawa]

*[Saksi-saksi dan pegawai-pegawai kementerian keluar meninggalkan Bilik Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Okey, untuk Ahli Jawatankuasa PAC yang tinggal, so *housekeeping*. Next *schedule of meetings*...

**Seorang Ahli:** Januarilah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *January okay, I am not complaining.*

**Tuan Pengerusi:** *I won't be around end of January.*

**Tuan Tony Pua Kiam2 Wee:** *Chairman date lah. End of January is Chinese New Year, so tidak perlulah.*

**Tuan Pengerusi:** [Ketawa]

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** *Yes, I am going to Germany.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *He is going away end of January*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Bukan sampai end of January [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** *Sampai end...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Bukan.*

**Tuan Pengerusi:** *Last week of January.*

**Tuan William Leong Jee Keen:** *January is okay, I think mainly those from Sabah and Sarawak...*

**Tuan Pengerusi:** *I know lah. Now also we have a meeting, we only have five people [Ketawa] Our quorum are three.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *As long as we have enough quorum lah.*

**Tuan Pengerusi:** *So, the issues that we still have outstanding is- KK International Airport, are you satisfied?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *We can write report after they gives the document that we requested.*

**Tuan Pengerusi:** *They already given. So you can go through- I mean it will be distributed lah. KLIA2, that one I think they have to come. The...*



**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Police?*

**Tuan Pengerusi:** *Ya, police.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *And 1MDB.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *MoE?*

**Tuan Pengerusi:** *Ya lah, I know. That is why I need to finish all this report first.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I nampak laporan, I tidak sampai [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** *So in priority, KLIA2- We finish the outstanding matters first, KLIA2 and then MoE, This one, KBS?*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *Ya lah KBS, K-Pop lah. You...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *K-Pop waiting for the document.*

**Tuan Pengerusi:** *Waiting...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I do not think we need to recall them.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay, good so, done.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Unless dalam dokumen ada barang lah.*

**Tuan Pengerusi:** *Maknanya, not minister lah, that is KSU lah because any payment usually is KSU. KLIA2, MoE and then today incinerator, and then anything else?... Because we have nothing, we have no more AG report for the next three months.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *FINAS.*

**Tuan Pengerusi:** *Oh FINAS, we suppose to call FINAS and...*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa] Okay, okay. I forgot the three yesterday. FINAS, JKR on highway, and then what the last one yesterday?*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *MOE again. Any other things?... [Disampuk] We prioritise this first. When we meeting it?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Can we finishes the first round punya. Second meeting, we need to have a housekeeping just to discuss those...*

**Tuan Pengerusi:** *No, that is why Mr. Fauzi is been here. He is being listening to the proceedings, He is preparing the minutes in this meetinglah.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Bila boleh siap ya, bagi semua mesyuarat?*

**Tuan Pengerusi:** *It depends on the Hansard.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, no, minute lah.*

**Tuan Pengerusi:** *I know the Hansard- that Minutes also need to be summarized because...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, no, I am talking just the Minutes, Minutes of Meeting yang kita ada.*

**Tuan Pengerusi:** *Ya.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Yang kita ada, yang selalu direkodkan selepas itu kita edarkan Minit Mesyuarat.*

**Tuan Pengerusi:** *Mr. Fauzi has only joined us last weeklah.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, no, I don't think it is done by him, it done by the translation...*

**Tuan Pengerusi:** *No, no, translation does the verbatim.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, what I am talking about is verbatim. The verbatim...*

**Tuan Pengerusi:** *That one, the only KBS thing has come out.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *So, yang lain..*

**Tuan Pengerusi:** *Yang lain lambat lagi, belum lagi.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Sebab kita tidak bermesyuarat sampai bulan Januari. Adakah semua mesyuarat yang kita ada tahun ini boleh dibuat dia punya verbatim keluar bulan Januari supaya kita boleh buat rumusan?*

**Tuan Pengerusi:** *Should be lah.*

**Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]:** *Tuan Pengerusi, Yang Berhormat, untuk makluman, terkini yang kita bawa sudah siap laporan prosidingnya ialah until kita bermesyuarat dengan KBS hari itu.*

**Tuan Pengerusi:** *Dengan KBS.*

**Encik Amisyahrizan bin Amir Khan:** *Sebab kali ini kita agak sibuk sebab Dewan serentak sampai malam.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Faham, faham. So, saya minta kalau boleh siap sebelum kita bermesyuarat bulan Januari.*

**Tuan Pengerusi:** *Januari, okeylah.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *So, you got the whole month to tidy up semua. I am not asking for it tomorrow.*

**Encik Amisyahrizan bin Amir Khan:** *Until topic yang hari inilah, insinerator...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Until topic hari ini.*

**Encik Amisyahrizan bin Amir Khan:** *Alright, okay.*

**Tuan Pengerusi:** *And then, you got the police. Police for what?*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

## ■1410

**Tuan Pengerusi:** Oh, pistol- *by the way I'm seeing the IGP on the 17th. Police.* Ada apa lagi?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *I'll meet Silterra's staff first round. I am going to meet them again and then I am going to meet Khazanah. Then I will come out with the report. But, the way I look at it, Khazanah has left the company as it is. It is floating. No one has made any decision. So, with that kind of investment, is not a wrong decision but it has been left on its own- you survive or you do not survive. I will get more report and I will present it to the Committee.*

**Tuan Pengerusi:** *I also want to look at AgriCorp, because AgriCorp- yesterday was very funny the briefing on the food security. Well the AG said, they want to count fish, because the fish stock is dwindling. So I said, "How do you make a statement that the fish stock is dwindling when you do not know the actual figure is." So, then the issue of food security was being brought up. So, I think AgriCorp is one of the government punya major ventures to ensure food security. I think I want to put them in and call Khazanah to explain on AgriCorp, okey.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *I am keen on Silterra because it happens to be in Kulim.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I support juga [Ketawa] I met the management before- when I first raised the issue, mereka datang jumpa saya. That was I think three years ago.*

**Tuan Pengerusi:** *Three years ago. They still like zombie. Okay, meeting date?*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** *So, Tuesday or Wednesday?*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *Okey. Yang Berhormat Kepong okeylah [Ketawa]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *We list the quota. We list down the agenda. Kalau mereka minat, mereka datanglah.*

**Tuan Pengerusi:** *So, dah dapat ya. So, kalau tidak jumpa lagi, Happy New Year [Ketawa]*

**[Mesyuarat dtempohkan pada jam 2.15 petang.]**



**Bil.3**

**Khamis  
23 Januari 2014**



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Mengenai:**

**Pengurusan Loji Insinerator  
Peralatan Operasi Yang Tidak Digunakan-Cobra  
Extinguisher**

**Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEDUA**



---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA  
KHAMIS, 23 JANUARI 2014**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Datuk Chua Tee Yong [Labis]  
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]  
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]  
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Mohd Ikram bin Seri@Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Alfian bin Mesebah [Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Ahmad Fauzi bin Mustafa [Pegawai Penyelidik, Parlimen]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]  
Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]  
Puan Nor Sabariah binti Abdul Wahab [Timbalan Pengarah Audit]  
Puan Farida Veerankutty [Juruaudit]  
Encik Zakaria Md Alip [Penolong Juruaudit]  
Puan Norashikin Jamaludin [Penolong Juruaudit]  
Puan Siti Fatimah Rahmat [Penolong Juruaudit]

**Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA** (samb/-)

**Jabatan Akauntan Negara**

Dr. Yacob bin Mustafa [Timbalan Pengarah]

**Jabatan Perkhidmatan Awam [JPA]**

Encik Mohd Azraie bin Harun [Ketua Unit Integriti JPA]

**Unit Perancang Ekonomi (UPE)**

Encik Saiful Anuar Lebai Hussen [Pengarah Seksyen Perkhidmatan Sosial]  
Puan Adena Ahmad [Ketua Penolong Pengarah Seksyen Sosial]

**SAKSI-SAKSI**

**Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan**

YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak [Ketua Setiausaha]  
YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya [Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara]  
Encik Rahim bin Mohayidin [Ketua Penolong Pengarah  
(Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek)]  
Encik Azahar Mohd [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Dasar dan Perancangan)]  
Encik Muhamad Zaini Hasnan [Ketua Penolong Pengarah]  
Puan Fathiah Abdullah [Penolong Jurutera Tinggi]  
Encik Muhammad Fadly bin Ahmad Usul [Penolong Pengarah  
(Bahagian Dasar dan Perancangan)]  
Puan Noraini binti Abd. Rani [Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan)]  
Encik Noorfandi bin Rahmat [Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Teknikal)]  
Encik Ahmad Shukri Abdul Hamid [Pegawai Khas Ketua Setiausaha]  
Encik Krishna Kumar [Pegawai Penyelaras]  
Encik Zammeri bin Sahar [Penolong Pengarah Kanan]  
Encik Mohd Syariffudin bin Mohd. Shariff [Pegawai Tugas-tugas Khas]

**Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan**

Prof. Dr. Rozainee Taib [Ahli Jawatankuasa]  
Dr. Sivapalan Kathiravale [*Principal Analyst – Emerging Technology*]

**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**

YBhg. Dato' Mahadi Md. Ali [Timbalan Ketua Pengarah Operasi]  
Encik. Hamdan bin Ali [Penolong Pesuruhjaya Bomba]



---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL PERTAMA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Khamis, 23 Januari 2014****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.40 pagi***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Memandangkan kuorum sudah cukup, saya rasa boleh kita mulakan prosiding ini, cuma saya hendak memaklumkan kepada Jawatankuasa bahawa saya telah meminta Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk juga menyediakan sedikit penjelasan mengenai isu pengurusan aset dalam bomba. Saya sudah minta mereka datang *briefing*, jadi saya rasa kita boleh buat *briefing* insinerator dahulu dan kalau ada masa tambahan, kita dapatkan sedikit penjelasan mengenai pengurusan aset dalam bomba ini. Jadi, sebelum kita memulakan Mesyuarat, kuorum cukup ya?

**Seorang Ahli:** Kuorum cukuplah.

**Tuan Pengerusi:** Cukup. Yang Berhormat Kepong, Jawatankuasa PAC, Datuk Haji Anwari. Pada hari ini kita akan mendengar taklimat daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai pengurusan loji insinerator, sambungan kepada taklimat yang lepas. Kita sepatutnya fokus kepada isu-isu yang tertangguh daripada yang lepas ya.

Saya rasa isu yang timbul adalah mengenai teknologi insinerator, mengenai teknologi yang digunakan itu tidak mampan, tidak efektif dan selepas itu kontrak yang diberikan, sekali gus diberikan kontrak yang bernilai RM200 juta kepada syarikat tersebut. Selepas itu dari segi pencemaran, *environmental issue*, dari segi pengurusan dalam insinerator itu sendiri, nampaknya pengurusan sumber manusia, *human resource* dalam sistem insinerator ini pun tidak mantap dan akhirnya kita boleh fokus juga kepada *going forward*. Kementerian telah mengumumkan baru-baru ini banyak lagi insinerator yang akan dibuat di seluruh negara terutamanya di Kepong ya, yang akan datang ini. Jadi, kita hendak tanya juga apakah perancangan kementerian, *way forward* bagi mereka melaksanakan program pengurusan loji insinerator ini tanpa membuat kesilapan yang lepas.

Selepas itu, baru saya hendak meminta kementerian untuk memberikan sedikit penjelasan mengenai isu pengurusan aset di bomba itu. Jadi, sebelum kita mulakan, sebelum kita panggil KSU ini, saya minta Datuk Haji Anwari kalau boleh bagi sedikit, kita *briefing on* bomba punya isu iaitu pengurusan aset di bomba.

**Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang saya hormati Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC, Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Jadi, saya akan memperjelaskan sedikit sebanyak mengenai hasil kajian terhadap pengurusan kenderaan dan jentera di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan perkhidmatan kebombaam dan penyelamatan diberikan secara profesional dalam melindungi nyawa, harta benda dan alam sekitar serta mengikut piawaian perlindungan kebakaran yang ditetapkan. Kenderaan dan jentera bomba merupakan elemen penting untuk memastikan sesuatu pelaksanaan operasi mencapai kejayaan. Setiap kenderaan dan jentera perlu sentiasa berada dalam keadaan siap sedia, digunakan secara optimum serta diselenggarakan dengan teratur, cekap dan berkesan bagi tujuan yang ditetapkan.

Jadi setakat bulan September 2012 semasa kajian kita, Jabatan Bomba dan Penyelamat memiliki sebanyak 3,164 unit kenderaan dan jentera pelbagai fungsi meliputi 559 unit atau 17.7% jentera bomba, 316 unit atau 10% kenderaan jentera khas, 1,903 unit atau 60.1% kenderaan utiliti, 378 unit atau 11.9% kenderaan marin dan lapan pesawat. Nilai aset keseluruhan RM1.397 bilion. Jadi, penemuan audit Yang Berhormat, pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan kenderaan dan jentera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berada pada tahap memuaskan, di mana 83% daripada kenderaan dan jentera di lima buah negeri yang dilawati adalah berusia kurang daripada 15 tahun. Penerimaan kenderaan dan jentera telah diuruskan dengan teratur dan laporan bulanan seperti Laporan Kedudukan Kenderaan, Laporan Prestasi *Response Time* dan Laporan Penggunaan Minyak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberikan perhatian iaitu:

- (i) prestasi perkhidmatan udara dan norma keluaran darat tidak dapat dicapai;
- (ii) sebanyak 53 atau 96% daripada balai bomba tidak memenuhi norma keperluan kenderaan jentera yang telah ditetapkan;
- (iii) pengagihan tidak mengikut perancangan asal;
- (iv) Pangkalan Udara Bertam tidak digunakan sepenuhnya dan kualiti pembinaan tidak memuaskan;
- (v) terdapat kelemahan di dalam mengawal setiap pergerakan peralatan operasi di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri dan balai bomba;
- (vi) pengurusan peralatan operasi skuba dan alat ganti kenderaan jentera kurang memuaskan; dan

- (vii) pengurusan berkaitan penyelenggaraan kenderaan jentera kurang memuaskan dan pengurusan pelupusan bagi kenderaan, jentera, alat ganti pesawat atau kenderaan adalah kurang memuaskan.

Jadi, di sini saya akan fokus kepada satu isu penting yang telah dibawa ke Jawatankuasa Tindakan yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara dan juga Ketua Setiausaha Negara. Dalam laporan di sini, pada muka surat 338 dalam Laporan Audit Negara.

Peralatan operasi tidak digunakan. Pemeriksaan audit mendapati sebanyak empat *Cobra Cutting Extinguisher E300* bernilai RM1.68 juta, setiap satu bernilai RM0.42 juta yang dibeli melalui rundingan terus pada tahun 2006 tidak digunakan di empat lokasi balai bomba. Ini sampel audit. Kita tidak buat semakan secara menyeluruh.

**Tuan Pengerusi:** Total kontrak untuk ini berapa..., tidak tahu?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Jadi, total ini kita lihat RM1.68 juta.

**Tuan Pengerusi:** Total ya?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Jadi, keseluruhan dalam lebih RM40 juta.

**Tuan Pengerusi:** Lebih RM40 juta.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Saya... *figure*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, carilah untuk rekod kita.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ya. Peralatan ini telah dipasang di jentera bomba dan digunakan untuk memecahkan dinding bangunan ketika operasi kebakaran dan menyelamatkan dilaksanakan. Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memaklumkan peralatan ini tidak digunakan kerana didapati telah rosak. Bagaimanapun tidak ada bukti yang menunjukkan tempoh kerosakan yang berlaku serta tidak ada bukti menunjukkan tindakan pembaikan mahupun tindakan pelupusan diambil terhadap peralatan ini.

Jadi, jawapan daripada pihak bomba bertarikh 8 Mac 2013, Jabatan Bomba telah pun menerima perolehan ini melalui proses rundingan terus pada tahun 2006 dengan nilai kontrak RM9.98 juta, 10 set dan kontrak tambahan RM38.649 juta bagi 92 set. Maknanya RM38 campur RM9 juta...

**Tuan Pengerusi:** Lebih kurang RM49 juta ya.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Di mana Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn. Bhd. telah membekalkan sejumlah 102 set peralatan ini. So, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah membuat perolehan ini melalui kelulusan daripada Kementerian Kewangan bertarikh 6 Februari 2006 walaupun pada peringkat awal Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menolak tawaran pembelian peralatan ini kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui surat bertarikh 13 Februari tahun 2006 dan 22 Februari 2006 kepada pihak Kementerian Kewangan memandangkan ianya tidak termasuk di dalam perancangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan serta Jabatan Bomba tidak mempunyai keperluan mendesak bagi memperoleh peralatan tersebut.

## ■1050

Pemasangan peralatan ini pada jentera bomba telah pun menimbulkan banyak masalah antaranya ialah jentera menjadi senget, keberatan bertambah, kebocoran pada badan jentera dan masalah teknikal yang lain. Tambah lagi peralatan-peralatan sedia ada sudah memadai untuk digunakan bagi tujuan memadam kebakaran dan menyelamatkan. Di samping itu boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna kerana *working pressure* yang tinggi antara 260 hingga 300 bar.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam tindakan untuk mengeluarkan peralatan ini daripada jentera dan akan dipasang pada kenderaan-kenderaan yang lain. Bagi peralatan-peralatan yang rosak dan melibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi ia dicadangkan untuk di lupuskan atau dihapus kira. Jadi, itulah yang telah dibangkitkan. Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan operasi dan peralatan di balai bomba adalah kurang memuaskan dan peralatan tidak diguna serta tiada bukti tindakan pembaikan, pelupusan diambil terhadap peralatan *Cobra Cutting Extinguisher*. Di samping itu, perolehan yang tidak dirancang akan menyebabkan berlakunya isu pembaziran. Itu sahaja Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tadi Datuk kata fasal hasil daripada kerja jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara, ada tindakan diambil?...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, Ketua Audit Negara melalui jawatankuasa sudah panggil mereka yang terlibat ya. Jadi, kita tunggu laporan daripada Jawatankuasa itu?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya rasa laporan sudah siapkan? Sudah panggil, sudah bagi maklum balas dan sudah buat rumusan bukan?

**Datuk Wee Jeck Seng:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *Last*, ini bukan, ini sudah - laporan ini kan...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I think to be table next session is it?*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Laporan ini telah *tabled*. So, elok dibincangkan pada hari ini disebabkan perkara ini isu pembaziran, telah *pick up* oleh jawatankuasa yang dilantik, yang dipengerusikan oleh...

**Tuan Pengerusi:** Jawatankuasa itu, mereka sudah panggil balik untuk mengambil tindakan?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ya. Dalam keputusan...

**Tuan Pengerusi:** Ini jawatankuasa KSN atau jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Dua-dua sekali.

**Tuan Pengerusi:** Oh! Dua-dua sekali sudah dipanggil. Hasil daripada penyiasatan kedua-dua jawatankuasa ini belum lagi di...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Hasilnya saya tidak adalah.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada. *This is the Audit Report from the last year. Follow-up those two committees have already called the bomba to go through the matter. Akan tetapi they have not come up with their recommendations yet but today maybe if we want to ask the kementerian directly about this matter to show that we are looking into the matter, make it a serious matter.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sorry, saya tidak ada sangkaan jahat. Saya hendak *clarification* pendapat sahaja. Oleh sebab mengikut maklum balas, cara dia tulis macam ada Jabatan Bomba *not happy with* kementerian. Kementerian yang *recommend* peralatan ini, bukan? So, saya tidak berapa faham sebab ada ditulis di sini bahawa JBPM telah menolak tawaran pembelian alat ini kepada KPKT sebelum ini. Lepas itu lulus pula.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]:** Tuan Pengerusi, sebenarnya kajian ini macam Datuk Anwari sebut tadi, masa kita jalankan, kita hanya memeriksa peralatan itu empat unit sahaja yang bernilai RM400,000 *each*, lebih kurang. So, sebenarnya macam jawapan daripada kementerian, memang jabatan dan kementerian pun menulis surat dia menolak peralatan ini. Dia tidak mahu *because of condition* kerana dia kata *first*, dia tidak ada keperluan peralatan ini. Tiada keperluan untuk menggunakannya. Kedua, dia tiada peruntukan untuk membeli...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So, KPKT pun menolak?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Ada dua surat. Pertama daripada jabatan menolak, hantar surat kepada *Treasury*.

**Tuan Pengerusi:** Pada 13 Februari?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Juga kepada kementerian pun ada menghantar surat menolak.

**Tuan Pengerusi:** Pada 22 Februari.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tidak. Dia kata kalau dia ada duit lebih baik dia beli peralatan jentera bomba ataupun membaiki balai-balai bomba. Itu yang jawapan kalau ada duit. Akan tetapi...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Jadi, yang *missing link* dalam laporan ini, *why they* ubah fikiran? *Why they...*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Itulah Yang Berhormat, tiba-tiba datang peruntukan dan kena beli. Itu sahaja.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ada surat yang kata paksa beli? Ada...

**Tuan Pengerusi:** Ini bukan paksa beli. Dia kata Kementerian Kewangan beri dia duit. So, dia belilah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So, Kementerian Kewangan bagi duit pun ada suratkan? Kalau hendak bagi duit pun takkan bagi kosong. *You* buat apa *you* nak. Kena ada surat. Ada surat atau tidak daripada pihak Kementerian Kewangan bila beri peruntukan kena beli barang ini?

**Puan Farida Veerankutty [Juruaudit, Jabatan Audit Negara]:** *Assalamualaikum* Yang Berhormat. *Actually* kami *only* semak empat unit itu.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Puan Farida Veerankutty:** Bila dia menjawab balik, *actually* dia membuka lagi cerita.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Perkara baru?

**Puan Farida Veerankutty:** Ya. *So, on that part* kita tidak *in detail* lah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Masih belum siasat lagi?

**Puan Farida Veerankutty:** Ya.

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Boleh saya dapatkan *clarification*, maklum balas dari Jabatan Bomba yang mengatakan nilai kontrak 10 set dulu, lepas itu ada kontrak tambahan. Dari segi masa itu, *is it within short period?*

**Puan Farida Veerankutty:** Yang Berhormat, kami minta maaf. *This is the answer from- because* kami sudah habis audit. Bila kita *raised the query*, dia jawab dengan penjelasan di mana dia mengatakan *this is not their decision. Actually, according to them...*

**Datuk Chua Tee Yong:** Oh! Dia tidak cakap kontrak tambahan itu bila sampai, tidak adalah?

**Puan Farida Veerankutty:** Ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya fikir Tuan Pengerusi...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Keseluruhan sebenarnya, kalau mengikut itu adalah – yang kita buat empat tetapi akhirnya yang dibeli 102 unit - RM48 *million*.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada *testing*, tidak ada apa. *Just buy* sahaja...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Pada saya Tuan Pengerusi, ada...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Saya rasa saya pernah mendengar ada *testing* dibuat tetapi *because it is very dangerous*. Kalau mengikut katanya, di dalam air sambil dia bubuh *bullet* macam batu dalam itu, untuk *pressure* bila dia sembur kepada dinding, dinding itu akan pecah.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Itu Tuan pengerusi, saya fikir ada ciri-ciri yang perlu kita mendalami lagi. Oleh sebab pertamanya dan sebagaimana disebut tadi bomba sendiri tidak berminat dan menolak. Keduanya, ianya diperoleh melalui rundingan terus, jadi mengesyaki bahawa ianya tidaklah benda yang dimulakan- *not initiated by* Bomba tetapi daripada Kementerian atau yang lebih tinggi. Keduanya, ianya bukan tender terbuka, saya fikir perlu kepada...

**Tuan Pengerusi:** Jumlahnya pun RM50 *million*.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Akhirnya tidak digunakan. Kalau digunakan pun sekurang-kurangnya adalah juga positif *in the end*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bagi empat yang telah pun *diinspect* tidak pernah digunakan. Bagi empat yang telah pun di...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** So, dari segi penggunaannya hanya untuk latihan sahaja. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Ini saya pun hendak *clarification* mengenai surat menolak tawaran ini, Jabatan Bomba dihantar satu kepada kementerian dan satu kepada Kementerian Kewangan *directly* atau dihantar melalui Kementerian KPKT dari segi maklum balas ini, apa yang ditulis di sini.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Kita tidak bawa *Working Paper* tetapi saya ada tengok, baca surat. Dua surat. Satu daripada jabatan yang menolak dan satu daripada KPKT yang menolak. Dua.

■1100

**Tuan Pengerusi:** *You mintalah you* punya ofis, suruh mereka e-mel surat itu. Boleh kita tengok sekejap lagi, ya?

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Saya minta... *[Disampuk]* Tidak apa, tidak apa.

**Seorang Ahli:** *It's okay. We just want to clarify. We just want to clarify.*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi KPKT telah dimaklumkan untuk bersedialah mengenai hal bomba ini.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tidak. Tadi, suratnya daripada Jabatan Bomba kepada KPKT dan surat KPKT kepada kementerian.

**Tuan Pengerusi:** Boleh *you* suruh ofis *you* hantarlah *and then* kita *print out*, kita tengok. Okey? So, kita...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** Tuan Pengerusi, perolehan ini, perundingan terus ini ada tarikh dia tak..., tahun 2006 kan?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Kita akan cuba bagilah *because* kita ada satu unit baru, Unit Bahagian Susulan. Memang mereka bekerjasama dengan pihak SPRM dan lain-lain agensi seperti polis dalam membuat penyiasatan terhadap isu ini.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tuan Pengerusi, kita hendak pasal kronologi, bukan? Ia dapat kelulusan Kementerian Kewangan pada 6 Februari, menolak tawaran pada 13 Februari dan 22 Februari. Jadi, bila perolehan itu dibuat?

**Tuan Pengerusi:** ...Perolehan itu walaupun tahun 2006 tetapi *at the exact date*, kronologinya bila perolehan itu dibuat?

**Puan Farida Veerankutty:** Yang Berhormat, kami ada sedikit maklumat kronologi. *Maybe* saya boleh *share*... *[Menyediakan paparan slaid]*

**Tuan Pengerusi:** Datuk Anwari, hari ini kita hendak *test* Jabatan Audit kalau disuruh buat *on the spot*, boleh buat atau tidak?... *[Ketawa]* Nampaknya boleh ya... *[Ketawa]* Semua maklumat *at the finger tips*.

**Puan Farida Veerankutty:** *Assalamualaikum* Yang Berhormat Tuan Pengerusi. So, ini adalah maklumat ringkas yang kami sediakan ketika Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan. So, *basically* daripada *information* yang kami peroleh, kaedah perolehan bagi Cobra ini *is* rundingan terus di bawah tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dan telah ditawarkan kepada Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya. So, pada 3 Februari 2006...

**Tuan Pengerusi:** Minit perlu catat.

**Puan Farida Veerankutty:** ...Tawaran pembelian peralatan keselamatan Cobra oleh syarikat telah diluluskan, telah dibawa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itulah. Surat syarikat itu mengandungi minit di mana Menteri Kewangan telah pun mencatatkan sebagai "*Sila uruskan*".

So, daripada minit tersebut, arahan daripada Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, pihak bomba akui kebaikan alat berteknologi tinggi dan moden ini. Pihak bomba *should have this kind of equipment*. "*Saya setuju tawaran diberi kepada Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya.*" *That is the minute* daripada petikan pada 2 Februari.

Selepas itu, surat Kementerian Kewangan telah diperoleh. Kelulusan Kementerian Kewangan kepada KSU KPKT pada ketika iaitu Yang Berbahagia Datuk Ahmad Fuad bagi perolehan peralatan CCS secara rundingan terus kepada syarikat pembekal iaitu Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya dan bertarikh 6 Februari 2006.

Pada 22 Februari 2006, surat penolakan tawaran oleh Bomba kepada KSP Kementerian Kewangan kerana tiada keperluan, keutamaan diberikan kepada pembinaan balai-balai bomba dan penggantian kenderaan. Maksudnya, mereka mengatakan mereka tidak memerlukan peralatan inilah. Surat bertarikh 22 Februari 2006.

Pada 13 Februari 2006, surat penolakan tawaran oleh bomba kepada KSU KPKT kerana JPM tidak menyenaraikan perancangan perolehan tersebut dalam RMKe-9. Pada 29 Jun 2006, keputusan Lembaga Perolehan KPKT, Bil.7/2006 telah bersetuju terima keputusan rundingan harga dengan Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya. Pada 28 Jun 2006, surat setuju terima dikeluarkan kepada pembekal dan ditandatangani pada 6 Julai 2006...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Macam mana ya? Surat keluar dahulu baru *one day before* keputusan?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Betul tu.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Betul?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Pada 29 dahulu, 28 kemudian.

**Puan Farida Veerankutty:** Itu berdasarkan surat yang kami *vide* daripada fail, Yang Berhormat. Okey.

**Tuan Pengerusi:** Betul kah ini? Takkan Surat Setuju Terima keluar dahulu sebelum mesyuarat?



**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Surat sedia itu daripada siapa?

**Puan Farida Veerankutty:** ...Dan sebenarnya kontrak telah ditandatangani pada 23 Ogos untuk 20 unit yang pertama.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Pada 28 Jun ini surat setuju daripada siapa?

**Puan Farida Veerankutty:** Saya tidak dapat jawab. Kami tidak ada dokumen sokongan bersama kami.

**Tuan Pengerusi:** Macam ini. *Maybe we can ask the* kementerian nanti, okey?

**Tuan Liang Teck Meng:** Tuan Pengerusi, Jabatan Audit ada semak latar belakang syarikat ini atau tidak? Sama ada ia juga ada mempunyai urus niaga lain dengan Kementerian Perumahan, selain daripada perolehan *Cobra Cutting* ini?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Keadaan biasa memang kita akan semak tetapi saya *cannot recall*. Kena *refer*.

**Puan Farida Veerankutty:** Kami tidak menyemak secara *details because* ini adalah a *small findings* daripada kajian kami. *So, after* ditubuhkan jawatankuasa, siasatan lanjut sepatutnya dijalankan oleh kementerian dan maklumkan kepada kami.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apa. *We can ask the* wakil kementerian apabila datang nanti.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Akan tetapi tarikh ini betul ya, Tuan Pengerusi? Pada 23 Ogos kontrak ditandatangani, pada 29 November, Mesyuarat Rundingan Harga. Betul ya tarikh ini?

**Puan Farida Veerankutty:** Yang ini untuk perolehan kedua, 92 unit lagi. Seterusnya pada 12 Januari 2007, SST dikeluarkan untuk 92 lagi tambahan dan ditandatangani pada 1 Januari 2007.

**Tuan Pengerusi:** *Two letters from MoF* lah? *For the first batch and then for the second batch*.

**Datuk Chua Tee Yong:** *From this, is it 24 plus 92 or..?*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Catat perkara ini semua. Nanti apabila wakil kementerian masuk, kita tanya.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *Because their information* pun kadang-kadang *is not*, Audit punya *information is only based on...*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Maklum balas...

**Tuan Pengerusi:** Maklum balas tetapi...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Maklum balas dia itu, macam tadi dia kata maklum balas 102. Akan tetapi sebenarnya kalau yang kita siasat is 116 kalau tidak silap saya, *116 all together*.

**Tuan Pengerusi:** Okeylah.

**Datuk Chua Tee Yong:** *We check* lah, *that one is* maklum balas.

## ■1110

**Tuan Pengerusi:** *That is why*, dia orang ini pun kadang-kadang tidak *prepare*.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Yang Berhormat, satu lagi persoalan sama ada Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan hapus kira. Itu satu soalanlah.

**Tuan Pengerusi:** Hapus kira untuk apa?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Baranganlah.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *The whole* barang, alat ini.

**Tuan Pengerusi:** Lupus, lupus. Kementerian Kewangan pun bagi kebenaran hendak lupuskan?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** Oh! Ada soalan-soalan lain? *I think it is good enough for us to ask after the incinerator* punya testimoni. Okey. Jadi, kalau tidak ada apa-apa lagi kita boleh panggil wakil kementerian. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tuan Pengerusi sebentar, hendak perbetulkan tadi. Yang tarikh tadi itu kita sudah *confirm* pejabat, dia terbalik, yang tadi itu terbalik. Tarikh tadi yang 28 dan 28 hari bulan itu terbalik.

**Tuan Pengerusi:** Rupanya Jabatan Audit pun ada salah juga ya?... [*Ketawa*]

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tidak ada Tuan Pengerusi, kemungkinan ini kita serap ke dalam komputer mungkin yang sudah draf, bukan yang *final* kita bentang pada masa itu. Kemungkinan secara tidak...

**Tuan Pengerusi:** Hendak *testing* Jabatan Audit Negara punya siap siaga sahaja... [*Ketawa*]  
Okeylah, cemerlang jugalah.

[*Saksi-saksi dari Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi:** Sudah kita boleh mula? Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian, Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya, Ketua Pengarah, Tuan Haji Rahim bin Mohayidin, Ketua Penolong Pengarah serta pasukan daripada kementerian. Ahli-ahli PAC, Datuk Anwari Timbalan Ketua Audit Negara bersama dengan pasukan daripada Jabatan Audit Negara. Selamat pagi dan *Assalamualaikum*. Dato', saya rasa Dato' sudah *familiar* dengan urusan PAC memandangkan ini kali kedua Dato' berdepan. Tujuannya untuk hendak menyambung semula prosiding mengenai pengurusan loji insinerator.

Itu hari masa kita- yang lepas masa kita buat prosiding ini saya rasa bila ada banyak *interjection* dalam prosiding ini, itu menyebabkan masa itu jadi panjang. Dato' pun tidak sempat hendak habiskan pada bulan lepas itu. Hari ini saya harap Dato' kalau boleh habiskan penjelasan Dato' dahulu selepas itu baru kita tanya soalan.

Jadi, yang hendak ditumpukan adalah berbalik semula pada teknologi yang dipilih itu. Teknologi itu betulkah atau tidak betul, syarikat itu mempunyai *capability* atau tidak. Kenapa kontrak sebegitu besar RM200 juta di *award* kepada syarikat yang teknologinya ada keraguan?

Selepas itu, mengenai kesan *environment* daripada teknologi ini yang nampaknya tidak diambil kira. Mengenai pengurusan *human resource* dalam loji itu sendiri yang daripada pegawai Kementerian yang ada kelemahanlah pada yang lepas. Tujuannya Datuk kita hendak pastikan bahawa apa-apa projek loji insinerator yang akan dibina oleh Kementerian akan datang mengambil kira segala kelemahan yang telah berlaku dalam projek insinerator yang lepas ini supaya kita tidak hendak perkara kurang- kelemahan loji insinerator ini dari segi *outputnya*, dari segi kualiti pembakaran sampah dan sebagainya tidak berlaku lagi.

Yang Berhormat Kepong, dia memang hari ini hendak tanya soalan banyak, kerana projek insinerator yang akan datang ini akan dibuat dalam kawasan Parlimen beliau. Jadi, dia pun hendak tahu sama ada isu-isu kelemahan ini, apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi isu kelemahan loji insinerator ini? Selepas itu kita hendak tanya sikit mengenai hal pengurusan aset bomba. Terutama sekali pada projek pembelian barangan *Cobra* yang bernilai RM50 juta lebih kurang. Selepas itu ada isu daripada Kementerian Kewangan. Selepas itu bomba kata tolak, Kementerian kata tolak. Selepas itu pembelian itu terus dibuat juga dan akhirnya barang tersebut tidak digunakan.

Sekarang ini kita pun hendak tahu sama ada kalau tidak pakai itu adakah Kementerian bercadang hendak melupuskan aset tersebut. Jadi, saya rasa dengan itu saya minta Datuk untuk teruskanlah taklimat Datuk.

11.18 pg.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak [Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC yang saya hormati sekalian serta wakil-wakil yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kementerian-kementerian dan juga jabatan-jabatan. Jadi Tuan Pengerusi, pada hari ini pihak kami bersedia untuk menyambung perbincangan yang kita telah tertinggal pada 3 Disember 2013 yang lalu. Hari ini juga saya menambah ahli-ahli yang datang bersama dengan kami.

Saya hendak memperkenalkan mereka iaitu yang pertama ialah Prof Dr. Mohd Rozainee Taib, *Head of High Temperature Processing Laboratory* bagi membantu kami menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan teknologi dan seorang lagi ialah Encik Sivapalan Kathiravale daripada MiGHT, *Principal Analysis*. Ahli yang lain itu adalah sama dan pada hari ini juga saya dimaklumkan ada soalan tentang bomba maka saya juga membawa wakil-wakil daripada Jabatan Bomba untuk menjawab soalan-soalan yang tersebut.

Jadi Tuan Pengerusi, untuk meneruskan sesi pada hari ini saya ingin memaklumkan bahawa kita bersedia untuk menjawab teguran-teguran serta soalan-soalan pada sesi yang pertama dahulu, termasuk perkara-perkara Tuan Pengerusi sendiri maklumkan pada pihak kami sebentar tadi. Jadi untuk meneruskannya Tuan Pengerusi, saya menjemput Yang Berhormat Berbahagia Dato' Nadzri iaitu Ketua Pengarah JPSPN untuk meneruskan sesi pada pagi ini.

■1120

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya [Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan]:** *Bismillah Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat PAC. Kita akan menyambung laporan kita hari ini berdasarkan soalan-soalan yang telah Yang Berhormat Datuk bagi *the first meeting* hari itu kerana Datuk kata *goes to PAC* punya kehendak. Jadi, kita jawab soalan-soalan itu.

Ini adalah teguran-teguran. Teguran pertama yang telah kami catatkan ialah berkenaan dengan teguran bahawa pihak pengurusan loji yang dipilih tidak sesuai. Itu teguran pertama. Jadi bermula di sini, kita telah balik dan semak semua kita punya rekod. Kita dapati Ahli-ahli Yang Berhormat timbulkan satu loji di UiTM dulu. Jadi kita telah dapat laporan. Dalam laporan itu mengatakan laporan kajian pakar-pakar di UiTM ketika itu yang terdiri daripada ketiga-tiga profesor ini. Berdasarkan kepada loji R&D yang siap dibina oleh pihak XCNT di kampus Shah Alam pada tahun 2004 dan pakar-pakar yang menyatakan tersebut di atas telah memberi pandangan bahawa *the government to seriously consider the use of the technology develop by XCNT*. Itu mereka punya pandangan pertama.

Kedua, *XCNT burn solid waste at high moisture content and low* - ketiga, mereka juga meminta supaya *recognized XCNT a major breakthrough in solid base combustion technology*. Ini adalah laporan pakar ketika itu dalam tahun 2004.

*Next*, susulan daripada laporan tersebut itulah bermulanya di mana Jawatankuasa Pengurusan Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal pada 22 Julai 2006 telah berpandangan XCNT yang membangunkan teknologi tempatan wajar diberi peluang dan pelaksanaan projek-projek bersaiz kecil yang dirancang oleh kerajaan pada masa hadapan. Selepas itu keputusan Jawatankuasa Penilaian Teknologi ini telah dibawa kepada Jawatankuasa Kabinet Pengurusan Sisa Pepejal dan Alam Sekitar pada 21 Ogos tahun yang sama yang mana ketika itu Jawatankuasa Kabinet menyatakan bersetuju secara bersyarat bergantung kepada cadangan terperinci berkaitan teknologi dan model kewangan.

*That was in 21st August 2006. Later, Jawatankuasa Penilaian Teknologi pick it up and* mendapatkan cadangan terperinci daripada pihak XCNT dalam kewangan dan juga teknologi.

Pakar-pakar ketika itu telah pun menerima cadangan XCNT kerana ia merupakan teknologi tempatan yang telah terbukti teknologi ini yang telah diputuskan untuk diguna pakai di Pulau Langkawi, Cameron Highlands, Pulau Tioman dan Pulau Pangkor. Perkara ini perlu dibawa ke Jawatankuasa Kabinet pada 12 Jun tahun yang sama di mana Jawatankuasa Kabinet telah pun mengambil maklum akan keputusan Jawatankuasa Penilaian Teknologi tersebut.

Untuk makluman Tuan Pengerusi dan ahli-ahli lain, ini adalah Ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Teknologi Kebangsaan pada ketika itu di mana pengerusinya adalah Yang Berbahagia Datuk Ahmad Fuad Ismail, KSU KPKT. Di sinilah saya minta pakar-pakar yang hadir di sini kerana mereka yang buat keputusan pada ketika itu Yang Berhormat ya. Menerima pakai supaya ia boleh dilaksanakan untuk dibina loji tersebut di negara ini di ketiga-tiga pulau tersebut. Jadi, saya minta kalau boleh Profesor Rozainee atau Encik Siva memberikan pandangan di sini.

11.24 pg.

**Prof Dr. Rozainee Taib [Ahli Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Pengerusi. Macam yang Datuk Nadzri sebutkan tadi, kita ada beberapa *meeting* untuk menilai teknologi yang telah dibentangkan oleh XCNT dan kita berpendapat sebab dia sudah ada *pilot plan* daripada UiTM di Shah Alam. Ia telah menunjukkan yang dia memang *design* teknologi itu untuk sampah Malaysia. Kita pun cadangkan...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Saja hendak *clarify* sedikit.

**Prof Dr. Rozainee Taib:** Yes.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Saiz loji di UiTM itu. *What is the size?*

**Prof Dr. Rozainee Taib:** Saiz di UiTM kalau tidak salah satu tan, satu jam, *per hour*. Satu tan *per hour*, lebih kurang 20 tan satu hari.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Berbanding dengan yang diluluskan ini, *per hour* berapa tan sehari?

**Prof Dr. Rozainee Taib:** Untuk projek ini ada empat yang saya difahamkan. Ada empat, saiznya tidak sama. Paling besar kalau tidak salah di Langkawi.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Yang Berhormat, yang kecil sekali 15 tan sehari di Pulau Tioman. Pulau Pangkor 20.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Pangkor 20, Cameron Highlands 40, Langkawi 100.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Di UiTM ini hanya satu tan, satu hari?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Sejam.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Sejam. Jadi berapa itu?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Sebanyak 20 tan.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Ada 20 tan.

**Tuan Pengerusi:** *What is the optimum operation period...*, takkan 20 jam dia bakar sehari?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ada laporan bertulis *technical report* yang UiTM ini..., ada?

**Tuan Pengerusi:** Macam saya tanya tadi, *what is the optimum operational hours of the loji per day? I do not think you can operate 20 hours in a day.*

**Prof Dr. Rozainee Taib:** Tuan Pengerusi, insinerator ini sepatutnya kalau boleh kita tidak mahu berhentikan dia sebab bila *stop* dan hendak *start* balik itu yang jadi masalah. Jadi sepatutnya kita akan *run* dia itu tanpa berhenti, maksudnya 24 jam satu hari. Itu yang sepatutnya.

**Tuan Pengerusi:** Kalau bau atau orang *complain*, you bakar jugalah?

**Prof Dr. Rozainee Taib:** Okey. Kalau dia kata misalnya bau, bila tidak dibakar itu yang masalah, akan jadi bau. Oleh sebab itu, kalau misalnya dalam syarat insinerator di Malaysia ini selalunya kita akan tetapkan tidak lebih daripada tiga hari kita boleh simpan sampah. Ini kerana kalau lebih daripada tiga hari nanti bau itu akan bertambah. Bila dia bakar itu, selalunya asap itu sudah bersih dan tidak bau. Bau itu kalau kita tidak bakar, kita simpan dia.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Maknanya yang UiTM *pilot incinerator* ini memang berjalan 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan sebagainya pada kadar satu tan sejam. Memang *it is in the written report*, ada begitu disebutnya?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya hendak tanya sama ada *pilot* ini di UiTM, satu model sahaja atau satu pilot yang berfungsi tiap-tiap hari ada *incinerator*?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ia berfungsi Yang Berhormat. Ia berfungsi, pasal itu ia ada laporan. Dia kena berfungsi, dia akan lihat, mengkaji input, output dan semua. Itu yang boleh dikatakan *recommendation* ia boleh diguna pakai.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Berfungsi atau tidak? Maksud saya berfungsi bukan boleh bakar. Maksud saya berfungsi, ia diguna pakai dari bila sehingga bila dan berapa tan sampah telah pun dibakar oleh pilot tersebut?

**Tuan Pengerusi:** Dan bakar sampah apa? Pasal apa, *simulation* dengan *actual* pun kita hendak tahu, masa *you simulate*, you bakar apa. You bakar sampah betul atau bakar sampah yang *simulate*?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kita minta tanya kerana perkara pilot UiTM tidak pernah dibangkitkan dalam *audit report*. *Audit report* bangkit pilot di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). So, dalam UiTM kali pertama kita dengar. Kita hendak tahu sedikit.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** ...Masa dibangkitkan dalam PAC hari itu, kita balik dan semak. Di Terengganu itu kalau ikut laporan, bukan pihak XCNT yang buat. Di sini adalah pihak Inercon Sdn. Bhd... *That is why* kita mahu *refer* kerana PAC *prefer* XCNT. Ini Inercon Sdn. Bhd. di Gong Badak.

**Tuan Pengerusi:** Di dalam Laporan Audit Negara disebut bahawa projek pilot itu digunakan sebagai alasan untuk hendak *testing* teknologi.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Dalam jawapan kementerian sesi lalu dalam PAC pun *reference* kepada UMT.

■1130

Encik Rahim bin Mohayidin [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek) Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan]: Yang Berhormat, kita semasa itu dibangkitkan, pasal itu kita tidak berapa jawab banyak pasal kita tidak tahu yang Gong Badak. Kita tahu UiTM. *Return* balik hari itu selepas PAC, kita dapatkan semua maklumat Yang Berhormat supaya kita datang hari ini lebih bersedia di mana di tangan saya ada Inercon dan UiTM.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: UiTM lah hendak tanya Profesor Dr. Rozainee ya? *Your pilot project* di UiTM ini, kita hendak tahu, *that the pilot project* ini sudah dilaksanakan di UiTM dan sudah pun disediakan. *Can be marketed*, untuk dibina, untuk diaplikasikan pembinaannya dalam *biggest scale* di keempat-empat projek. Itu pertanyaan kita? Apakah sudah *proven to be ready, to be commercialize*?

Prof Dr. Rozainee Taib: Tuan Pengerusi, sebenarnya *pilot plant* itu bukan saya punya sebab saya daripada UTM, XCNT yang dibuat itu di UiTM Shah Alam. Cuma saya masa itu sebab saya duduk dalam jawatankuasa teknikal. Jadi, kita terlibat dalam pembentangan yang dibentangkan oleh XCNT pada masa memperkenalkan teknologinya itu.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Okay, the next question* kepada kementerian. *Who design, who's technology then?* Siapa yang punya teknologi itu sebenar-benarnya? Apakah ia telah pun sudah dengan cukup bukti, sudah *ready to be commercialize*? Telah pun terbukti akan dapat menghasilkan – akan berjaya apabila sudah *dcommercialize*. Siapa punya teknologi? Itu sahaja lah.

Encik Rahim bin Mohayidin: Teknologi itu ditambahbaikkan oleh pihak XCNT sendiri. *Rotary kiln*, sebenarnya saya telah jelaskan pada mesyuarat pertama dahulu, teknologi *rotary kiln* memang wujud. Nanti perkara ini saya boleh *confirm*, memang wujud. Digunakan dalam membakar sisa-sisa berbahaya dan juga sisa-sisa pepejal dalam kuantiti yang kecil. Di sini pihak XCNT telah menambahbaikkan itu kerana mengenai *inflow of air*, Dr. Siva tentu boleh tambah sekejap lagi. So, dibina atau dipunyai oleh pihak XCNT yang menambahbaikkan *existing rotary kiln in technology* pada ketika ini. Jadi, berkenaan *technical part on the airflow*, mungkin kalau ada antara dua ini boleh jawab yang tentang *airflow* itu.

Dr. Sivapalan [Ahli Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. *Basically*, kalau kita tengok yang XCNT teknologi dekat UiTM, *they have localized the technology for local waste*. *Okay, that means a technology that has been localized to treat Malaysian municipal solid waste at one tonne per hour tried on- for the duration, I got to check the record but tried on and they presented to us that it is functional*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, *is that a waste without separation? Is that a waste without separation? You take it from the house; you go there and burn it?*

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Yang Berhormat Dr. Tan, ya *without separation*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *Without separation?*

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Yes, yes.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sorry, the earlier gentlemen who spoke just now, you are?

**Dr. Sivapalan:** My name is Siva. I am from MIGHT.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** From?

**Dr. Sivapalan:** Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MiGHT).

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sorry, I am not familiar with the acronym... [Ketawa]

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Okey, you kata tadi Dr. Siva bahawa laporan mengatakan berjaya di UiTM. You kata laporan oleh XCNT kah atau laporan oleh konsultan bebas yang lain pula?

**Dr. Sivapalan:** The laporan was from UiTM. I think the earlier slide... [Menunjuk kepada slide] Yes, this is...

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ini Yang Berhormat, profesor-profesor tersebut sekarang mereka ialah 'Profesor Madya' few years ago. Profesor Dato' Dr. Sharifah, Profesor Madya Dr. Ku Halim, Profesor Madya Dr. Muhamad Rosli Sulaiman. They are from Faculty Mechanical Engineering, UiTM.

**Tuan Pengerusi:** Betul, maksud Yang Berhormat Tumpat tadi saya rasa ada atau tidak *pure review* dibuat? Ada atau tidak orang *check findings* profesor ini? Kita anggap dia hebat. Akan tetapi dalam hal ini kementerian buat keputusan berdasarkan kepada *recommendation* mereka tanpa – dan laksanakan dan akhirnya ada masalah bila loji ini dijalankan secara komersial.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, mungkin soalan itu ada *speculation* sedikit tetapi *I think what perhaps is more important is to find out the details of the study*. Kita sekarang tidak tahu skop ia *theoretical*kah, *logics* or *simulation* sahajakah? Semua ini kita tidak tahu. So, at least a brief summary of the laporan yang dikeluarkan dan at least we know the study that was actually conducted. What is the scope? What are the assumption and what are the disclaimer?... Some of the scopes ini ada disclaimer atau tidak, the study?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Yang Berhormat, kita ada. Kita bawa bersama-sama nanti. Very thick document. Kita akan serahkan nanti. Cumanya pasal *pure review* tadi, kita anggap semasa ketika itu kita anggap kita punya jawatankuasa pilihan tadi *is the pure review* pasal ia *table* to Jawatankuasa Penilaian Teknologi. Akan tetapi, semasa kajian itu tidak. Setahu saya kalau ikut laporan tidak. Laporan itu dibawa, dibentangkan ke Jawatankuasa Penilaian Teknologi di mana-next... [Merujuk kepada slaid] Di mana Jawatankuasa Penilaian Teknologi ini akan melibatkan pakar-pakar bukan dari UiTM tetapi dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, UKM, USM dan UTM sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Ini *paper review*, bukan *actual observation of the plant in operation?*



**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ini *proposal*... bawa sekali bersama-sama mereka laporan yang telah dibuat di UiTM.

**Tuan Pengerusi:** *I know, I know.* Akan tetapi mereka sendiri, jawatankuasa ini buat *paper review*? Dia tidak pernah pergi tengok...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dia *review* laporan daripada UiTM dan bukan buat penyelidikan sendiri lah...

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** ...Dan tidak ada *pure review* kepada penyelidik di UiTM ini waktu pada projek itu dijalankan. Tidak ada ya?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Yang Berhormat, tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Ini betul-betul *rely 100% on UiTM* ya?

**Encik Haji Rahim bin Mohayidin:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** *That is very dangerous because you awarded a RM200 million contract base on that.*

**Encik Rahim bin Mohayidin:** *But as I mentioned just now Yang Berhormat Dato',* bawa itu kepada pihak Jawatankuasa Penilaian Teknologi di mana pakar-pakar lebih banyak di situ yang membuat penilaian kepada teknologi tersebut, yang Profesor Dr. Rozainee kata tadi. Mereka sama-sama melihat cadangan-cadangan yang diberikan.

**Tuan Pengerusi:** Betul, *technology is technology.* Akan tetapi, *how you actually commercialized the technology, that is the big issue.* Teknologi banyak, *you* boleh buat kipas dan apa benda *you* cakap semua itu kan. Akan tetapi, *how do you commercialized the technology, that is the part where this community should actually access. Whether the readiness for commercial deployment* atau tidak *because this Committee,* saya tengok banyak orang dari kementerian lain, mesti junior-junior ini. Dato' Seri Arpah pun ada dalam komuniti ini... *[Ketawa]* Berapa lama *you all sit down and go through the paper? I do not know, I am guessing you spend maybe in 20 minutes. I do not know.* Pasal banyak agenda dalam mesyuarat jawatankuasa ini. *So, if 20 minutes you spend on this technology, you rely on UiTM recommendations without any pure review on the commercialization of this technology. You made the decision to go commercialization, that it is a very weak system. Not robust.*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sekali lagi. Adakah kelulusan kabinet ini berdasarkan kepada laporan kajian pakar-pakar dari UiTM sahaja?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Kelulusan Jawatankuasa Kabinet adalah berdasarkan kepada keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Teknologi Kebangsaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jadi, jawatankuasa ini tidak turun ke padang langsung lah?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Kalau saya dapat menambah, jawatankuasa ini dilihat sebagai *endorse* laporan yang disediakan oleh pihak UiTM.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana *endorse* kalau kita tidak ada dari segi praktikal?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Praktikal itu pada peringkat yang dibuat oleh profesor-profesor itu tadi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Profesor-profesor, itu dibuat di UiTM dan Jawatankuasa Penilaian Teknologi itu berdasarkan kepada laporan daripada UiTM sahaja. Di dunia teknologi bukan macam itu. Adakah Dato' Seri sedar di dunia teknologi, di dunia sains bukan begitu?

■1140

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dato', boleh...

**Tuan Pengerusi:** Dato' sudah mengaku tadi bahawa ini merupakan satu *endorsement* sahaja. *Committee* ini *endorsement* sahaja.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Can we move on to the next issue.* Akan tetapi hendak pinjam sekarang laporan itu dahulu. *Just to browse through* sekejap.

**Tuan Liang Teck Meng:** Akan tetapi *before that*, boleh minta satu penjelasan sedikit Dato'? Boleh balik ke *slide* sebelum ini? Ini yang atas sekali itu, pelaksanaan projek-projek insinerator bersaiz kecil. Boleh *elaborate* sedikit definisi saiz kecil? Apakah yang dimaksudkan? Berapa tan dianggap sebagai kecil? Ini kerana kadang-kadang ada teknologi yang cuma bersesuaian dengan andai kata *below 5 ton or whatever*. So, boleh tidak minta *elaborate* sedikit definisi kecil ini.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Berdasarkan teknologi ini Yang Berhormat, kementerian ketika itu menganggap loji *rotary kiln* ini bersaiz kecil apabila ia 100 tan *and below*. Akan tetapi berdasarkan teknologi Yang Berhormat, kalau AD itu ada. Kalau *profesor* hendak jawab yang mana *because it is perception*. Ini 100 tan *and below*, *that is why* kita panggil mini insinerator.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada teguran kedua. Ini adalah teguran di mana yang dikaitkan dengan pembayaran tidak mengikut kontrak. Ia punya isi jawapan teguran itu, Tuan Haji Rahim telah pun memberi kepada yang pertama. Mungkin Tuan Haji Rahim ingin memanjangkan perbincangan di atas isu ini? Rakan saya, Tuan Haji Rahim kata kita kekal dengan kita punya jawapan jika ada soalan. Saya ingat kita *discuss* hari itu panjang lebar tentang pembayaran *off-site* dahulu. Jawapannya Yang Berhormat, sama.

**Tuan Pengerusi:** Boleh terima jawapan kepada teguran kedua ini? Memang kita bincang hari itu lama betul. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, *on the off-site material* punya isu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Looking for the... Addendum* satu ini, dalam kontrak mana-klausa 50.3. Saya ada 50.3 di sini dalam kontrak, saya tidak tahu sama ada 50.3 yang sama atau tidak. Saya baca, "*Where payment schedule is included in the contract, the PD shall within 14 days upon receive of any application for interim payment issued and interim certificated stating the amount due to the contractor from the government if the PD considers the amount stated was as due in application in accordance with this contract*". Dia tidak kata boleh bayar mengikut *purchase order*.

**Encik Rahim bin Mohaydin:** Untuk makluman Yang Berhormat...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya tidak nampak klausa yang kata boleh bayar mengikut *purchase order*.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Begini Yang Berhormat. Saya hendak...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dia hanya kata bayaran interim boleh dibuat kalau mengikut kontrak ini. Mengikut kontrak ini, barang mesti dihantar ke *site* atau pun *at adjacent to the site*.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Kita ada menambah *off-site* itu Yang Berhormat. Dulu saya sudah tunjuk kepada Yang Berhormat bukan?... *Addendum* nombor satu, kepada syarat-syarat kontrak.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I do not have the addendum* di sini, yang mana *addendum*?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Hari itu saya sudah tunjuk kepada Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Addendum*. Minta maaf ya. Terima kasih. Saya baca dahulu. Tuan Pengerusi, *give me five minutes to read. Can?*

**Tuan Pengerusi:** Okeylah. *Why you do not come here prepared?...* [Disampuk][Ketawa] Kalau boleh Dato', kita lompat pada *next one*, selepas itu kita patah balik.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, yang ketiga teguran pembelian EOT oleh KPKT di mana PAC pada sesi yang lalu mengatakan kita terlalu *lenient* dengan memberikan *extension of time* kepada pihak XCN. Jadi, di sini kita hendak menyatakan bahawa untuk memberikan sesuatu *extension of time*, kita berdasarkan Surat Pekeliling JKR di mana Jawatankuasa EOT perlu ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh pegawai penguasa. Di sini pegawai penguasa adalah Pengarah Cawangan Pemantauan Pembangunan Projek... [Disampuk] PNB. Di mana apabila permohonan EOT diunjurkan atau diberikan kepada jawatankuasa tersebut, ia ada banyak syarat-syaratnya yang telah ditetapkan oleh kontrak, yang mana boleh dipertimbangkan dan yang mana tidak boleh dipertimbangkan.

Dalam kes ini, pihak kementerian telah mempertimbangkan beberapa perkara sahaja yang perlu diberikan penambahan atau EOT. Saya gariskan di sini. Di mana pertamanya, salah satu adalah apabila mereka sedang membuat pembinaan insinerator tersebut, satu peraturan baru telah diwujudkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar di mana ia perlu menjalankan penilaian ekonomi yang menyebabkan kontraktor perlu meminta masa tambahan untuk menjalankan kajian tersebut. Itu satu.

Kedua, semasa mereka membina insinerator tersebut, ia adalah berdekatan dengan tapak pelupusan sedia ada di mana kuantiti sampah yang dibuang oleh operator sampah di pusat sebelah itu masuk dalam kawasan kita. Jadi, dia terpaksa *divert* kerjanya sedikit untuk membuat *clearance*. Selepas itu dia mula balik. Dia katakan kerana terganggu, dia minta juga penambahan masa.

Ketiga, kerja-kerja perobohan sedia ada. Di kawasan itu ada *existing building* di mana sepatutnya pihak PBT yang patut robohkan. Akan tetapi pihak PBT ini dia kata tidak mahu robohkan, dia minta pihak kontraktor robohkan. Jadi, pihak kontraktor terpaksa pula merobohkan bangunan-bangunan PBT sedia ada dan meminta masa tambahan.

Ketiga, terdapat juga arahan (VO), arahan kerja di mana terdapat pihak PBT memohon pembinaan fasiliti sementara. Dia kata orang-orang di situ inginkan surau dan beberapa perkara, jadi tolong binakan untuk mereka. Juga terdapat perubahan VO tingkat bangunan itu. Mula-mula tingkat satu, selepas itu sudah ada bina, kita kata tambahkan tingkat dua. Ini kerana mula-mula kita ingat khas untuk insinerator sahaja. Akan tetapi kita berpandangan semasa pembinaan, wajarlah insinerator yang dibina ini menjadi satu tumpuan pembelajaran dari luar. Jadi, selalunya kalau kita di tapak pelupusan, *students from university*, sekolah, datang hendak lihat. Jadi, asal *design* nya cuma ada *building plan for* dia punya *office*. Jadi, kita kata takkan hendak beri *briefing* di *office* kerana kita sudah nampak. Jadi, kita minta tingkatkan, tingkat atas itu khas untuk *lecturing theater* supaya kalau budak-budak sekolah datang, pelajar kita ada khas untuk mereka. Jadi, kita pun membuat pindaan kepada *design*.

**Tuan Pengerusi:** Dato', berapa ramai budak sekolah di Pulau Langkawi, Pulau Tioman?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Yang Berhormat, dia minta sebab pertama kali saya dengar.

**Tuan Pengerusi:** Mereka buat *field trip* pergi Pulau Tioman, pergi Pulau Langkawi. Permintaan ini atas permintaan orang atau kementerian fikir...

■1150

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tidak, kita dapat permohonan. Oleh sebab kita dapat *experience* dari kita punya Bukit Tagar, tiap-tiap kali, tiap-tiap bulan, banyak orang yang datang tengok.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi di Pulau Langkawi, di Pulau Tioman, tidak banyak budak sekolah, Dato'.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Betul Tuan Pengerusi sebab pulau kecil.

**Tuan Pengerusi:** [Ketawa] Kenapa *you standardize* benda ini *to* pulau? Pasal projek inikan di Pulau Langkawi, di Pulau Tioman dan satu lagi di Pulau Pangkor.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Betul Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Untuk saya, orang kata tidak ada *student community* pun hendak pergi tengok, tidak ada *observer* pun hendak tengok pasal hendak pergi sana pun jauh. Kalau hendak buat di Kepong, lainlah. Itu hari-hari Yang Berhormat Kepong akan bawa *student* dengan orang tempatan untuk hendak pergi tengok *incinerator* itu. Itu memang, dekat Kepong kena sediakan. Akan tetapi dekat pulau ini saya tidak tahu...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Di Kepong dia ada tempat wau, tempat layang-layang itu, banyak orang pergi.

**Tuan Pengerusi:** Ya lah tetapi ini di pulau. Kalau di *mainland* saya fahamlah, hendak buat ini kalau ada tempat yang besar dan sebagainya. Jadi kalau yang ini EOT benda macam ini, saya rasa bukan difikirkan... *First of all, is afterthought. Number two, you are not basic on needs, you just standardize, you* kata hendak buat sahaja *this facility*. Untuk saya, itu pun satu pembaziran jugalah.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Masa itu kita fikir, kita punya pandangan, *because the area* Tuan Pengerusi, Pangkor, Langkawi, Cameron, kita lihat kita hendak bagi *knowledge* kepada zon *area* ini. Kalau katalah kita buat satu sahaja di Pulau Langkawi, dari kawasan-kawasan datang jauh. Jadi kita *catchments area* dekat Langkawi mana? Kedah, Perlis- *the northern part*. Kalau dia kata ada satu sahaja kita buat *facilities* itu, katalah kita hanya buat di *Cameron Highlands facilities* tersebut, jadi orang Kedah terpaksa jalan jauh untuk pergi ke Cameron Highlands. Jadi kita rasa *knowledge* itu patut di *spread out the whole peninsular*, semua orang boleh bawa pergi tengok, yang mana kawasan-kawasan terdekat yang dia orang boleh tengok. So, kalau kita buat, tidak adil pula orang dari *northern* hendak pergi ke Cameron Highlands atau ke Langkawi. Jadi itu kita punya *view* semasa ketika itu, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Benda sudah buat pun.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Okey. *Next*.

**Tuan Pengerusi:** [*Ketawa*] Akan tetapi untuk masa akan datang, tengok tempat jugalah di mana hendak buat ini.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Okey.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Mungkin saya hendak tanya Tuan Pengerusi kepada KSU lebih. Maknanya adakah ini merupakan dasar kerajaan, dasar kabinet bahawa kerajaan hanya akan membina loji-loji insinerator untuk seratus peratus pelupusan dan bukannya loji yang boleh menjana elektrik dan teknologi-teknologi, kaedah-kaedah lain? Itu dasar yang mana satu ataupun kita masih terbuka dari segi dasarnya?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Yang Berhormat, keputusan kerajaan baru-baru ini, dalam kita punya dasar, kita bukan melihat satu jenis teknologi rawatan atau pelupusan, kita *diversify*. Kita ada *sanitary landfill*, sekarang kita buka bukan *incinerator*, kita kata *waste to energy plant* di mana *incinerator* itu adalah salah satu dari *waste to energy plant*. Kita boleh melihat juga tentang *anaerobic digester* untuk merawat atau melupuskan sisa pepejal makanan. Kita juga melihat teknologi-teknologi seperti plasma, *gasification*, *RDX*, banyak. Kita tertumpu pada tapak pelupusan *sanitary* dan *incinerator*. Di Kepong nanti kita buka kepada semua jenis teknologi yang digelar *waste to energy*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, kita belum lagi adakan kajian penilaian kesan alam sekitar, macam mana kita boleh menetapkan bahawa ini satu projek muktamad? Di Kepong itu tadi.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Betul Yang Berhormat. Soalan tadi kata *what types of technology* kalau kita katalah DEIA lulus untuk Kepong... Betul Yang Berhormat? Katalah lulus DEIA untuk Kepong, kita punya tender terbuka nanti kita tak *specified* tender untuk insinerator, kita sudah buka kita kata tender untuk loji rawatan *waste to energy*.

**Tuan Pengerusi:** Tender ini *is actually a request for proposal*?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tidak, ada di *last page* ini nanti. Kalau hendak buat sekarang pun boleh juga.

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak mahu buang masa, saya hendak habiskan dulu, lepas itu kita tanya soalan.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Okey. Lepas itu Tuan Pengerusi, kelewatan juga apabila kita menerima kelulusan kajian DEIA lewat kerana terdapat perubahan. Umpamanya di Tioman, kita sedang hendak membina *chimney* dia lebih kurang 40 meter, lepas itu DCA kata tidak boleh, kena buat 15. Padahal masa awal itu tidak cakap, sudah buat baru cakap. So, kenalah ubah balik. Kena minta kajian baru, *what is the level* yang boleh dibenarkan oleh DOE. Itu pun ambil masa juga.

Kadang-kadang ini kita, yang tiga, empat itu kita dapat kebenaran merancang lewat dari PBT. Lambat, ia akan mengganggu kita punya pembinaan. Begitu juga utiliti kerana di dalam kes ini terdapat kelewatan bekalan elektrik dari TNB dan telefon. Apabila TNB terlambat, dia punya TNC pun susah hendak buatlah. Okey, *next*.

Mengatakan kita terlalu *lenient*, sebenarnya tidak semua dia punya permohonan kita bagi Yang Berhormat. Yang mana kita kata tidak layak untuk EOT, kita kata tidak layak. Dalam kes ini, Tuan Haji Rahim *confirm* ya, kalau lainlah. Untuk Pulau Pangkor, Pulau Langkawi dan Pulau Tioman, kita kenakan LAD, kita tidak bagi EOT. Dia kalau dapat EOT, dia tidak kena LAD lah. Sekali tidak dapat EOT, kena LAD. Jadi untuk Tioman *about RM2.2 million* sekarang, Langkawi *RM1.2 million...* [Disampuk] Okey, lebih kurang macam itulah. Tioman *is RM2.142 million* tetapi kena. Isunya, prinsipnya, kalau tidak lulus EOT, kita kenakan LAD. Jadi adalah dikenakan LAD kepada ketiga-ketiga insinerator tersebut. Okey, *next*.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** LAD ini sesudah diberi EOT? Pasal apa, ada laporan macam di Pulau Tioman, tempoh lanjutan masa yang diberi RM600 sehari kelewatan dia. Dalam laporan ini ada *extension of time*. Ini pun ada juga LAD. Dua-dualah. *After giving the extension of time*, lepas itu sudah tidak bermaya lagi, baru kita *charge LAD*. *Is that what we are saying?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Nanti Tuan Haji Rahim sambung. Katalah Yang Berhormat, dalam seluruh projek itu dia minta 300 hari, katakanlah ya. Lepas itu rakan saya daripada kementerian dia kata tidak layak 400 hari, dia cuma bagi 300 hari. Jadi *the 100 days* yang tidak bagi itu kena LAD. Mungkin Tuan Haji Rahim nak *extend*, terangkan?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** LAD ini sudah dibayarkah atau belum dibayar?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Untuk makluman Yang Berhormat, LAD ini kita memang tahan duit yang ada daripada kita. Maknanya bila hendak ada *payment*, kita akan tahan. Bukan pakai kontraktor bayar tetapi kita tahan daripada harga kontraklah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Adakah LAD ini...

**Tuan Pengerusi:** Maknanya *no repayment, no cash?... Just offset* sahajalah?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Maknanya kita tidak bayar *payment*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Adakah LAD ini dicabar ataupun dinafikan oleh pihak kontraktor?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Tidak ada.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Can I go back?*

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Lepas ada LAD ini, *does the work continue on progress?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Apabila dia punya EOT tidak dapat lagi, dia kena LAD sampailah projek habis. *Once they selesai, katakanlah dia patut habis hari ini, dia minta LAD sampai lima bulan lagi dia kata hendak selesai tapi EOT tidak dapat, so the another five month yang hendak bina itu, all five month kena LAD. Correct ya?*

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ya.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Next.*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara hendak pergi balik kepada pembayaran tadi, *off-site* tadi.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey. Masih *reference* kepada *amendment* yang telah dibuat di atas perjanjian asal. Saya baca sebelum ini di perjanjian asal tidak ada *reference* langsung kepada *off-site materials*. Memang tidak ada. Selepas itu terdapat bahawa ada *addendum to the condition of contract* di mana *addendum* tersebut khusus kepada isu *off-site*. *I think the whole amendments, from what I read that purely to add in the off-site material. So the intense of the amendments was purely to allow for off-site material.* Betul atau tidak? Yang *amendment* 50.3 ini.

■1200

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Untuk makluman Yang Berhormat, *addendum* ini disediakan bersama dengan kontrak, sebab kaedah mengubah syarat-syarat kontrak, bukan kita ubah daripada asal. Mengikut daripada segi *law*, kita kena ubah yang asal kekal dan kita tambah *addendum*. Itu daripada segi penyediaan dokumen kontrak. Memang kita daripada awallah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Hendak faham sedikit. Tandatangan kontrak ini bersama dengan *addendum* ditandatangani sama sekali?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kenapa macam itu? Kalau sama sekali, kenapa tidak ubah kontrak asal, terus tandatangan kontrak tersebut?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Macam ini, sebab kami ini merujuk JKR. Maknanya kaedah yang JKR buat, saya ingat syarikat pun merujuk kepada peguam. Maksudnya kaedah perubahan adalah dengan *addendum*. Bukan kita ubah di syarat asal. Sekali asal itu yang AG sudah lulus, kita tidak boleh ubah tetapi perubahan itu secara *addendum*. Jadi, kalau keluar *new condition of correct*, baru dia masuk.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So kalau macam ini, apakah prosedur kalau hendak ubah standard kontrak JKR untuk buat *amendment*? Kementerian sahaja boleh buatlah atau perlu ada kebenaran ataupun kelulusan daripada pihak lain? Saya tidak tahu proses. So, boleh...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Biasanya perlu mendapat pandangan daripada pihak PUU.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Adakah pandangan daripada PUU yang sudah pun diperoleh oleh pihak kementerian?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana yang saya jawab terlebih dahulu, *addendum* ini sebenarnya asal. JKR sudah ada *addendum*. Cuma yang kita tambah *off-site* sahaja. *Addendum* itu memang sudah ada. Cuma yang *off-site* itu kita tambah.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya ia ada sebagai syarat *cash all*.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Kita tambah lagi.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi cuma *you specify* dalam *the actual contract* lah.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ya. Kita tambah - *that off-site* itu sahaja kita tambah. Yang lain kita tidak tambah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Daripada *off-site is the crucial element* dalam perkara ini.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *So, it is a major amendment. It is not a small amendment. It is a major amendment*

**Tuan Pengerusi:** *No, no. They should hear whether the clause is being there in the original contract, but then they define it as they go.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *...If I said add in off-site. Betulkan?*

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Betul.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi itu dalam prosedur kerajaan dibenarkan?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Sebagaimana yang saya maklumkan dahulu, maksudnya apabila kontraktor memohon untuk *material off-site*, kita bersetuju. Maknanya kementerian atau jabatan bersetuju, bila kita sudah bersetuju untuk supaya perkara ini secara *legal* kita masuk.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Apakah sebabnya kementerian bersetuju dengan *payment off-site* yang tidak selalunya menjadi *common practice*?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Cuma begini Yang Berhormat. Bagi projek insinerator, kalau bagi projek lain, projek bangunan memang kami tetap dengan JKR. Cuma bagi projek insinerator, memandangkan 60% daripada kos kerja adalah mekanikal dan *electrical* yang mana barang itu dibuat di kilang. Contohnya kalau Pulau Langkawi dalam RM68 juta maknanya mungkin 60% itu adalah besar. Jadi, bila kos besar itu dia mohon untuk dapat *off-site* dan kita pun setuju. Itu sahaja yang ...

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kalau macam kontrak JKR ini buat *pre set* punya *housing* katakan, mesti sudah ada dia punya standard kontrak untuk buat barang itu *off-site* selepas itu baru bawa ke *site* untuk *construct*.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Betul.



**Tuan Pengerusi:** So, dalam hal ini, tadi kata, saya pun tidak berapa faham mengenai tadi – Maknanya peruntukan syarat *off-site material* ini sudah ada dalam kontrak atau tidak?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Sudah ada. Sekarang kontrak insinerator memang kita masuk, daripada awal lagi.

**Tuan Pengerusi:** Masa *sign* kontrak dengan XCN itu sudah ada?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *At point of signing, they have already amended the standard contract to include off-site in the addendum.*

**Tuan Pengerusi:** Oh! Ini kerana *sign contract* selalunya lambat, mengambil masa ya? Berbulan lepas.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, no.*

**Tuan Pengerusi:** *A letter of intent* keluar.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ia bukan sebab lambat Tuan Pengerusi. Sebab kita sudah setuju, *that is why* kita masuk. Yang lain memang kekal macam JKR tetapi kita masuk sebagaimana saya jelaskan terdahulu. Apa yang saya kata memang bercanggah dengan *Treasury*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Just a clarification. I can check.* Apakah tarikh menandatangani, *the signing of the contract*?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, *what you are trying to get?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I just to confirm the date of signing of the contract.*

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Yang Berhormat, tarikh tandatangan kontrak adalah pada 8 Mei 2009.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *What is the disputed payment, bilakah? While we waiting for the date,* saya hendak tanya lagi, dalam *addendum* ini kata *materials off-site* bagi *off-site*, so barang bagi *off-site*. Akan tetapi ia tidak kata bayaran selepas PO dikeluarkan oleh pihak kontraktor kepada pihak pembekal. Maksudnya, *off-site* pun kena... kena tengok barang sudah siap, *off-site*, baru boleh bayar. Bukan *issue* PO, bayar. Tidak tulis di sini kata kontraktor *issue* PO, kerajaan akan bayar.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Yang Berhormat, untuk projek insinerator, memang dalam kontrak kita sebut *off-site* tetapi kita ada keluarkan jadual macam mana hendak bayar *off-site* itu. Jadual itu yang kita- semua adalah seragam bagi semua projek, bermula Langkawi sehingga ke Labuan. Maknanya kita buat seragam. Cuma masalah Labuan ini terpaksa ditamatkan. Itu sahaja masalahnya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bukan, bukan. Jadual pun- memang ada jadual, jadual barang disiapkan, *off-site*. Selepas itu, bila lihat sudah siap *off-site*, kita boleh buat bayaran *off-site*.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Tujuan yang kita beri Yang Berhormat adalah kita ada jadual. Contohnya bila PO sudah kita beri 30%, itu jadual yang kita sudah setuju maksudnya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dalam jadual tidak tulis PO diberi akan dibayar.

**Datuk Chua Tee Yong:** Bukan. Kalau saya faham pertanyaan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, sebenarnya *the addendum* ada tulis *material off-site*.

Akan tetapi bila dalam jadual seperti yang telah dijelaskan, telah ditukarkan lagi dengan melihat ada *purchase order*, sudah bayar. So maknanya, kadar bayaran di jadual telah bertukar daripada apa yang ditulis dikontrak...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Actually in the addendum.*

**Datuk Chua Tee Yong:** *Did they mention?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No mention of PO..*

**Datuk Chua Tee Yong:** So maknanya, dalam kontrak, *material off-site* tidak menulis bahawa dengan ada *purchase order*, kita boleh bayar tetapi dalam jadual telah ditukar, letak lagi satu *condition*, dengan *purchase order* kita bayar. Maknanya berlainan daripada kontrak sebenarnya.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Untuk makluman Yang Berhormat, bukan bertukar. Kita *just detail* kan kaedah pembayaran. Daripada itu kita kata setuju bayar *material off-site* tetapi kita *detail* kan kaedah macam mana hendak bayar.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bukan, bukan. Saya faham *detail* kan tetapi saya tidak nampak *detail* yang tulis boleh bayar dengan PO.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Dalam jadual saya boleh tunjukkan Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Appendix lima bukan? Ya. Refer to material off-site list in Appendix five.* Betul bukan?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Termasuk.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Purchase order- payment upon purchase order.*

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ia macam ini Yang Berhormat. Dalam jadual, dalam sini memang kita masukkan senarai *material* tetapi kaedah pembayaran dalam jadual. Saya boleh beri kepada Yang Berhormat. Untuk semua projek kita ada di sini.

**Datuk Chua Tee Yong:** *...All this payment is not written there. They just write material off-site but then inside there they write purchase order.*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, sekarang sudah 12.09 tengah hari. Kalau perkara ini *off-site payment* sahaja kita bincang dengan panjang lebar, lain perkara tidak boleh dibincangkan pada hari ini. *Cut it short, will you?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Ya. I will cut it short. The answers are in there. Next question, the last part, tadi when is the bayaran?*

**Puan Farida Veerankutty:** Pada 9 Jun 2009.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Pada 9 Jun 2009?

**Puan Farida Veerankutty:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bila saya lihat barang-barang *off-site* yang boleh dibayar, *the itemized listing*, kebanyakannya bukan *physical item*.

Kebanyakannya perkhidmatan - *clearing, cleaning and tidying up upon completion, compliance with requirements of local authorities and contract documents.*

■1210

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Yang Berhormat, itu *prelim* Yang Berhormat, bukan...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey, itu *prelim*. *Then*, ada *building works* dan lain-lain barang. Okey, *one last thing*, jadual bayaran ada di *main contract*. Jadual yang dirujuk tadi.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Dalam fail sahaja.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bukan dalam kontrak?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Bukan dalam kontrak. Itu *detail* untuk pembayaran untuk *material off-site* kita ada jadual dan jadual itu adalah seragam untuk semua projek.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Seragam untuk semua projek insinerator?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Yes.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey, apa yang saya hendak rujuk atau *refer* ialah jadual tersebut telah langgar perkara-perkara dalam kontrak. Kalau jadual memang kata bayar mengikut PO sebab dalam kontrak tidak kata boleh bayar mengikut PO. Walaupun ada *addendum* kata *material off-site* tetapi *material off-site* kena *cited sign, delivered off-site* baru boleh bayar.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Kita *just* buat sebagai peraturan di luar, maknanya di dalam fail ya, Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** *So, what is your conclusion?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey, apa yang saya dapat tahu, kontrak tidak rujuk kepada PO tetapi dalam jadual bayaran luar kontrak, tidak ada dalam kontrak, bayar mengikut PO.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Boleh terima jawapan itu? Betul?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** PO itu 30% Yang Berhormat, yang lain *after* buat baru kita bayar.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya kementerian mengakui pandangan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ya, betul.

**Tuan Pengerusi:** Betul ya? Langgar peraturan kerajaan? Adakah perkara itu langgar peraturan MoF yang telah ditetapkan?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Dari segi MoFlah.

**Tuan Pengerusi:** Memang langgar peraturan MoF?

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sudah. *So, we can close the matter ya?* Okey.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Next*, tadi itu. Ini Tuan Pengerusi, pihak-pihak PAC telah membangkitkan mengapa kita telah membatalkan insinerator di Ranca-Ranca. Kita beri pula kepada XCNT untuk membina insinerator di Bukit Kalam.

Seperti yang saya nyatakan dahulu, ia telah dibatalkan ya. Sekarang Bukit Kalam adalah dilaksanakan secara terbuka melalui tender terbuka, melalui surat *Treasury* 25 Januari 2013. Awal lagi kita sudah batalkan untuk tender terbuka, okey.

Teguran PAC pada sesi lalu telah juga mengatakan *concern on operation of the all four incinerator*. Di sini ingin kita jelaskan di bawah pengoperasiaan keempat-empat insinerator, kita mempunyai KPI tertentu di dalam kontrak operasi bagi memastikan operasi insinerator tersebut dijalankan secara berkesan. Umpamanya, KPI yang kita nyatakan dalam kontrak operasi seperti

*Next*, kita juga meminta mereka menyatakan *availability of plant is to receive contracted solid waste until disposal throughout the year*. Kita juga ada KPI untuk *maintenance of plant, cleaning of plant- and public relation responsive to public complaints* atau memberikan kita laporan berkala setiap bulan untuk dikemukakan yang meliputi *compliance with DOSH, compliance with DOE requirement* dan *reporting and documentation to relevant agencies*. Di sini pegawai-pegawai kita juga turun padang secara berkala atau mengejut untuk melihat sama ada operasi insinerator itu berjalan dengan berkesan.

Di sini kita ingin jelaskan mengapa kita kata operasi-operasi itu mengikut taraf spesifikasi yang telah kita berikan. Ini adalah contoh sebenar Yang Berhormat. Ini adalah laporan yang diberikan kepada kita yang telah *certified* oleh *certified lab*. Kalau Yang Berhormat dan ahli-ahli tengok umpamanya *particular matters*. Kalau ikut DOE punya *limits is only 0.05 gram per nanometer cube* walhal di dalam kita punya pelaporan oleh pihak *operation*, ia pada Julai 2012, 0.015 lebih rendah. Itu untuk bulan Julai 2012. Untuk bulan Mei 2013, 0.168. Begitu juga nitrogen, sulfur, karbon monoksida semuanya adalah *below. It is very well below the standard stipulated under DOE*. Jadi bermakna ia *complies with all the condition prescribe under DIA. So to us is already complied, to us is pematuhan*.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kenapa Jabatan Audit Negara dalam laporan pemantauan mereka ini, mereka kata suhu pembakaran tidak tercapailah, selepas itu dia punya *effluent* ini, dia punya standard tidak ditepati. Kadang-kadang saya hendak tahu juga kenapa ada perbezaan di antara data daripada kementerian dengan data daripada Laporan Ketua Audit Negara?

**Seorang Ahli:** Apa yang kita bangkitkan adalah tidak tercapai dari segi angka-angka yang disebut dalam kontrak. Dalam kontrak kata, sekian, sekian. Itu tidak patut. Itu *against the contract*.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Boleh Dato' terangkan atau tidak supaya kita boleh *narrow the gap* ini sebab mengikut Laporan Ketua Audit Negara dia...

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Itu yang tentang apa? Itu masih T&C, bukan?

**Puan Farida Veerankutty:** Apa yang berkaitan dengan *autogenous combustion*, pembakaran 850 darjah Celsius itu. Itu yang kita kata tidak mencapai. Akan tetapi yang ini lebih kepada *emission of pembakaran* bukan?

**Prof Dr. Rozainee Taib:** Tuan Pengerusi, memang kalau saya tengok balik dalam syarat kelulusan EIA itu diletakkan suhu 850 darjah Celsius. Akan tetapi saya tidak nampak suhu itu di mana? Maksudnya, sama ada dalam *primary chamber* kah atau *secondary chamber*. Itu yang pertama. Kedua, 850 darjah Celsius itu sebenarnya bukan syarat undang-undang. Cuma yang kita panggil sebagai *norm*. Maksudnya *normally* untuk *municipal solid waste* ini, suhu yang kita *operate* selalunya adalah 850 darjah Celsius. *Normally* kita akan *operate* 850 darjah Celsius *to be ensure*. Akan tetapi sebenarnya, kalau ikut undang-undang DOE yang ditetapkan, apa yang dikeluarkan daripada *chimney*, maksudnya apa *initial level* itu.

So, yang 850 darjah Celsius sebenarnya yang dikeluarkan di *secondary*, bukannya dalam *primary*. Sekarang ini yang *concern* adalah *measurement* itu banyak dilakukan di *primary*. Di *primary* itu sebenarnya kita tidak akan *specify*. Ada *primary* yang jalan cuma dalam 600 dan 400 darjah Celsius pun ada. Akan tetapi bila keluar kepada *secondary*, itu *normally* kita akan set sampai 800 darjah Celsius. Sekarang ini pun dalam undang-undang baru kalau kita tengok sudah tidak sebut lagi fasal *temperature*. Maksudnya macam mana *you* buat pun *as long as* keluar dalam *chimney* itu, *meet the standard* yang kita *specified* itu, *then it is okay*.

**Tuan Pengerusi:** Kita di PAC ini kita tengok mengenai pematuhan kontrak. *So, when the contract term has been set that means it is based on the expected performance of the machine. Then, it should calibrate the machine to perform according to the contract. Maknanya there must be compliance to the contract. So, sekarang ini apa yang saya faham, minta kementerian jawab ini. Adakah kontrak tersebut mungkin terlalu ketatkah, you set the higher standard? That is why* bila syarikat ini menjalankan pembakaran itu secara *operationally*, mereka tidak *achieve the status contract of terms*.

■1220

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Okey, Yang Berhormat Dato', saya difahamkan oleh rakan-rakan saya ini, mereka mengesahkan bahawa dalam kontrak tidak ada 850 darjah Celsius itu, cuma yang ada dalam syarat-syarat DEIA. Syarat-syarat DEIA pun, pihak Dato' Prof Dr. Rozainee pun telah pun menyebut tadi tentang *primary and secondary chamber* tersebut.

**Tuan Pengerusi:** *How do you tied in your payment terms* itu kalau *you* tidak ada- maknanya sekarang ini *you tied in through effluent* punya standardkah ataupun *you tied in* kepada proses pembakaran itu sendiri ataupun pada *output, you tied in* ia pada *output*.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Saya *refresh* kepada Yang Berhormat itu, *to clear it*. Yang Berhormat maksudkan berkaitan dengan pembayaran operasi ya? Operasi ya?

**Tuan Pengerusi:** Dari segi kontrak, maknanya sekarang ini *you defined okay*, masuk satu tan, bakar satu tan. Maknanya itulah pembayaran kontrak itu, tidak kira apa *output* yang keluar.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ya, betul.

**Tuan Pengerusi:** Tidak kira kesan kepada *environment*, tidak kira *effluent* ini kan. Itu maksud saya.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** ...*Thank you very much.* Ya, ia ada dua sistem. Satu, *under* KPI yang saya sebut tadi itu, penalti *on that*. Apabila dia tidak *comply* dengan - dia *comply under the regulation of DOE*. Dia kena juga tetapi dia kena bawa... Kalau dia kena di bawah kita, *that means that guy* kena - dua. Dia mesti kena salah satu, so kalau dia tidak *comply* dengan KPI kita tadi, sebelum itu. Kalau dia tidak *comply* lagi, yang ini tidak *comply*, dia *under* kita punya KPI. Akan tetapi, kalau ia tidak *comply under* DOSH ataupun DOE, ada *their own regulation and penalty* dia.

Seterusnya, semasa pihak AG dilihat masa itu kita punya Pangkor, Langkawi dan *Cameron Highlands* memang belum beroperasi sebab kita belum melantik operator. Sekarang kita sudah lantik kalau ikut situ Pangkor, kita sudah melantik 11 Januari 2012, dia akan tamat operasi – tarikh operasinya ia pada 1 April 2012. Langkawi pun sudah beroperasi, *Cameron Highlands* pun sudah, Tioman sahaja yang kita sedang dalam proses untuk melantik operator. Saya hendak *clarify* itu sahaja.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Akan tetapi tarikh operasi 2014?

**Tuan Pengerusi:** [*Ketawa*]

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tahun 2013.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Maknanya silaplah yang *Cameron Highlands*.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, tarikh operasi itu 2014, bulan Disember 2014.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Maaf, tarikh lain 2013.

**Tuan Pengerusi:** Saya takut ada pelan hantu ini... [*Ketawa*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, bolehkah kita katakan di dalam tiga loji yang disebutkan tadi iaitu Pangkor, Langkawi dan *Cameron Highlands* itu sudah beroperasi dengan sempurna sekarang, termasuk *secondary chamber* itu lebih 850 darjah Celsius suhunya.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Yang Berhormat Dr. Tan. Ya, ia telah beroperasi, ini adalah yang Pangkor punya, ia sudah beroperasi penuh, itulah *emission* yang dilepaskan akibat proses insinerator itu telah berjalan sepenuhnya. *These are other indicator that they operate* mengikut spesifikasi yang dibina. Kalau ia tidak *operate* mengikut spesifikasi dibina, dia punya *temperature* macam Prof. Dr. Rozainee kata kalau dia *less than* beberapa *degree*, dia tidak akan mencapai standard pelepasan yang lebih rendah daripada yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. So, saya *confirm it is operational and it is comply*, pematuhan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Dato', saya hendak tanya, siapa yang membuat pengesahan tentang pematuhan ini? Yang tidak beroperasi ini? Sekarang, siapa yang buat *sampling result*, siapa yang buat *test*?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Sampling* akan dibawa ke *lab* yang telah di *certified*. *Certified accredited lab* oleh pihak berkuasa iaitu Jabatan Alam Sekitar punya, jadi mereka akan ambil sampel dari sini, mereka akan *test* di *lab* yang di bawah senarai Jabatan Alam Sekitar.

Selepas itu, dari *lab* tersebut akan sampai kepada kita *all the information*. Dia bukan buat sendiri ya, dia kena hantar...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Yang ambil sampel siapa?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Sampling is...*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Done by who?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *...Lab.*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Siapa yang buat *sampling*? Ini *company* sendiri ataupun DOSH, DOE sendirikah yang ambil?

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** ...Pegawai saya mengesahkan tadi *this is the accredited lab, third party*. Dia tidak boleh orang yang *operate* itu ambil. *Third party must be accredited*, yang saya cakap tadi. Itu yang *local*, macam di *oversea* lagi *worst*, *they have to send it oversea*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dato' Seri, kalau kita Ahli PAC hendak melawat loji ini, yang mana dianggap lebih sesuai sekali?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Yang Berhormat, yang beroperasi di Pulau Pangkor, *depend on what you want to see*. Kalau Pulau Pangkor, ia tidak ada *energy* sebab dia kecil. Pulau Pangkor 20, ia *just burn- of energy*. Langkawi ada *energy*, *so it depends on which...*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita hendak tengok yang lebih canggih itulah.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Langkawi Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Langkawi, oh! Ya dan tambah pula saya dengar ini teknologi yang khas direka oleh UiTM. Bolehkah beri satu laporan pada saya, kalau banding dengan teknologi yang wujud di negara-negara yang lain, berbanding dengan teknologi yang wujud di dunia ini, di manakah keistimewaan kita?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Okay, Mr. Chairman*, saya ingin hendak teruskan ini daripada kita punya Timbalan Pengerusi tadi *because I read the summary of finding* yang di UiTM itu daripada Profesor Sharifah Qulim Mohamad ini. Dia *really recommended this thing to be-* yang sebenarnya mereka yang betul-betul rekomen dia punya teknologi inilah, sehinggakan kerajaan hendak membuat keputusan untuk melaksanakan mengikut teknologi ini. Jadi, boleh atau tidak sekiranya tadi kita punya Timbalan Pengerusi hendak melawat, itu satu. Keduanya, boleh atau tidak sekiranya, UiTM *to re-evaluate*, dahulu yang *dievaluate finding* yang dibuat- yang satu tan punya itu. Sekiranya benda ini sudah beroperasi sepenuhnya, *just that UiTM make a come back to review* yang sudah beroperasi ini, nilai semula sebagai *our local* pakar, keberkesanan.

**Tuan Pengerusi:** Bukan UiTM lah, UTM kot.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** UiTM.

**Tuan Pengerusi:** Prof. Dr. Rozainee, UTM lah mungkin. Tidak boleh suruh UiTM *evaluate* dia punya teknologi sendiri, kena universiti lain... *[Ketawa]*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *No, I mean they have study the whole thing and then now is the time to see keberkesanan the thing dalam market.*

**Tuan Pengerusi:** *...Review dan selepas itu you pass the report to us at PAC.*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Yang berkenaan dengan tarikh operasi insinerator ini. Maklumat yang saya dapati agak berbeza dalam kes *Cameron Highlands*, doktor kata tadi sudah pun beroperasi 31 Disember 2013. Dari maklumat saya, walaupun kementerian telah mengeluarkan surat bersetuju tetapi dari segi operasi sebenar tidak lagi kerana ada masalah kecacatan dan masalah mendapatkan pekerja. *Can we really confirm which is which, mana sebenarnya?*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sebagai tambahan ya. Ini saya ambil petikan daripada report UiTM... *[Membaca petikan]*

*"We recognize that XCNT technology is a major breakthrough in solid waste combustion technology which has very downstream potential. In this respect, UiTM will provide the necessary expertise to support the technology in its endeavor with more scientific foundation and backgrounds."*

*So, I think* kalau boleh kita mintalah yang saya cakap tadi itu, sekarang sudah beroperasi, tengoklah keberkesanannya. Mungkin *can go further.*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Akur dengan *request* Tuan Pengerusi dan dengan Yang Berhormat yang lain, kita akan bawa UiTM bersekali dengan UTM, sekali berdua ya. Menjawab tadi tentang salah satu soalan Yang Berhormat, saya difahamkan tadi memang kita suruh dia tarikh operasi 31 Disember 2013. Akan tetapi dia sedang ada *certain*, dia punya pegawai-pegawai terlibat untuk mengambil pekerja ya. Pengambilan pekerja.

■1230

Di sini saya ingin jelaskan, tarikh operasi apabila kita suruh dia masuk, dia kena masuk. Tarikh operasi bermaksud dia kena lihat kerana- ini telah ada *quite sometimes*, dia kena masuk, *mobilization* balik, betulkan balik apa yang rosak, bukan tidak berfungsi ya. Rosak, kadang-kadang dia sudah lama *about half a year*, so dia kena buat *all*, tukar minyak hitam, itu yang apabila dia penuh beroperasi nanti, kita akan bayar berdasarkan- *style payment* dia berbeza Yang Berhormat. Kalau dia masuk belum *start*, kita akan bayar dia berdasarkan *utility* itu. Apabila dia *start* bakar nanti semua, kita akan bayar *full*. Itu dia punya proses. Bukan dia masuk, dia tidak bakar, dia cuma hendak *clean up, running* bagi dia itu, kita tidak bayar penuh.

**Tuan Pengerusi:** Labuan sekarang ini terbengkalai?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Labuan, *Treasury* suruh kita buat tender terbuka di Bukit Kalam.

**Tuan Pengerusi:** Perlu kita melawat Labuan?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tidak ada apa Yang Berhormat. Belum *start*. Tidak ada apa.



**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kepong, dia tidak berminat. Dia hendak pergi yang Langkawi sahaja.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Kita rancang hendak bawa Yang Berhormat ke Jepun...  
[Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tengok hutan boleh itu.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Bukan hutan simpan, hutan sampah... [Ketawa]

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sini, *there is separate contract, operation contract?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Betul.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Siapa sebenarnya kontraktor ini? Sumur Mutiara atau XCNT?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Cameron Highlands ya ini?

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Ya.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Yang Berhormat tanya...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Pulau Pangkor dan Langkawi ini XCNT?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ya.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Cameron Highlands *is* Sumur Mutiara?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ya. Tioman *also*. Itu kontraktor.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Kontraktor.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ya.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Ada pertalian atau tidak Sumur Mutiara ini dengan XCNT?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Kalau di Pulau Pangkor di Langkawi, mungkin *the first time* saya sudah beritahu. Pulau Pangkor dan Langkawi *technology provider and contractor is XCNT*. Di Cameron Highlands dengan Tioman, kontraktor *is* Sumur Mutiara. *Technology provider is XCNT*.

**Tuan Pengerusi:** Taklimat yang Dato' berikan dulu adalah kementerian pilih teknologi dulu, lepas itu teknologi itu akan digunakan oleh kontraktor-kontraktor selepas itulah. Cuma yang nakal sedikit itu adalah *the proposal of the technology* itu adalah XCNT. Bila dia masuk kaki di dalam itu, kena pakai dia punya teknologilah. Macam mana pun ada *company* dekat depan di *award* kontrak itu, dia tetap kena bagi kepada XCNT untuk menjalankan secara operasi. Itu yang kami nampak jelas, terang benderang bahawa benda ini macam sudah ada manipulasi. Pada prosedur lepas yang kami tengok.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, saya jelas sedikit. Pulau Pangkor dan Langkawi operator dia memanglah XCNT. Akan tetapi Cameron Highlands dan Tioman *is* Sumur Mutiara.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi dia subkontraktor *back out* itu XCNT. *So, this fact do you agree with our opinion that the bila you dah pilih the technology provider yang buat the pilot project, you sudah pilih teknologi itu dan lepas itu kalau you hendak ambil teknologi ini you kena pilih XCNT, you tidak boleh pilih yang lain. Adakah you boleh pilih technology spin drum?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tidak boleh Yang Berhormat *because* Jawatankuasa Teknologi luluskan teknologi tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Tahu. Itu yang saya kata tadi macam ada manipulasi di mana apa prosedur yang dibuat ini telah disusun untuk memilih XCNT. Walaupun *you* kata *technology spin drum*, apa benda ini semua adalah *technology generic*, banyak syarikat buat. Akan tetapi kerana Jawatankuasa Sains Negara telah memilih teknologi ini, maknanya orang lain tidak boleh masuk. Adakah Dato' bersetuju pandangan saya itu? Sepatutnya teknologi ini ialah *technology generic*. Kita boleh pilih orang lain pun.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Kes keempat-empat ini betullah itu. XCNT yang masuk sebagai *technology provider*.

**Tuan Pengerusi:** Akan datang adakah dasar ini akan diteruskan?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tidak, tidak Yang Berhormat *because* macam kes yang kata hendak buat insinerator yang terbaru, *waste technology*, kita tender terbuka. Siapa *come with the best technology and financial will get it*. Tidak semestinya XCNT.

**Tuan Pengerusi:** *Statement* sekarang ini, *you* sudah *stop the development of XCNT* punya *incinerator deployment* ini, *you* buka kepada teknologi yang lain.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Akan tetapi Yang Berhormat, dia boleh masuk.

**Tuan Pengerusi:** Itu tidak apa. Yang kita cerita ini hal yang sudah berlaku, kenapa benda ini macam diatur supaya XCNT dapat, lepas itu diberikan empat kontrak berjumlah RM200 juta sekali gus, *because of the proprietary technology. When actually it is a generic technology, it shouldn't be proprietary*. Cuma itulah, satu lagi soalan. *Economy of scale and management- is it a problem?* Oleh sebab kalau kita pilih berbeza-beza teknologi, nanti dia punya *spare part, maintenance* dan pengurusan dia lain-lain. Adakah itu akan memberikan masalah kepada kementerian?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Could be*. Saya tidak berani cakap sebab *it could be, it is a possibility where- economy of scale*, nanti *spare part* dia sedikit. Dia tidak ada itu. Itu *maybe*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, dengan teknologi UiTM ini adakah ia dipatented? *Because, if it so good, so special then it should be patented. It is because that is the criteria that people used for drugs, for anything. If it is so special, it is patented, and it is good for 20 years.*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *I do not have any information on that.*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *That is very important, because it is a true discovery breakthrough. Let see whether it is patented. If it is not patented, then it cannot be a breakthrough.*

**Tuan Pengerusi:** XCNT ini dipilih pun kerana ia merupakan syarikat tempatan. *That was the* Kabinet punya *decision* kan? *So*, sekarang ini pun ada pula kesannya daripada kita *reverse* balik kita punya dasar untuk mempromosi teknologi tempatan. Adakah itu ada kesan? Saya faham, maknanya XCNT akan dibenarkan masuk dalam tender-tender akan datang.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat Dato'. *First*, pertanyaan daripada Yang Berhormat Kepong, saya difahamkan mereka *patent* pada tahun 2010.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Teknologi ini tidak boleh digunakan oleh sesiapa dalam tempoh 20 tahun ini, tahun 2010.

**Tuan Pengerusi:** Okey, kesimpulan dari segi pembinaan loji insinerator yang akan datang, kementerian akan *open tender* dan dari segi teknologi dan juga dari segi syarikat.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Betul Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Itu betul ya. Itu kesimpulan yang boleh kita buat. Baik, akan tetapi syarikat XCNT akan dibenarkan untuk hendak tender juga. Cuma ruang itu akan dibuka kepada orang lain. *Is it an international tender?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *International tender. Okay, thank you.*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Next*. Ini khas untuk menjawab teguran dari Tuan Pengerusi sendiri. Jadi, kita sudah buat *research*. Pakar pun ada sini. Jadi, seperti yang saya nyatakan dulu, insinerator yang kita ini sepatutnya dibakar untuk sampah atau sisa pepejal. Jadi, untuk memastikan *concern* Yang Berhormat hari itu, bagaimana toksik dari rumah-rumah boleh masuk. Jadi, di sini di bawah kita punya prosedur, kontrak operasi mensyaratkan supaya pihak operator melakukan kerja-kerja pengasingan sisa berbahaya *upfront*. Kedua, proses kerja-kerja pengasingan tersebut dijalankan secara manual dan automatik. Kita ada logam *separator* dan kita memang ada khas seorang pekerja ditugaskan di bawah untuk memantau proses pengasingan sisa pepejal. *Next*, gambar... *[Menunjukkan gambar]*

■1240

Okey, *Now*. Katalah Yang Berhormat tanya hari itu, katalah termasuk. Apa jadi? *It can be 100%- prove*. Tadi saya tanya dengan pakar saya, Profesor Dr. Rozainee. Biar dia jawab sendiri lah. Kalau masuk itu, apa *effect* nya pasal bateri itu, kan? Sila.

**Prof Dr. Rozainee Taib:** *Assalamualaikum* Tuan Pengerusi. Sebenarnya, bila kita buat insinerator ini, di mana-mana pun kita akan *expect* akan ada *certain percentage* dalam sampah itu yang elemen-elemen yang dianggap sebagai *hazardous*.

**Tuan Pengerusi:** Macam *dioxin*lah?

**Prof Dr. Rozainee Taib:** *Dioxin* itu lepas. Dalam *reaction* itu akan berlaku *dioxin* tetapi yang kita maksudkan ini, benda-benda misalnya kalau macam cat. Misal kata cat rumah itu, yang lebih-lebih itu sebenarnya, itu kalau ikut *characteristic* nya, itu dianggap sebagai sisa berbahaya. Cuma sekarang ini, kita tidak boleh hendak *make sure* itu sebab kita tidak boleh hendak *control everybody*.

Jadi, sebab itu kita *expect* akan ada elemen-elemen sisa berbahaya itu di dalam sampah. Oleh sebab itu, bila kita *designed* insinerator, kita akan *designed pollution control system* itu yang akan boleh *take into account*.

Oleh sebab itu kalau kita tengok misalnya kita ada *injection of activated carbon*. Jadi, kalau misalnya ada merkuri yang terhasil misalnya daripada bateri itu hasil merkuri, ia akan *capture* dekat situ. Oleh sebab itu, kalau dalam insinerator, kita *control* apa yang keluar sebab kita tidak boleh kontrol apa yang masuk. So, bila kita kontrol yang keluar, sebab itu kita ada *Continuous Emission Monitoring* (CEM) itu. Jadi, kita akan monitor *all the time* apa yang akan keluar.

Jadi, untuk menjawab soalan ini, sebenarnya ini bukan sahaja di tempat kita, mana-mana dalam dunia pun sama dan praktis yang kita buat dalam *incinerator plant* ialah bila kita *designed pollution control system* itu, memang kita dah *take into account* benda-benda yang macam ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Terima kasih Prof. Next.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Boleh saya sambung tadi? Hendak *comment* tadi. Akan tetapi kalau ikutkan, hanya Pangkor sahaja yang beroperasi, itu pun berapa bulan sahaja kan. *How can you really confirm that your assessment or its performance based on just one plant that is Pulau Pangkor?* Yang Pulau Langkawi, Cameron Highlands, Tioman belum operasi.

**Prof Dr. Rozainee Taib:** Semua *plant* itu akan ada *the same control and the same monitoring system*.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *That is only an assumption based on the standard that you set but in terms of operation*, kita belum mendapat lagi dia punya *true performance based on the short time that only one plant is operating. You take my point or not?*

**Prof Dr. Rozainee Taib:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *Your assessment is based only on a plant in Pangkor which is only operating for the last few months. Whereas in Langkawi belum lagi, so as Cameron Highlands. So, your assessment on this performance cannot base on just Pulau Pangkor punya performance which is- and Pulau Pangkor ini, kapasitinya bukan besar sangat pun.*

**Prof Dr. Rozainee Taib:** Tidak. Saya tidak *argue* tentang *performance*. I *argue* tentang macam mana kita *designed* insinerator itu untuk *take into account* ada *possibility* atau tidak kalau misalnya benda yang dianggap berbahaya itu akan masuk dalam sampah dan memang akan ada. So, sebab itu kalau kita tengok sama ada di Pangkor, Tioman dan Langkawi, ia ada ia punya *pollution control system* iaitu *backhouse* dengan *injection of carbon* itu semua ada...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Dalam laporan UiTM ini, ada atau tidak disebut mengenai dengan perkara-perkara macam itu? *You see, the test carried out, report by UiTM is based on three day test run and each day, it run only for two hours.*

Maknanya, tiga hari dia jalan itu, *total running time was about six, seven hours. That was the report based on the operasi test plant itu ya.*

*So, that is, bukan fully operational punya plant. It is a test plant. Dua jam satu hari, tiga hari sahaja test nya and you are basing on the result of that test to come out with four plants simultaneously and then coming up with- of course definitely you are going to face all this problem. Memang naturally we expect that you are going to face this problem.*

*Akan tetapi macam mana kita boleh- with all this Committee, come out with decision to build four plant simultaneously based on a report by UiTM that carried out for three days and each day it run only for two hours.*

**Datuk Chua Tee Yong:** *Saya boleh tambah lagi atau tidak Yang Berhormat? Saya hendak tanya dari segi report ini. Dia menulis dari segi, total quantity of waste burn. Tadi saya dengar bahawa plant ini boleh satu hari 20 tan. Betul? Akan tetapi, dari segi test yang saya lihat, ia cuma handle 16 tons in two days. So, how did we get to that 20 tons a day- do we extrapolate? How does it work? I am trying to understand. Cuma hendak faham sahajalah.*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Berdasarkan laporan UiTM itu, kapasitinya is satu tan satu jam. Yang Berhormat, memang betul kalau dia kata kalau ikut dia punya designed, that is dia punya kapasiti. So, for the purpose of their testing, kalau dia run for 16 hours, then only 16 tons.*

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *Ya, but that is an assumption.*

**Tuan Pengerusi:** *Akan tetapi, sudah ada plants yang operating. The result that you have here is based on a run of- how many hours?... [Disampuk] Oh! 24?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Ya.*

**Tuan Pengerusi:** *24 hours run?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Pangkor 24 kan?*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Kuat sedikit- 16.*

**Tuan Pengerusi:** *16?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Pangkor 16, Pulau Langkawi 24. Pasal volume waste.*

**Tuan Pengerusi:** *So, the result yang you keluarkan ini in terms of the their effluent apa semua ini is based on actual...*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Ini actual Yang Berhormat, actual. So bila kita...*

**Tuan Pengerusi:** *Yang sudah berjalan selama berapa lama?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Dua tahun.*

**Tuan Pengerusi:** *Dua tahun? Okey. I mean hendak go back on the UiTM Report pun is meaningless pasal sudah ada dia punya ini...*

**Tuan Liang Teck Meng:** *Akan tetapi Tuan Pengerusi, I just want to say my view on this. Tentang soalan daripada Yang Berhormat Telok Kemang. I think we are not talking about a total solution.*

*It is not a one-stop processing centre, sama ada from when you collect the garbage until the end, became ash. I think the key element here yang penting the running cost. Kalau kita hendak burn sampah itu dengan hendak masukkan diesel sampai - but the technology here I think is at a very low. Tidak perlu measure accelerate fuel, and then it can burn everything into ash.*

*And then, definitely you have to separate the waste when you collect from the household. That one is not provided in the report. I have read through already but that one can be settled by manually just matter of increasing the number of workers, how to manually separate the waste but the key elements here I think is about the technology and the elimination of the gas is all captured and it has meet the requirement, even EU standard. I think if these two major elements can be achieved, the rest can be settled. I think the focus should be on that.*

**Tuan Pengerusi:** *I think that is the whole objective of the plant anyway. Cuma, one extra questions hendak tanya pasal bahan bakar. Sekarang ini ditanggung oleh kerajaan ataupun ditanggung oleh company yang buat ini?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Operator. Oleh kerana keempat-empat ini adalah facilities kerajaan, ia masuk dalam kita punya kos operasi. Apabila operasi, dia akan forward kepada kita proposal dia tentang penyelenggaraan dengan operasi. Kita ada jawatankuasa yang akan melihat total request nya itu. Apabila kita sudah runding, itu yang lama, berunding sampai kita dapat tahap yang kami bersetuju, baru kita putuskan bawa ke Lembaga dan bawa ke MoF, untuk setuju dibayar sekian-sekian untuk dalam tempoh masa setahun termasuk semualah, gajinya, semua.*

**Tuan Pengerusi:** *Dia pakai schedule rate? Caj ini semua dikira macam schedule rates lah?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Tidak.*

**Tuan Pengerusi:** *Tidak. Dia bukan one lump sum figure lah? Itu balik kepada persoalan saya tanya tadi. Adakah ia dibayar pakai tan kah, dibayar pakai schedule rate? Ini kerana kalau harga minyak naik mendadak, sudah tentu syarikat tidak akan setuju hendak terima bayaran ikut tan... [Disampuk] Operation cost lah.*

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *Then the operation cost is already- contract is signed on a specific sum...*

**Tuan Pengerusi:** *Ya lah tetapi any increase in cost is adjusted. Maknanya kalau sudah bayaran dibuat berdasarkan operation cost lah kan?*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Yang Berhormat, dia boleh minta baru because dia contract dua tahun sahaja operasi. Masa kita calculate itu, kita akan tengok cost prices of diesel masa itu, kaji masa itu, dua tahun.*

#### ■1250

Adalah *clause*, sekiranya macam Yang Berhormat kata kalau secara mendadak dia boleh minta. Akan tetapi kita akan *decide* sama ada hendak terima atau tidak terima.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi sama ada dia gunakan minyak itu secara efisien atau tidak, adakah perkara itu diambil kira dalam pengiraan dia punya *rates*?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ya. Dia punya LCC semua sudah kira.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** ...Yang sudah dan sedang berjalan, Pulau Pangkor ini. Adakah pihak kementerian menerima laporan daripada majlis perbandaran atau majlis daerah? Pulau Pangkor, kita minta laporan daripada mereka untuk mereka punya *feedback* dan pandangan atau macam mana? Adakah?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Oleh sebab fasiliti ini adalah kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan, kita mempunyai *full control of the plant*. Mereka tidak lagi menghantar apa-apa laporan kepada pihak kami. PBT, *in this case is* PBT Manjung.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Tidak ada.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ada apa-apa laporan, kompelin atau puji kah, suka selesai masalah ini?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Yang itu adalah. Yang itu *feedback* itu adalah. *In terms of* mungkin Dato' hendak *explain*.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Semasa bina itu memang kita mula bina di Pangkor itu, memang pihak Majlis Perbandaran Manjung meminta cepat buat kerana kawasan tapak pelupusan itu sudah tidak cukup untuk menampung sisa pepejal yang *digenerate*. *Every now and then* kita ada mintalah pandangan Majlis Perbandaran Manjung kerana dia dekat. Kita kata bagi kita *feedback every now and then*. Akan tetapi tidaklah *compulsory* daripada Majlis Perbandaran Manjung sebab macam Dato' Seri KSU kata tadi itu fasiliti kita. Kita ada pegawai kita dengan pihak Perbadanan Sisa Pepejal.

*Last ya? Next?* Ini yang terakhir menjawab persoalan Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw mengenai, dahulu *last meeting* teguran daripada PAC bimbang perkara sama akan berlaku kepada ini kerana soalan insinerator akan tetapi *waste energy* Yang Berhormat ya, yang akan dibina. Jadi, kita punya keadaan di pihak kita dengan pihak UKAS, Jabatan Perdana Menteri yang dekat insinerator di- jika diluluskan di Kepong *dianchor* oleh Jabatan Perdana Menteri. Di mana kita letakkan langkah-langkah mitigasi pertama iaitu pembinaan *waste energy plant* itu kita akan buat melalui tender terbuka. Antara lain untuk mendapatkan teknologi terkini, terbukti mesra alam dan kos efektif. Kita jalankan tiga fasa Yang Berhormat. Satu *pre qualification*. *Pre qualification is 27 ya?* Pada 27 Februari akan keluar *pre qualification*. *Sorry, Januari. Bukan Februari Yang Berhormat. Next week.*

Selepas *pre qualification* itu, kerana kita tahu ramai orang hendak masuk, jadi kita buat *pre qualification* dahulu. Yang tinggal itu nanti kita baru minta *request for proposal*. Itu *the actual standard comes in*. *After request proposal the last two standing, three standing, we ask for best available financial offer. We look into technical and also financial.*

Selepas itu, kita ada kriteria dalam itu mengatakan orang yang masuk itu, kita akan- *pre qualification* itu. Dia punya pengalaman teknologi, bila bina, operasi dia pernah buat kah, *then we cut off the point*.

Pembinaan ini adalah secara PPP. *That means at upfront the government* tidak keluar *single cent*. Selepas dia lulus loji T&C sah beroperasi baru kita *discuss* tentang pembayaran, dia punya *tipping fees*. *Tipping fees* pun bukan bayar sekali, *in the duration of* kerajaan *looking into 20 or 25 years for them to recoup* balik CAPEX and OPEX yang dibelanjakan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu *tipping fees* sahaja. Akan tetapi kos pembinaan itu dibayar oleh kerajaan.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Tidak Yang Berhormat. *Tipping fees* itu kalau kerajaan bayar dia punya CAPEX, *the tipping fees* khas untuk OPEX dengan *maintenance which must be lower* atau *now* apabila dia keluar duit dia sendiri untuk bina CAPEX, *the tipping fees* dia punya elemen CAPEX, OPEX and *maintenance*, yang bayar tiap-tiap bulan ya Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** *Tipping fees* siapa bayar? *Tipping fees* tadi siapa bayar?

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *That is the government*. Kalau di Kuala Lumpur kita tengok sebab kita belum *negotiate* lagi, tengok juga. Kalau dia bertepatan dengan kadar yang DBKL bayar sekarang, katalah ya Yang Berhormat DBKL bayar untuk proses satu tan sampah di Kuala Lumpur, *it cost them about RM85*. *Tipping fees* dekat *transfer section* is about RM36, di Bukit Tagar is RM49, *it is RM35*. Kita anggap *that is the benchmark*. So, katalah *by chances* yang operator itu, yang dia menang itu RM85 per tan, *than maybe all together will be paid by* DBKL kerana dia tidak ada kos tambahan. Akan tetapi sekiranya lebih *that one* kerajaan kena buat keputusan.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi saya rasa dalam tender ini pun kementerian patut melihat kepada macam mana hendak *pass the cost directly to the people*. Saya tahu benda ini kontroversial tetapi tujuannya adalah untuk memberikan kesedaran kepada rakyat bahawa sampah ini ada kosnya. Kalau dimasukkan di dalam kita punya cukai pintu sahaja benda itu tidak kelihatan. *You do not educate the people to actually be more responsible in terms of handling* sampah ini. Belum lagi cerita mengenai hal pengasingan sampah, *recycling* dan sebagainya. Satu lagi perkara yang tender ini patut lihat juga adalah untuk melihat sama ada, ada atau tidak syarikat yang terlibat dalam *business recycling* yang boleh meletakkan dia punya *own rubbish* punya ini.

Macam di negara Barat, satu rumah dia bagi banyak tong, pelbagai warna. Jadi mana yang syarikat yang hendak *recycle* barang, dia letak tong dia sendiri dan dia ambil- kalau orang di rumah itu hendak buang barang yang dia hendak itu untuk dia boleh ambil *recycle* sendiri itu, jadi ini juga mampu untuk mengurangkan kos yang kerajaan hendak bayar. Ini kerana dalam jangka masa panjang kalau kerajaan bayar untuk kos sampah ini tanpa ada apa kesedaran rakyat juga untuk tidak buang sampah, dia kalau tidak ada sampah bersih negara ini.



Jadi, model *business* yang tadi hendak dilaksanakan oleh kerajaan ini walaupun dia berdasarkan kepada perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat insinerator ini tetapi ia juga harus dilihat dengan model lain yang mana kalau ada syarikat-syarikat yang hendak *recycle* barang dan sebagainya PBT boleh melihat pada cara hendak menguruskan sampah ini. Ini supaya sampah ini tidak diangkut semua ke insinerator. Ada separuh yang hendak *direct cycle*, syarikat-syarikat yang berminat ini dia boleh ambil sendiri barang itu untuk buat *recycle*. Jadi *load* untuk sampah di hantar ke insinerator ini pun akan dapat dikurangkan. Jadi *you* punya kos *running* insinerator pun akan dapat dikurangkan kerana jumlah sampah itu kurang.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang Tuan Pengerusi sebutkan itu ada dalam perancangan di dalam pengurusan sisa pepejal di jabatan dan seterusnya kementerian. Sama ada Tuan Pengerusi hendak benarkan kita *digress* untuk kita beri sedikit maklumat ataupun *if you allow, we can go on* untuk *explain* termasuk *user pays* dari segi *recycling program* dan sebagainya itu semua adalah menjurus terhadap pengurusan sisa pepejal yang mampan...

**Tuan Pengerusi:** Tidak lama kan?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Kalau *verbal* itu mungkin cepat.

**Tuan Pengerusi:** *Just gives us an idea* sahajalah.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Okey.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Buat masa ini di negeri-negeri yang mengguna pakai Akta 672 umpamanya di Kuala Lumpur, Pahang dan Johor, yang mana kita telah pun melaksanakan apa Yang Berhormat syorkan itu, yang mana kalau di Johor itu kita ada *collection* dua campur satu. Bermakna satu minggu sekali kita akan - *collect* yang *recyclable* Yang Berhormat cakap itu, di situ dia akan *collect* kerana kutipan kita sudah *privatize* kepada tiga syarikat. Kita tidak boleh bagi pada operator. Dia akan *collect recyclable*, di mana ada satu tong hijau yang kita bagi itu, itu khas untuk sisa basah, makanan dan sebagainya. Akan tetapi isi rumah, dia *segregate*, letak dalam beg plastik, yang mana di Johor *Southern ways* akan *collect one. That one*, dia akan pergi kepada *recycle company*, Yang Berhormat kluatir dia masukkan atau tidak? Sekarang dia sudah *divert*. Jadi yang pergi itu semua yang dalam tong sampah. Manakala yang luar itu pergi kepada *recycle company*. Kita sudah hendak...

**Tuan Pengerusi:** Tong sampah hijau yang tinggi itulah.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ya, betul.

**Tuan Pengerusi:** Yang *import* dari *Germany* itu.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Ya. Satu itu buat dekat Johor Yang Berhormat, di Simpang Renggam- tetapi di negeri lain tidak adalah Yang Berhormat, macam Selangor, Penang, Terengganu, Kelantan, Perak kita tidak masuk. Jadi tidak dapatlah tong hijau itu.

**Tuan Pengerusi:** Ini kerana perkara hendakkan ekonomi *soft skill*. Kalau tidak orang yang hendak ambil barang *recycle* ini dia tidak hendak.

## ■1300

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Boleh saya teruskan Yang Berhormat?

**Tuan Liang Teck Meng:** Boleh saya tanya sedikit atau tidak? Tentang *tipping fee* ini, adakah kita bagi *period* berapa lama boleh dikaji semula sebab memandangkan harga minyak *not stable* dan ada pula saya dengar ada *certain* syarikat, saya tidak hendak sebutlah dia *outsource*. Maksudnya bila diberikan untuk *collect rubbish*, dia sebenarnya *outsource to subcontractor*. Saya tahu mungkin ada diletakkan syarat katalah kereta yang kutip sampah mestilah ada dilengkapi dengan *certain robot*, *I do not know but then* kadang-kadang orang yang datang kutip sampah itu cuma lori biasa dan dia *outsource* dengan *certain* kadar yang *too low*, maksudnya ia tidak berbaloi. *Sometimes* sehingga masalah timbul, lori memungut sampah tidak sampai dan sebagainya. *So, I do not know whether you have certain period for you to review the tipping fees.*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Maaf Yang Berhormat. Saya tidak berapa dengar tetapi saya anggap Yang Berhormat *concern* ada yang *concession* itu bagi subkontrak. Ya, memang masa penswastan dulu, *existing subcontractor* tidak boleh ditamatkan. *So* seperti di Johor itu, *Southern Waste* dia terpaksa ambil *existing subcontractor*, *so* dia akan bagi *immediate long term contract* macam sisa pepejal dia bagi tujuh tahun, pembersihan awam dua tahun. Akan tetapi selepas dua tahun nanti dia akan *review*. Kalau prestasinya elok, dia dikekalkan.

*In terms of* Yang Berhormat *concern* tadi isu elemen *revision of it*, memang kalau sekarang pun kita punya perjanjian konsesi dengan tiga syarikat, *seven years fixed* untuk *mandatory revision of the fees but within the seven years*, sekiranya terdapat keadaan luar biasa seperti minyak tinggi, dia boleh minta *review*. Akan tetapi semuanya terpulang kepada kerajaan sama ada hendak tengok atau tidak mahu tengok. Okey, *next*.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Tuan Pengerusi, *just* sedikit hendak tanya. Selepas pembakaran semua ini, tadi yang ini tidak mematuhi *according to this one*. *How about the solid part, the solid residue* seperti *ash, what do you do with all these things?* Adakah ia diproses untuk menjadi sesuatu? *This also maybe a suggestion because I have visited the incinerator in South Korea, the residue* ini mereka buat *brick*. *I just want to know ministry* punya pandangan.

**Prof. Dr. Rozainee Taib:** Memang kalau apa yang kita buat sekarang ini maksudnya bila jadi *ash* itu kita *reduce volume* dia lebih kurang dalam *90% reduction*. Memang ada macam Yang Berhormat cakap itu. Memang ada negara atau ada teknologi yang boleh kita buat *brick* ataupun ada juga yang saya tengok dia buat *melting*, boleh jadi *ceramic tile*. Akan tetapi ini semua bergantung kepada kemampuan kitalah. Jadi yang sekarang ini kalau kita boleh bakar, *reduce volume 90% go to landfill* itu pun saya rasa sudah satu pencapaian *already*.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *I know in South Korea they do the landfill* dan juga buat *brick* semua.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Dalam tender yang akan dikeluarkan minggu depan, ia juga terdapat unsur mengatakan mesti mematuhi semua *standard* pelepasan yang telah ditetapkan oleh DOSH dan debu dia itu mesti mematuhi *toxicity- properties* dan juga semua syarat-syarat lain dia mesti *comply*. Itu *part of the* syarat saya letak. Sebenarnya banyak lagi Yang Berhormat Kepong ya. Banyak lagi syarat-syarat yang kita letak tetapi ini yang penting-penting, yang kita maklumkan kepada Jawatankuasa *today*. *Next*. Itu sahaja Yang Berhormat taklimat saya untuk hari ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Terima kasihlah. Soalan lagi, Yang Berhormat Telok Kemang memang ada.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *Are we aware there is a- berkenaan dengan waste technology plant ini, ada satu plant di Semenyih. That is now running and I think they started from tried and error. They take in about 500 to 600 tons waste a day and producing about 8 to 9 megawatts power energy. Apa nama dia saya tidak tahulah...*

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** RDF.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** RDF.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *They produces about 8 to 9 megawatts of energy a day. Half of it they use and half they sell back to TNB. Now, this is a good example of a private sector solving our waste problem. Imagine in Kajang they run- needs about 1,000 tons a day or something like that. Without any assistance from the government, they are surviving and they making profits. Why can not the government look at this project which I think have been proven viable and at the same time solve lots of problem, urban area especially. Macam di Kajang itu, Petaling Jaya need one, Kepong need that kind of plant because you can supply more than 1,000 tons of rubbish a day. Rather than go into this project of incinerator yang sekarang ini tentunya sudah nampak masalah yang kita hadapi.*

*Insinerator ini hanya small quantity of waste. We are talking about 20 tons a day, 100 tons a day. Whereas this plant, dia sudah 500, 600 tan satu hari dan by the private sector, without any assistance from the government. So, why can not we really look at this plant as a way of solving our problem in the urban area and we should give them a lot of assistance especially kalau they can solve our rubbish problem. Tipping fee itu kita boleh negotiate some kind of grant or whatever rather than go into this, involving the government punya involvement in finance. Syarikat ini, saya dimaklumkan tidak ada pun dapat satu sen sumbangan daripada kerajaan. They are truly private, 100%.*

*So, I would like to see tumpuan diberi kepada untuk mengkaji loji ini yang sekarang beroperasi hari-hari di Semenyih. They are short of rubbish actually, I was told. Ini kebetulan saya terbaca. The plant capacity is 1,000 tons a day and they have only about half of that from Semenyih and Kajang area. Rather than now going to seriously into building a bigger incinerator. Whereas we are having problem with this incinerator that we have now which is small size incinerator and the risk we take. Kalau tidak ada risk ataupun tidak ada masalah, takkan hari ini kita duduk di sini.*

*So I am just suggesting that we should look at this seriously and re-examine the position of the government as far as the waste is concern kerana waste to energy plant is the i-Energy is the latest now.*

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Terima kasihlah di atas komen tersebut. Kita memang sedar kewujudan RDF *plant* di Semenyih. RDF is "refuse-derived fuel". Kalau sekiranya pihak syarikat tersebut betul-betul berminat, kita rasa mereka boleh *participate* di dalam *waste energy tender* yang akan dibuka oleh pihak UKAS itu nanti. Ini memang kita *very open to all kinds of technologies* yang mana terbukti *matured* dan dapat diterima dan ia akan dinilai secara setara apabila kita keluarkan tender itu nanti. *That is my short remark. Thank you.*

■1310

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *Your tender requirement here, does it involved government investing in the capital expenditure?*

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...PPP yang diuruskan oleh pihak UKAS.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...The taker kah PPP ini? MRT dulu pun kata PPP. Selepas itu senyap-senyap jadi PFI, selepas itu senyap-senyap jadi kerajaan *funding* semua.

**Seorang Ahli:** *Lama-lama guarantee loan* semua.

**Tuan Pengerusi:** Saya dimaklumkan di sini bahawa Syarikat XCN Technology ini ada buat *presentation* pada Perdana Menteri tahun- tidak tulis pula tahun berapa tetapi dia ada buat dia punya *presentation*. Dalam *presentation* ini dia buat *remark*, dia kata pada tahun 2004 XCN telah *setup the first demonstration run R&D plant in UiTM, rated at 1.3 ton per day*. Dalam *briefing* yang kementerian bagi tadi kata *the plant ini is 1.3 ton per hour*. Tidak, isu ini bukan apa. Takut nanti maklumat yang salah diberi pada Perdana Menteri, Perdana Menteri pun setuju. Jadi, hendak *clear* kan benda ini, memang daripada asal UiTM punya *demonstration run is at 1.3 ton per hour or 1.3 ton per day?*

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Laporan yang kami terima adalah *1 ton per hour*. Kami punya- yang itu pasal *I do not have a preview of...*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Rahim bin Mohayidin:** *Okay, thank you...*

**Tuan Pengerusi:** *It is my copy, so I just want to clear. Even though we have read the laporan yang UiTM ini pun 1 ton per hour, waste to be process. That means kementerian verified it is 1 ton per hour. Not 1 ton per day. Okay. Ada lagi?*

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Sudah habis tadi, semasa Yang Berhormat keluar tadi saya sudah cakap terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Baik, terima kasih. Jadi, ada soalan lagi daripada Ahli PAC? Ada soalan lain lagi daripada Jawatankuasa?

**Tuan Liang Teck Meng:** Tidak ada, cuma di Simpang Renggam ada satu tapak pelupusan, kalau boleh diadakan insinerator. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada permohonan daripada Yang Berhormat Simpang Renggam untuk hendak gantikan dia punya *land fill* dengan insinerator... [Ketawa] Boleh masuk *proposal* PPP. Yang Berhormat Kepong ada apa-apa soalan? Okey, kalau tidak ada apa-apa soalan saya ucapkan terima kasih tetapi kita ada satu lagi..., terima kasih lah Dato' Dr. Nadzri. Tugas ini sudah selesai Dato'.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih banyak-banyak. Kali ini *you have come back with very well preparation*.

**Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya:** *Thank you*.

**Tuan Pengerusi:** *Thank you very much*.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, saya pun *on behalf of my officer*, saya hendak rakamkan ucapan terima kasih yang tidak teringgalah kepada semua anggota PAC yang telah bekerjasama baik dengan pihak kementerian untuk kami menyediakan jawapan...

**Tuan Pengerusi:** Dato' belum habis lagi. Hendak tanya pasal bomba.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Hendak tanya pasal bomba.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Ya, saya faham. Saya akan tunggu, saya akan tunggu. *I am here for them actually...* [Ketawa]

**Encik Rahim bin Mohayidin:** Terima kasih.

[Saksi-saksi dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

1.15 ptg.

**Tuan Pengerusi:** Okey Dato'. Serah pada Dato' untuk memperkenalkan pegawai Dato' dan meneruskan dengan taklimat ini.

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bersama-sama saya adalah Timbalan Ketua Pengarah Bomba sekarang, Dato' Mahadi Md. Ali, dan beliau akan dibantu oleh seorang lagi pegawai lah. Tuan Pengerusi, kita boleh mulakan.

**Tuan Pengerusi:** ...Ada apa-apa *presentation* kah daripada bomba?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Okey, mereka tidak menyediakan slaid. Kalau...

**Tuan Pengerusi:** Okey, kita tanya dia ya?

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Isu ini sebenarnya adalah mengenai pengurusan aset dalam kementerian dan terutamanya kepada bomba. Tadi kami telah di *briefing* sedikit oleh Jabatan Audit Negara yang mengatakan rata-rata sebenarnya pengurusan aset di bomba ini mantap, boleh dibanggakan. Cuma ada satu sahaja isu yang telah timbul iaitu mengenai isu pembelian barang *Cobra* yang dibeli daripada Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn. Bhd. tanpa melalui proses tender, secara rundingan terus.

Dalam kronologi pembelian ini pun ada timbul keraguan iaitu mengenai bagaimana timbulnya permohonan untuk projek ini? Selepas itu, ada surat dan minit daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan pada ketika itu tahun 2006, untuk mengarahkan Jabatan Bomba untuk membeli peralatan ini. Kemudian, ada maklum balas daripada Ketua Pengarah Bomba pada ketika itu dan juga kementerian yang mengatakan bahawa peralatan ini tidak termasuk dalam *procurement* Rancangan Malaysia Kesembilan dan tidak diperlukan oleh bomba.

Saya bagi kronologi, senang saya sebut ya. Kronologi tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pada 3 Februari 2006, tawaran pembelian peralatan keselamatan *CCS Cobra cutting extinguisher* oleh Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn. Bhd. ini telah diminitkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mengatakan di sini pihak bomba akui kebaikan alat berteknologi tinggi ini dan pihak bomba sepatutnya ada peralatan ini;
- (ii) pada 6 Februari, kelulusan Kementerian Kewangan telah diserahkan kepada KSU KPKT pada ketika itu, Dato' Ahmad Fuad bin Ismail bagi perolehan *CCS Cobra cutting extinguisher*, ini dibuat secara rundingan terus kepada Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn. Bhd.;
- (iii) pada 22 Februari 2006, satu surat penolakan tawaran telah dibuat oleh Jabatan Bomba kepada KSP Kementerian Kewangan kerana tiada keperluan. Alasannya tiada keperluan kerana keutamaan diberikan kepada pembinaan balai-balai lama dan penggantian kenderaan dan jentera yang telah mencapai tahap *beyond economy repair*;
- (iv) sebelum itu, pada 13 Februari, satu surat penolakan tawaran telah dikeluarkan oleh Jabatan Bomba kepada KSU KPKT kerana Jabatan Bomba tidak menyenaraikan perancangan perolehan tersebut dalam RMKe-9;
- (v) pada 28 Jun 2006, Lembaga Perolehan KPKT telah bersetuju menerima keputusan rundingan harga Syarikat Asas Jaya ini;
- (vi) pada 29 Jun 2006, surat setuju terima telah dikeluarkan kepada kontraktor ini, Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya ini, yang telah ditandatangani pada 6 Julai 2006. Jumlah surat setuju terima pembelian ini adalah untuk 24 unit.

## ■1320

- (vii) pada 23 Ogos 2006, kontrak telah ditandatangani dengan Kejuruteraan Asas Jaya ini untuk pembelian 24 unit CCS Cobra ini.
- (viii) pada 29 November 2006, mesyuarat rundingan harga telah dipengerusikan oleh TKSU Pembangunan pada ketika itu.
- (ix) pada 10 Januari 2007 pula Kementerian Kewangan mengeluarkan lagi satu surat kepada KSU KPKT bagi membeli lagi 92 unit CCS Cobra ini.
- (x) pada 12 Januari 2007, surat setuju terima dikeluarkan kepada Kejuruteraan Asas Jaya bagi tambahan pembelian 92 unit CCS Cobra ini yang telah ditandatangani pada hari yang sama.

Jadi, isu yang timbul di sini adalah mengapa ada keraguan di atas keperluan membeli barang ini? Itu satu. Maknanya, MoF kata suruh beli tetapi bomba kata tidak ada keperluan.

Kedua, mengapa dilaksanakan secara rundingan terus?

Ketiga, kenapa tambah beli lagi? Ia seperti tidak ada perancangan untuk membeli aset ini dan ditambah pula itu dengan unit yang lebih besar.

Keempat, selepas itu Jabatan Audit Negara dalam audit biasa yang dibuat telah menemui bahawa barang ini tidak dipakai oleh bomba kerana ada masalah mengenai ketidaksesuaiannya, *high water pressure* dan sebagainya. Selepas itu ada alat yang rosak dan bomba minta untuk hendak lupuskan peralatan yang telah rosak ini.

Jadi, saya minta penjelasan daripada kementerian mengenai hal ini.

**Dato' Mahadi Md. Ali [Timbalan Ketua Pengarah Operasi (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat tengah hari Tuan Pengerusi, Ahli-ahli PAC.

Kes CCS Cobra ini memang pada peringkat awal jabatan mengatakan tidak ada dalam perancangan dan kita tidak perlu. Akan tetapi bila ada keputusan mengatakan alat ini wajar dibeli, berdasarkan kepada keputusan tersebut, KSU pada waktu itu iaitu Datuk Ahmad Fuad, melantik jawatankuasa untuk melihat peralatan ini. Berdasarkan daripada surat Kementerian Kewangan juga kita telah melantik Jawatankuasa Rundingan Harga. Memang kita ada rundingan harga untuk 10 set, 24 set pertama Tuan Pengerusi. Maknanya, 10 set pertama itu bila kita buat rundingan harga, kita bersetuju dengan harga itu dan ia dibuat secara bayaran secara FOB. Maknanya, peralatan itu dibekal, dimasukkan dalam kapal dan dibayar ikut prosedur biasalah. Akan tetapi dia punya...

**Tuan Pengerusi:** Jumlah 10 unit itu untuk *testing purposes* atau pun memang beli untuk pakai?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Untuk 24 unit pertama pada tahun 2006 itu...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Unit 10 atau 24 ini?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Harganya RM10 juta Tuan Pengerusi. Unitnya 24 unit.

**Tuan Pengerusi:** RM10 juta, bukan 10 unit.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Ia punya peruntukan pertama diberi pada bulan Julai tetapi sebab kita tidak ada dalam perancangan. Tadi Yang Berbahagia KSU pada masa itu menjawab kita tidak ada keperluan. Kita jawab dua kali sebab pada 3 Mac dan 22 Februari. Akan tetapi apabila ada arahan mengatakan alat bagus dan boleh dibeli, kerajaan telah...

**Tuan Pengerusi:** *No.* Bukan kerja *you* kah untuk hendak membuat penilaian dan menetapkan bahawa alat itu perlu atau tidak perlu, bukannya kementerian lain.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Memang kita tidak ada- Tuan Pengerusi, alat CCS Cobra ini mula digunakan di Sweden dan pada masa *Highland Tower* itu dibawa di Malaysia dan digunakan di Malaysia untuk penggunaan pemotongan. Ini kerana ia ada dua jenis Tuan Pengerusi. Satu alat CCS Cobra ini ia menggunakan pam kita. Maknanya, daripada alat dia, dia ada *nozzle*, dia ada *gun* dia, dia ada *abrasive* untuk pemotongan tembok dan sebagainya. Itu menggunakan *pump* kereta bomba pada masa pertama di *Highland Tower*. Kita sudah uji pada masa itu. Akan tetapi apabila Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya minta kita membuat perolehan, memang kita tolak kerana kita tidak ada dalam perancangan. Akan tetapi apabila kerajaan mengatakan diberi peruntukan dan dimasukkan dalam mesyuarat bajet tambahan, pada bulan Oktober, diberi peruntukan.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi maknanya, ini bukannya keputusan daripada bomba atau pun KPKT?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Bukan keputusan daripada jabatan.

**Tuan Pengerusi:** Keputusan daripada MoF?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Daripada...

**Tuan Pengerusi:** Kementerian Kewangan?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Makna, kita beli hanya 24 unit pertama. Selepas itu, selepas sesi Bajet 2006 untuk Bajet 2007, diberi lagi duit sebanyak RM50 juta. Akan tetapi sebab saya hadir dalam mesyuarat itu, kita minta benda ini tidak boleh dibelanjakan pada tahun semasa 2006. Kalau kerajaan mengatakan perlu diberi, kita minta ia dibawa dalam peruntukan 2007. Oleh sebab itu kita ada dua kontrak. Kontrak pertama dan kontrak tambahan. Daripada situlah...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Walaupun waktu itu- minta maaf Dato' ya. Bomba tidak perlukan dan masih lagi tidak perlukan waktu itu walaupun telah diberi...

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Akan tetapi peruntukan telah pun diberi kepada kita. Diberi dan rundingan terus dibuat. Pada masa itu arwah TKSU, Encik 'Ramadan' ini dia yang mempengerusikan jawatankuasa rundingan. Kita buat perolehan pertama 24 set itu secara FOB. Kita bayar kontrak itu. Selepas itu, lepas diluluskan pada Oktober itu, bulan November datang lagi...

**Tuan Pengerusi:** RM50 juta, satu jumlah besar.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** RM50 juta untuk dibuat perolehan tambahan pada tahun 2006 tetapi kita menolak. Kita cakap tidak boleh dibelanjakan pada tahun 2006. Sekiranya kerajaan beri duit, kita minta dibawa kepada tahun 2007.



**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Bekalan yang 24 itu tidak dipakailah ketika itu?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Untuk makluman Ahli-ahli, peralatan ini dipasang di kenderaan. Ia ada dua fungsi. Satu, fungsi khusus untuk memotong tembok dan sebagainya berdasarkan kepada kes Highland Tower. Selain itu ia boleh digunakan sebagai *hose reel* biasa. Maksudnya, dipasang di kereta bomba. Contohnya, kereta bomba pergi ke tempat kebakaran, pemadaman kebakaran, ia digunakan. Memang kita tidak ada rekod penggunaan sebab bila kereta bomba *attend fire*, bila hendak buat pemadaman kenderaan, dia guna alat *hose reel* itu dan CCS Cobra. Ia ada dua fungsi. Kalau untuk memotong tembok, kita akan menggunakan *abrasive*. Maksudnya, macam *bullet*. Akan tetapi dalam keadaan biasa kita boleh guna sebagai pemadaman kenderaan atau pemadaman peringkat awal bangunan.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Ia memang digunakanlah?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Memang digunakan sebab kita tidak rekod penggunaannya. Ini kerana ia dipasang bersama kenderaan. Apabila kenderaan berkenaan *attend fire*, kalau kebakaran kenderaan, dia akan guna *hose reel*. Alat itu sebagai selain daripada untuk mengguna pemotongan konkrit dan tembok, dia guna untuk *hose reel* tanpa menggunakan *abrasive*.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin:** Merujuk tadi pada pernyataan Dato' berkenaan dengan surat kepada MoF, jawapan kepada MoF, penolakan dua kali dihantar kepada MoF. Adakah perkara sebegini selalu berlaku atau pun memang tidak diguna pakai pandangan daripada pihak bomba untuk sesuatu item yang digunakan?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Dalam pengalaman saya, kes ini yang pertama. Pertama kali Yang Berhormat.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin:** Kes terpercillah?

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi jumlahnya RM50 juta. Itu yang kami pun terbeliak mata juga, bagaimana satu perolehan sebanyak RM50 juta boleh dibuat tanpa penglibatan daripada agensi berkenaan. Wakil MoF ada di sini? Tidak datang? Saya tahu dalam Akta Kewangan memang Kementerian Kewangan boleh membuat keputusan. Akan tetapi cuma bila perkara ini berlaku, apakah selalunya langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk hendak mengelakkan perkara ini daripada berlaku lagilah?

■1330

**Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Kementerian Kewangan)]:** Cuma Tuan Pengerusi, yang pertamanya proses rundingan terus ini adalah sebahagian daripada proses tender sebenarnya. Tender ini sebenarnya rundingan terus, tender terbuka, tender terhad, itu merupakan tender. Ada pembelian terus ya. Cumanya dalam aspek yang sebegini, mungkin pada masa itu ada asas-asas tertentu yang mungkin saya tidak tahu.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi maksudnya- saya belum lagi sampai kepada apakah asas yang digunakan untuk memilih Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya ini.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *No, the idea, the initiative in the first place* kan, siapa yang...? Kementerian Kewangan kah?

**Tuan Pengerusi:** Sudah *clear*. Di sini Kementerian Kewangan. Puncanya daripada Kementerian Kewangan. Melalui Kementerian Kewangan kepada kementerian, kementerian tolak. Selepas itu kementerian bertukar fikiran, bomba bertukar fikiran dan teruskan jugalah... [Ketawa] Akan tetapi bukan bermakna...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Maknanya bomba tahu ada alat ini sebelum...

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Memang alat ini diguna kebanyakan di *Europe*, di negara Sweden dan alat ini diguna semasa *Highland Tower* runtuh itu.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Digunakan oleh siapa itu?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Digunakan oleh pasukan Perancis dan juga pasukan Jepun yang kita bawa daripada...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Dari luar lah ya.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Cuma dia orang punya, yang saya fikir, bomba punya keutamaan itu dia kata, "*Kalau hendak bagi duit, kita hendak pakai untuk benda lain, bukan pakai untuk benda ini*". Betul? Ha! Okey. Jadi itu... [Ketawa]

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Kalau... bukan?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Sebab insiden berkenaan itu jarang-jarang berlaku di Malaysia. Contohnya kita hendak potong konkrit, kita boleh guna banyak alat lain lagi.

**Tuan Pengerusi:** Jadi tidak perlulah nak beli. Kalau nak beli sedikit hendak *try* pun bolehlah 24 unit. Cuma bila beli tambah lagi sampai 92 unit itu, itu satu lagi kelemahan dalam perolehan inilah.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** KSU, yang tadi bomba 24 unit itu sudah dipasang ke atas 24 kenderaan?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Pada 24 kenderaan ya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sudah digunakan?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Sudah dipasang.

**Tuan Pengerusi:** Lagi 92 itu?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Lagi 92 dipasang di kenderaan.

**Tuan Pengerusi:** Di kenderaan juga?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Di kenderaan juga dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Banyak juga kenderaan bomba ya.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Dalam keadaan sekarang, kalau kenderaan itu hadir kebakaran, walaupun dalam kenderaan, dia akan gunakan sebagai *hose reel*.

Cuma pemotongan itu kita akan gunakan *abrasive* dia sebab keperluan untuk memotong konkrit ini jarang berlaku. Kita lebih senang menggunakan alat lain, *breaking tool* lain.

**Tuan Pengerusi:** Jadi beli barang yang sudah memang terbukti dia punya kegunaannya tetapi tidak ada kegunaan hendak pakai benda itu.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Ya, kegunaan itu ada. Di Malaysia ini jarang berlaku situasi yang memerlukan ia digunakan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau ada gempa bumi semua itu baru pakailah kot.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Dia gempa bumi, kalau bangunan runtuh...

**Tuan Pengerusi:** Bangunan runtuh.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Kita hendak potong ambil masa, kita terpaksa potong dia sebab kalau kita guna *breaking tool*, dia akan gegar dan dia akan menyebabkan bangun tidak stabil. Akan tetapi kalau guna alat ini, dia tidak ada gegaran, dia potong terus, kita buka dia, kita boleh masuk di dalam itu. akan tetapi jarang berlaku di Malaysia, hanya *Highland Tower* sahaja.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Alat-alat yang kita beli ini alat yang model terkini kah atau...

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Ya, model terkini sebab dia ada dua model. Kita beli model E300, maknanya dia menggunakan sistem dia sendiri. Alat yang kita uji itu menggunakan pam kita. Kita kena *operate* melalui pam kita. Akan tetapi alat ini dia ada *genset* dia, dia ada *abrasive* dia, dia ada *gun* dia, dia ada *hose reel* dia.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya dari segi kebolehan alat ini bomba memang tidak ada...

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Memang bagus.

**Tuan Pengerusi:** ...Tidak ada kkuatirlah, tidak ada ragu-ragu mengenai dia punya keberkesanan alat ini?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Dia boleh digunakan dua situasi. Boleh guna *hose reel* biasa dan boleh guna untuk pemotongan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau rundingan terus ini, semasa proses rundingan terus dibuat,

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Kita buat proses...

**Tuan Pengerusi:** Ikut prosedur tender yang telah ditetapkanlah?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Ya, ikut prosedur. Oleh sebab dia punya strategi, sebab pada masa itu duit dia telah bagi. *Our strategy*, kita turun harga sahajalah. Kita dapat menurunkan harganya.

**Tuan Pengerusi:** Penilaian teknikal dan juga *financial* dibuat kepada syarikat atau tidak?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Penilaian teknikal kita berdasarkan kepada- sebab benda ini datang, kita tengok dokumen...

**Tuan Pengerusi:** Bukan, bukan. Betul, prinsipal memang boleh buat tetapi orang yang hendak menguruskan barang ini di Malaysia ini, Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya ini, adakah penilaian dibuat kepada syarikat tersebut di atas keupayaan mereka secara teknikal dan juga secara *financial*?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Penilaian teknikal kita tidak buat itu sebab kita tengok dokumen sahaja, *we based on* dokumen.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Teknologi mana ini, Jermankah, Englandkah?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Sweden, teknologi Sweden.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Sweden.

**Tuan Pengerusi:** Jadi kalau ada masalah, siapa yang akan dipertanggungjawabkan? Selalunya, kalau tender ini diberikan kepada Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya, dia oranglah yang patutnya secara *legally* dan secara *financially* dipertanggungjawabkan sekiranya kontraktor gagal. Sekarang ini bila bomba buat penilaian tersebut, kalau ada masalah, siapa yang akan dipertanggungjawabkan?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Dia punya alat ini *very simple* Tuan Pengerusi. Dia kita kena tengok *gun* dia, kita kena *check* biasa, ada *checking gun* dia. Selepas itu kita tengok dia punya generator dia sebab dia pakai *power* untuk gerakkan benda itu. *That*, dua itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** *Servicing* siapa buat?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Anggota kita buat sebab bila dia bekal, kita ada program latihan dan dalam kontrak itu, kita buat program latihan. Bermakna, syarikat ini dia bawa pakar daripada Sweden, dia melatih anggota kita.

**Tuan Pengerusi:** Betul tetapi jikalau ada masalah macam sekarang ini Jabatan Audit Negara ada mendapati bahawa ada yang dah rosak dan sebagainya, siapa yang dipertanggungjawab untuk hendak...

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Bahagian Kejuruteraan Jabatan Bomba akan melihat alat tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Oh! Bukan *servicing* dibuat oleh kontraktor, oleh *supplier*?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Oleh sebab kita sudah dilatih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Bomba kena buat?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Kita tengok *based on manual* sahaja. *Based* pada manualnya, kita *check* benda yang sepatutnya jikalau betul rosak. Pasal ada satu kes, dia *defect manufacturer*, kita hantar balik pada dia untuk dia buat...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Maknanya *maintenance* tanggungjawab bombalah?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *In house*. Okey Tuan Pengerusi, 24 unit, 92 unit, jumlah 116 unit. Sekarang ini berapa unit beroperasi daripada 116 unit itu?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Ia ada dua isu, Tuan Pengerusi. Satu, bila kita bawa alat tersebut kita hendak pasang di kenderaan, pada masa itu kita tengok semua kenderaan yang kurang daripada 10 tahun kita pasang alat itu. Sekarang ini tahun 2013, maknanya kereta itu sudah tua. Kereta itu yang kita hendak kondem. Esok kalau alat itu kita hendak guna, sepatutnya bolehlah dibawa kepada kenderaan baru.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Maknanya 116 ini semua beroperasi?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Dia punya kenderaan kereta tidak beroperasi sekarang ini, alat *still* boleh dioperasi.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Oh! Alat boleh beroperasi.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Ha! Kereta sudah tua sudah. Sudah 15 tahun. Jadi, kita terpaksa menggunakan alat itu untuk ditempatkan di kenderaan yang lain.

**Tuan Pengerusi:** Masalah kereta usang ini, hari itu saya dengan Ketua Polis Negara pun dia *complaint* sebab kereta polis sudah lama. Semalam dengan FINAS pun dia *complaint* kereta sudah lama. Sekarang ini Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan pun *complaint* kereta sudah lama. Cuma saya hendak tanya macam inilah. Jadi kalau beli kereta baru, alat ini boleh dipindahkanlah?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Boleh dipindahkan.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi untuk letak sebagai peralatan sampinganlah.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Cuma ada isu lain, Tuan Pengerusi. Bila kita hendak pindah ke kenderaan baru, *that means* dia sudah ada *hose reel* biasalah. Itu isu. Maksudnya kita kena buat satu *hose reel*.

**Tuan Pengerusi:** ...Kita hendak buat pengubahsuaian yang baru pula, yang luar daripada *spec* biasa yang bomba ada.

Jadi ini memang satu perkara yang saya rasa merupakan perolehan yang luar biasa, yang perlu juga dijelaskan dalam Laporan Audit Negara. Jadi, saya minta Kementerian Kewangan kalau ada apa-apa maklumat mengenai proses dalaman yang digunakan untuk menentukan bagaimana rundingan terus ini dibuat, apa-apa penilaian pada syarikat dan sebagainya, kalau boleh bagilah maklumat itu kepada PAC lah. Soal daripada bomba, penilaian tidak dibuat kepada syarikat yang membekal, dibuat ke atas prinsipal sahaja. Peraturan syarikat, prinsipal syarikat yang *supplier*.

Akan tetapi dalam masa yang sama juga, hal *maintenance* dan sebagainya patutnya diserahkan kepada syarikat yang berkenaan tetapi nampaknya bomba sendiri yang mengambil alihlah. Harga yang dirundingkan itu adakah harga tersebut berpatutan?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Saya balik awal balik semasa itu. Strategi harga kita, kita sudah turun harga. Memang kita minta harga yang ikut *survey* kitalah dalam *range* dia. Akan tetapi isunya, bila ada pemasangan, dipasang di Sabah, di Sarawak, kos untuk pemasangan itu, ada sedikit turun naik. Harga *equipment* itu memang ada dalam *range* dia.

**Tuan Pengerusi:** Harga *equipment* ikut *recommended price* yang- ada dibuat perbandingan dengan negara lainlah?

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Sebab alat ini dari Sweden dan kita *check* daripada tempat...

**Tuan Pengerusi:** *At least* perbandingan harga *equipment* itu telah dibuat. Cumanya perbezaan harga itu hanya timbul dari segi bila pemasangan dan sebagainya. Banyak beza dia? Adakah melebihi harga barang?... [Ketawa]

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Kenaikan dia dalam 5% hingga 8% sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Berpatutanlah kos untuk memasang dan sebagainya, 5% hingga 8%? Itu kenyataan daripada bombalah ya. Okey, Ahli-ahli semua puas? Okey. Jadi, saya ucapkan terima kasihlah kepada Dato' kerana sudi untuk datang memberikan keterangan kepada kita.

**Dato' Mahadi Md. Ali:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi PAC kerana sudi mendengar penerangan kita.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]* Kita sedia menerima penerangan daripada mana-mana pihak. Kita hendak adil kepada pihak kerajaan dan juga kepada rakyat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tidak pernah ada kes jabatan tolak peruntukan yang kementerian bagi, dua kali surat tolak, dapat juga lagi.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]* Because kes unik sebab itu kita panggil. Okey, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Seri Arpah kerana sudi...

**Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, untuk kali keduanya saya pun hendak mengucapkan ribuan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]* Okey, *thank you Dato'.*

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.41 petang]***







# DOKUMEN PEMBENTANGAN



**TAKLIMAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KEPADA  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**PENEMUAN  
LAPORAN  
KETUA AUDIT  
NEGARA 2012  
SIRI 2  
PROJEK LOJI  
INSINERATOR**


**CAMERON HIGHLANDS**



**PULAU PANGKOR**



**PULAU TIOMAN**



**PULAU LANGKAWI**



# ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



**ISU-ISU UTAMA**

**(4)**

**ISU-ISU LAIN**

**(15)**

# ISU-ISU UTAMA (1)

## PRESTASI PROJEK PEMBINAAN LOJI INSINERATOR

### PENEMUAN AUDIT

3 loji insinerator yang telah disiapkan mengalami kelewatan pengoperasian

PULAU PANGKOR

Beroperasi sepenuhnya sejak 4 April 2012

STATUS TERKINI

PULAU LANGKAWI

Operator telah dilantik pada 1 Ogos 2013 dan akan beroperasi pada 15 Disember 2013

CAMERON HIGHLANDS

Surat kelulusan pelantikan daripada Kementerian Kewangan telah diperolehi pada 12 November 2013.

# ISU-ISU UTAMA (2)

PROJEK PENAMBAHBAIKAN TOP WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

*Material Off-site*

**PENEMUAN AUDIT**

Pembayaran *material off-site* berjumlah RM5.07 juta yang dibuat tanpa sokongan resit atau dokumen sokongan.



Pembayaran untuk *material off-site* adalah seragam bagi semua projek insinerator bermula daripada Pulau Langkaw. Pembayaran untuk *material off-site* telah diperuntukkan dalam klausa 50.3 syarat-syarat kontrak melalui Addendum No. 1



Kaedah pembayaran bagi *material off-site* telah diperincikan melalui Jadual Pembayaran yang dikeluarkan. Berdasarkan jadual pembayaran, bayaran peringkat pertama untuk *material off-site* hanyalah memerlukan dokumen Purchase Order sahaja dan tidak memerlukan resit bayaran atau dokumen sokongan yang lain dan juga tidak memerlukan pengesahan fizikal

# ISU-ISU UTAMA (3)

PENGUJIAN DAN PENTAULIAHAN (T&C) TIDAK DIURUSKAN DENGAN TERATUR  
– TEMPOH PELAKSANAAN T&C TIDAK MENCUKUPI

## PENEMUAN AUDIT

Semakan Audit mendapati laporan T&C yang disediakan hanya untuk tempoh 5 hari sahaja yang dihadiri oleh pihak KPKT dan tiada bukti kontraktor telah menjalankan baki tempoh T&C seperti yang telah diarahkan.

Berdasarkan syarat-syarat Kontrak Reka dan Bina Edisi 2002 Klausa 47 (m/s 44), tempoh pelaksanaan T&C tidak dinyatakan. Tempoh 23 hari yang dinyatakan dalam Critical Path Method sebagai perancangan kontraktor dalam melaksanakan projek dan bukan sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

# ISU-ISU UTAMA (4)

## 15.5.3.3.b- KELULUSAN PENGUJIAN DAN PENTAULIAHAN TIDAK TERATUR

### PENEMUAN AUDIT

Semakan Audit terhadap laporan T&C bagi 3 projek iaitu Loji Insinerator Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan Cameron Highlands mendapati berlaku beberapa ketidakpatuhan namun T&C diluluskan dan tiada bukti menunjukkan T&C secara keseluruhan dilakukan sekali lagi bagi membuktikan keseluruhan sistem mampu berfungsi seperti yang ditetapkan sebelum CPC dikeluarkan.



Tidak berlaku ketidakpatuhan semasa T&C dijalankan. Walaubagaimanapun, hasil daripada Pengujian dan Pentaualihan adalah bergantung kepada Waste Input Study seperti yang termaktub di dalam kontrak Part 6.4, Appendix 4, Contractor's Proposal, Key Project Parameter, "In the event the final and accepted waste study indicates a different waste specification, a review on furnace dimensions and geometries shall be accordingly done with the same plant waste disposal throughput".

### Waste Input Assumption:

	Kontrak
HHV (As Received)	1,300 Kcal/kg
Average Moisture	60%(±10) : 54% - 66%

	T&C
	1,094 Kcal/kg
	68.16%



# ISU-ISU LAIN (1)

## PRESTASI PROJEK PEMBINAAN LOJI INSINERATOR PENEMUAN AUDIT

Projek pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor masing-masing disediakan 104 hari dan 46 hari selepas tempoh lanjutan masa yang diluluskan. Loji Insinerator Pulau Tioman masih belum disediakan walaupun tempoh lanjutan masa yang diluluskan telah tamat pada 10 Jun 2012 iaitu kelewatan selama 330 hari.

Pulau Langkawi

EOT - 3 KALI  
(JUMLAH 693 HARI)

Pulau Pangkor

EOT - 2 KALI  
(JUMLAH 106 HARI)

Pulau Tioman

EOT- 3 KALI  
(JUMLAH 666 HARI)

# ISU-ISU LAIN (2)

## PRESTASI KEWANGAN PROJEK

### PENEMUAN AUDIT

Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012, JPSPN hanya membelanjakan sejumlah RM199.09 juta iaitu 59% daripada keseluruhan peruntukan yang diterima

Pembayaran pembangunan projek adalah berdasarkan kepada fasa pembangunan projek (bayaran interim) di mana pembayaran hanya dibuat setelah kerja-kerja disiapkan. Dalam hal ini, kerja-kerja tidak dapat disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dan pembayaran tidak dapat dilakukan

# ISU-ISU LAIN (3)

## LOJI INSINERATOR TIDAK BEROPERASI SECARA AUTOGENOUS

### PENEMUAN AUDIT

Loji insinerator tidak dapat beroperasi secara *autogenous* kerana suhu *primary chamber* tidak dapat dikekalkan pada suhu operasi minimum 850° C semasa sesi T&C

Pembakaran secara *autogenous* berlaku kerana semasa T&C disebabkan kualiti sisa pepejal iaitu *calorific value* dan *moisture content* tidak memenuhi parameter yang ditetapkan. Dalam konteks sistem insinerator, pembakaran *autogenous* akan berlaku apabila semua parameter kualiti sampah dapat dipenuhi.

Usaha-usaha memastikan CV sisa pepejal dinaikkan dan kandungan kelembapan direndahkan akan dibuat supaya pembakaran secara *autogenous* dapat berlaku bagi menjimatkan penggunaan bahan bakar tambahan. Pemantauan secara menyeluruh akan dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi memastikan kontraktor mematuhi syarat suhu dan kualiti udara yang ditetapkan oleh JAS.

# ISU-ISU LAIN (4)

## LOJI INSINERATOR TIDAK MENCAPAI SUHU YANG DITETAPKAN

### PENEMUAN AUDIT

Semakan Audit terhadap laporan siasatan penguatkuasaan yang dijalankan pada 12 Julai 2012 oleh JAS Negeri Perak terhadap operasi Loji Insinerator Pulau Pangkor mendapati ia telah gagal mematuhi syarat EIA untuk beroperasi pada julat suhu yang ditetapkan dan hanya beroperasi pada suhu 650° C.

Pihak Kementerian tidak pasti suhu 650° c diambil pada masa operasi atau start up. Sekiranya ia diambil pada tahap start up, suhu tersebut adalah betul. Walau bagaimanapun, semasa beroperasi ia akan meningkat kepada 850° c sama ada menerusi tambahan bahan bakar diesel atau secara operasi autogenous.

### STATUS TERKINI

Loji kini beroperasi pada tahap 850° c seperti yang ditetapkan

# ISU-ISU LAIN (5)

## Kajian Waste Characteristics Study

### PENEMUAN AUDIT

*Waste Characteristic Study* bagi 4 lokasi iaitu Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Cameron Highlands dan Pulau Tioman mendapati tempoh kajian pengelasan sisa pepejal dibuat bagi tempoh 7 hari sahaja.


Pada prinsipnya, Kementerian berpandangan bagi kajian pengelasan sisa pepejal, tempoh 7 hari adalah memadai dan keputusan yang diperolehi adalah mencukupi bagi maksud merekabentuk loji insinerator.

# ISU-ISU LAIN (6)

LOJI INSINERATOR TIDAK MENGHASILKAN OUTPUT PADA  
KADAR YANG DITETAPKAN

## PENEMUAN AUDIT

Proses pembakaran tidak  
berjaya menghasilkan output  
(bottom ash) pada kadar 6%



Kementerian akan mengenakan penalti kepada pihak kontraktor atas kesilapan fakta dalam cadangan kontraktor pada peringkat rekabentuk mengenai output (bottom ash) sebanyak 6% semasa penutupan akaun projek

# ISU-ISU LAIN (7)

## KELEMAHAN DALAM SYARAT KONTRAK

### PENEMUAN AUDIT

Pembayaran kos operasi tidak berdasarkan kepada pencapaian KPI yang ditetapkan



Pembayaran kos operasi sememangnya tidak merangkumi pencapaian KPI tetapi ia berdasarkan kepada komponen seperti kos gaji pekerja, spare parts dan penyelenggaraan, kos utiliti, kos penggunaan bahan kimia dan bahan pakai buang, kos pelupusan serta kos pematuhan kepada pihak ketiga.

Pencapaian KPI telah diperuntukkan dalam seksyen pematuhan di mana penalti sebanyak RM1000 akan dikenakan terhadap sebarang ketidakpatuhan.

Perincian terhadap kos penyenggaraan tidak dinyatakan.



Kos bagi penyenggaraan adalah dibuat secara lump sum dengan mengambil kira semua komponen-komponen peralatan loji dan kekerapan penggantian alat-alat tersebut.

# ISU-ISU LAIN (8)

MANUAL OPERASI DAN PENYELenggaraAN LOJI BELUM DISEDIAKAN

## PENEMUAN AUDIT

Manual Operasi dan Penyelenggaraan Loji yang lengkap dan menyeluruh masih belum disediakan oleh pihak JPSPN mahupun operator iaitu XCNT

Manual operasi dan penyelenggaraan telah disediakan secara berasingan iaitu mengikut komponen-komponen. Walau bagaimanapun SOP bagi maksud operasi dan penyelenggaraan telah pun disediakan oleh pihak kontraktor dan telah dikemukakan pada 23 Julai 2013.

(Tidak ada peruntukan mengenai kaedah Manual operasi disediakan dalam kontrak)



# ISU-ISU LAIN (9)

## BAYARAN OPERASI DAN PENYENGGARAAN LOJI TIDAK TERATUR

### PENEMUJUAN AUDIT

Berlaku lebih bayaran sejumlah RM31,714 berbanding dengan jadual pengiraan yang disediakan oleh JPSPN berjumlah RM0.63 juta. Selain itu, sejumlah RM208,928 telah dibayar bagi penggunaan elektrik, diesel dan *chemicals* serta penyenggaraan tanpa disokong oleh bil/dokumen sebenar.

Penyelarasan sebanyak RM31,713.77 telah pun dibuat dan dituntut semula daripada kontraktor pada 27 Disember 2012

Bayaran bagi penggunaan elektrik, diesel dan *chemicals* dibuat secara *lump sum* seperti dalam kontrak

# ISU-ISU LAIN (10)

KUALITI PEMBINAAN LOJI INISINERATOR- KELEMAHAN  
DALAM PEMILIHAN REKA BENTUK

## PENEMUAN AUDIT

Penggunaan *standby* line tidak diperlukan kerana tidak digunakan secara optimum

– Singapura sebagai contoh



Kementerian memutuskan adalah wajar pendekatan membina *double operation* line diambil dengan satu line sebagai *standby* kerana sekiranya berlaku *breakdown* atau semasa penyelenggaraan dibuat pada satu line, sisa pepejal dapat terus dibakar tanpa sebarang gangguan. Perkara ini dapat mengelakkan longgokan sampah diloji.

# ISU-ISU LAIN (11)

15.5.3.2 – SYARAT PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM  
SEKELILING TIDAK DIPATUHI

**PENEMUAN AUDIT**

**Syarat DEIA  
yang telah  
ditetapkan  
tidak dipatuhi**



## MAKLUM BALAS AUDITI

SYARAT DEIA	STATUS TERKINI
Pemasangan Continuous Emission Monitoring System (CEMS)	CEMS telah dipasang dan telah disambungkan ke JAS Negeri Perak dan peralatan tersebut berfungsi dengan baik. JAS Negeri Perak telah memberi pengesahan data pemantauan pelepasan asap dan gas telah diterima didalam Server Sistem Penguatkuasaan dan Pemantauan JAS Negeri Perak pada 2 Mei 2013.
Sistem Kawalan Pengaliran Leachate	Penambahbaikan telah dilaksanakan oleh kontraktor pada 26 Februari 2013.
Seni Landskap Berciri Estetik bagi mengurangkan Impak Visual	Kerja-kerja penanaman pokok bagi kerja-kerja landskap di loji insinerator telah siap dilaksanakan oleh pihak kontraktor 6 Jun 2013.
Ujian Toxicity Characteristic Leaching Procedure (TCLP)	XCNT dalam proses membuat permohonan di bawah Peraturan 7, Buangan Terjadual 2005 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Ujian TCLP bagi bottom ash dan fly ash telah dijalankan dan Permohonan Untuk Pengurusan Khas Bahan Buangan Terjadual di Bawah Peraturan 7 telah dikemukakan ke JAS pada 20 Mac 2013 dan masih berada dalam tindakan JAS.

# ISU-ISU LAIN (12)

## KUALITI PEMBINAAN KURANG MEMUASKAN

### PENEMUAN AUDIT

Loji Insinerator Pulau Pangkor dan Loji Insinerator Cameron Highlands mendapati beberapa komponen, kemudahan dan struktur telah berkarat, rosak dan tidak berfungsi seperti mana yang sepatutnya

Kerosakan terhadap peralatan telah diperbaiki. Bagi isu keretakan, KPKT sedia maklum bahawa pemendapan akan berlaku disebabkan oleh tapak projek merupakan bekas tapak pelupusan yang mengandungi sisa pepejal sedalam 4 hingga 9 meter melebihi paras tanah. Bagi mengelakkan keadaan ini, kontraktor telah mencadangkan penggunaan cerucuk dengan anggaran kos RM1.98 juta. Namun Mesyuarat Penyelarasan Projek-projek Pembinaan Insinerator tidak bersetuju untuk menggunakan cerucuk kerana kos baik pulih struktur dijangka lebih murah.

### PENAMBAHBAIKAN

- *Flexible seal* akan diselenggara dengan baik oleh operator menurut *Manual SOP* dari masa semasa secara berkala;
- Kerja-kerja mengecat pada komponen yang mengalami karat;
- Kerja-kerja pembaikan kerosakan telah dibuat dalam tempoh tanggungan kecacatan (*Defects liability period*);
- Kerja-kerja *cement grouting* di bawah *concrete apron*;
- Pembaikan bagi kerja-kerja sivil (*Civil works*); dan
- Pembaikan bagi kerja-kerja elektrik dan mekanikal (*M&E works*)<sup>18</sup>

# ISU-ISU LAIN (13)




FASILITI/PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN DI LOJI INSINERATOR YANG SIAP DIBINA

## PENEMUAN AUDIT

Ash storage bin tidak digunakan dan hanya disimpan serta telah berkarat



Tidak berlaku pembaziran kerana reka bentuk ash storage bin telah diubah suai dan digunakan pada masa ini tanpa melibatkan sebarang peruntukan tambahan kepada pihak Kerajaan



# ISU-ISU LAIN (14)

PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

## PENEMUAN AUDIT

Masih ada beberapa kelemahan pengurusan dan penjagaan aspek keselamatan di loji insinerator

- Dasar keselamatan pekerjaan telah diwujudkan oleh operator dan telah dipaparkan dalam bangunan loji insinerator.
- Bagi mengurangkan kesan suhu yang tinggi kepada pekerja, kawasan zon panas telah ditandakan.
- Pihak operator telah melantik perunding bagi menjalankan *Hazard Identification Risk Assessment and Risk Control* (HIRARC) dan Prosedur Kerja Selamat (SOP) juga telah disediakan pada bulan Mac 2013.

# ISU-ISU LAIN (15)

## AKTA KILANG DAN JENTERA 1967 TIDAK DIPATUHI

### PENEMUAN AUDIT

Kebenaran pengendalian jentera serta sijil perakuan kelayakan bagi menggunakan jentera masih belum diperolehi bagi 3 daripada 4 loji iaitu loji insinerator di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan Cameron Highlands.

Kebenaran pengendalian jentera serta sijil perakuan kelayakan bagi Loji Insinerator Pulau Pangkor telah diperolehi oleh operator daripada JKPP pada 25 Mac 2013. Bagaimanapun bagi lokasi yang lain, kebenaran akan diperolehi apabila loji beroperasi.

*Sekian*

*Terima Kasih*





## **KRONOLOGI PENGOPERASIAN LOJI INSINERATOR DI PULAU PANGKOR**

- **CPC diperolehi pada 6 Januari 2011.**
- **Permohonan pelantikan XCNT sebagai operator dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 31 Mac 2011.**
- **Kelulusan Kementerian Kewangan diperolehi pada 15 April 2011.**
- **Strategi dan TOR rundingan harga diluluskan pada 26 April 2011.**
- **Rundingan harga dilaksanakan sebanyak 4 kali (12 Ogos hingga 23 Disember 2011).**
- **SST dikeluarkan 11 Januari 2012.**

## **KRONOLOGI PENGOPERASIAN LOJI INSINERATOR DI PULAU LANGKAWI**

- Mesyuarat rundingan harga dibuat sebanyak 3 kali ( 5 Jun 2012 sehingga 12 Disember 2012).
- Dikemukakan kepada Lembaga Perolehan A pada 17 Januari 2013.
- Mesyuarat Lembaga Perolehan A pada 13 Februari 2013.
- Dikemukakan untuk kelulusan Kementerian Kewangan pada 14 Mac 2013.
- Kelulusan Kementerian Kewangan diterima pada 30 Julai 2013.

# **KRONOLOGI PENGOPERASIAN LOJI INSINERATOR DI CAMERON HIGHLANDS**

- Kelulusan KSU melantik Sumur Mutiara Sdn Bhd (25 Januari 2012)
- Dikemukakan untuk kelulusan Kementerian Kewangan (27 Februari 2012)
- Kementerian Kewangan tidak meluluskan pelantikan Sumur Mutiara Sdn Bhd (26 Mac 2012)
- Rayuan Sumur Mutiara kepada Kementerian Kewangan (12 April 2012)
- Kementerian Kewangan meluluskan pelantikan Sumur Mutiara Sdn Bhd sepanjang DLP sahaja (29 Mei 2012)
- Permohonan pelanjutan tempoh operasi kepada Kementerian Kewangan (29 Jun 2012)
- Kelulusan Kementerian Kewangan di mana tempoh pelanjutan dilanjutkan kepada 2 tahun dari tarikh SST (6 Ogos 2012)
- Rayuan JPSPN kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan semula tempoh operasi sepanjang tempoh DLP sahaja dan diberikan 2 tahun selepas SST (16 Ogos 2012)
- Kementerian Kewangan bersetuju untuk memberikan 2 tahun selepas SST ( 1 Oktober 2012)
- Persediaan rundingan harga (Januari hingga April 2013)
- Rundingan harga dilaksanakan pada 3 Mei 2013
- Dikemukakan untuk kelulusan Kementerian Kewangan pada 20 September 2013
- Surat kelulusan Kementerian Kewangan diterima pada 12 November 2013



# MAKLUMAT PELANJUTAN MASA

## INSINERATOR PULAU LANGKAWI

- EOT PERTAMA – 244 HARI
- EOT KEDUA – 214 HARI
- EOT KETIGA 235 HARI
  
- DIKENAKAN LAD – 104 HARI X RM 12,654.00 =  
**RM1,316,016.00**



# MAKLUMAT PELANJUTAN MASA

## INSINERATOR PULAU TIOMAN

- EOT PERTAMA – 326 HARI
- EOT KEDUA – 178 HARI
- EOT KETIGA 162 HARI
  
- DIKENAKAN LAD DARI 11 JUN 2012 HINGGA 29  
NOVEMBER 2013 :  
– 537 HARI X RM 4,218.00 =  
**RM2,265,066.00**

# MAKLUMAT PELANJUTAN MASA

## INSINERATOR PULAU PANGKOR

- EOT PERTAMA – 40 HARI
- EOT KEDUA – 66 HARI
- DIKENAKAN LAD – 46 HARI X RM 3,762.25 =  
**RM 173,068.10**

# ISU-ISU UTAMA (4)

## **Julat Suhu:**

Julat suhu semasa T&C adalah mengikut kepada spesifikasi yang ditetapkan iaitu antara 850° C hingga 1000° C. Penemuan audit terhadap ketidakpatuhan julat suhu berlaku semasa T&C pertama dijalankan dan ianya adalah T&C yang tidak diluluskan. T&C kedua telah dilakukan semula dan julat suhu menepati syarat yang ditetapkan dan diluluskan.

## **Bottom Ash:**

Berat 'Bottom Ash' yang ditetapkan di dalam kontrak adalah sebanyak 6%. Kontraktor tidak mencapai spesifikasi yang ditetapkan di mana hanya mencapai sebanyak purata dari 14.61% - 16%. Peratus bottom ash yang dicapai oleh kontraktor memenuhi piawaian antarabangsa dan boleh diterima berdasarkan pada kriteria sampah (CV) yang dibakar. Walau bagaimanapun, penalti akan dikenakan kepada kontraktor memandangkan peratus bottom seperti yang terdapat dalam kontrak adalah mustahil untuk dicapai dan berlaku kesilapan fakta berdasarkan kepada standard yang diguna pakai di peringkat antarabangsa.

## **Jumlah Pembakaran Sampah:**

Bagi Insinerator Pulau Pangkor dan Cameron Highland, jumlah pembakaran sampah mencapai spesifikasi yang ditetapkan. Insinerator Pulau Langkawi tidak dapat mencapai jumlah sisa pepejal yang sepatutnya dibakar dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 100ton/day. Kontraktor hanya mencapai 88tan/day bagi line A dan 96tan/day bagi line B. Jumlah pembakaran sampah tidak dapat dicapai disebabkan oleh CV dan 'Moisture Content' tidak memenuhi keperluan kontrak.

**Gambar-gambar sebelum dan selepas pembaikan:**




**Sebelum**



**Selepas**




**Sebelum**



**Selepas**



**Sebelum**



**Selepas**





**TAKLIMAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN  
BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN KEPADA JAWATANKUASA KIRA-  
KIRA WANG NEGARA  
23 JANUARI 2014**

**PENEMUAN LAPORAN KETUA AUDIT  
NEGARA 2012 SIRI 2 PROJEK LOJI  
INSINERATOR**

**TEGURAN/SOALAN YANG DITIMBULKAN  
PADA 3 DISEMBER 2013**

# TEGURAN BAHAWA TEKNOLOGI YANG DIPILIH TIDAK SESUAI

Laporan Kajian Pakar-pakar dari UiTM (Prof. Madya Dr. Sharifah Aishah Bt. Syed Abdul Kader, Prof. Madya Dr. Ku Halim dan Prof. Madya Muhammad Rosli Sulaiman, Fakulti Kejuruteraan Kimia) berdasarkan kepada loji R&D yang siap dibina oleh XCNT di Kampus Shah Alam pada 2004 berpandangan:

- Government to seriously consider the use of the technology indigenously developed by XCNT;
- Ability of XCNT technology to burn solid waste at high moisture content and low calorific value;
- Recognised XCNT's technology a major breakthrough in solid waste combustion technology

## **KEPUTUSAN MESYUARAT-MESYUARAT BERKAITAN KELULUSAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI XCNT**

- **JAWATAN KUASA PENILAIAN TEKNOLOGI PENGURUSAN SISA PEPEJAL KEBANGSAAN (JKPTPSPK) pada 27.7.2006 (Bil. 2/2006)**
  - Berpandangan XCNT yang membangunkan teknologi tempatan wajar di beri peluang dalam pelaksanaan projek-projek insinerator bersaiz kecil yang dirancang oleh Kerajaan pada masa hadapan
- **JKPPAS pada 21 Ogos 2006 (Bil. 2/2006)**
  - Bersetuju secara beryarat bergantung kepada cadangan terperinci berkaitan teknologi dan model kewangan
- **Mesyuarat JKPTPSPK pada 28.2.2007 (Bil. 1/2007)**
  - Terima cadangan XCNT kerana ia merupakan teknologi tempatan yang telah terbukti. Teknologi ini telah diputuskan untuk diguna pakai di Pulau Langkawi, Cameron Highlands, Pulau Tioman dan Pulau Pangkor
- **JKPPAS pada 12 Jun 2007 (Bil. 1/2007)**
  - Mengambil maklum dengan keputusan Mesyuarat JKPTPSPK pada 28.2.2007 (Bil 1/2007) tersebut.

# AHLI JAWATANKUASA

## PENILAIAN TEKNOLOGI PSP KEBANGSAAN

- **Pengerusi**
  - YBhg. Dato' Ahmad Fuad B. Ismail (KSU, KPKT)
- **Ahli:-**
  - YBhg. Dato' Hj Anwar B. Hj. Abd. Rahman (TKSU, KPKT)
  - Pn. Siti Salmah Bt. Mohd. Nor (Penasihah, KPKT)
  - YBhg. Datin Arpah Bt. Abdul Razak (KP, JKT, KPKT)
  - Pn. Tan Choo Lan (TKP II, JKT, KPKT)
  - En. Abdul Nasir B. Abdul Aziz (Pengarah, Bhg. Kejuruteraan, JKT)
  - Pn. Bariah Bt. Bakri (PP, Bhg. Kejuruteraan, JKT)
  - Pn. Azila Bt. Ahmad (KPP, Unit Implementasi Projek, JKT)
  - En. Ahmad Husni B. Hussain (Seksyen Penswastaan, ICU)
  - Pn. Salwani Bt. Ismail (Seksyen Perkhidmatan Sosial, EPU)
  - En. Muhd. Salimi B. Sajari (Bhg. Pelaburan, MOF)
  - En. Mohd Khir B. Mohd Yusof (Bhg. Kewangan, KPKT)
  - Dr. Nadzri B. Yahaya (NRE)
  - En. Che Kodir B. Baharom (NRE)
  - Pn. Halimah Bt. Hassan (JAS)

# **AHLI JAWATANKUASA**

## **PENILAIAN TEKNOLOGI PSP KEBANGSAAN...sambungan**

- **Ahli:-**
  - Pn. Vene Amylinda Bt. MD. Pilus (KKM)
  - En. Wong Tin Song (Kem. Tenaga, Air & Komunikasi)
  - En. Mohd. Hairol B. Abd. Latip ((Kem. Tenaga, Air & Komunikasi)
  - Dr. Ibrahim B. Abu Ahmad (Kem. Sains, Tech. & Inovasi)
  - Dr. Aizi Razman B. Othman (Kem. Wilayah Persekutuan)
  - Tn. Hj. Ashaari B. Othman (Jab. Mekanikal, DBKL)
  - YBhg. Dato' Ir. Dr. M.S. Pillay (TKP Kesihatan, KKM)
  - Dr. Muhd. Noor B. Muhd Yunus (TKP Teknikal, Agensi Nuklear M'sia)
  - Prof. Madya Dr. Mohd. Nasir Hassan (UPM)
  - Prof. Ir. Zaini Ujang (UTM)
  - Prof. Ir. Dr. Abdul Halim Shamsuddin (UKM) )
  - Prof. Dr. P. Agamuthu (UM) )
  - Prof. Madya Dr. Hamidi Abdul Aziz (USM)
  - Prof. Madya Dr. Mohd. Rozainee Taib (UTM)

# TEGURAN PENGURUSAN KONTRAK LEMAH- BAYARAN TIDAK IKUT KONTRAK

- Pembayaran untuk *material off-site* adalah seragam bagi semua projek insinerator bermula daripada Pulau Langkawi. Pembayaran untuk *material off-site* telah diperuntukkan dalam klausa 50.3 syarat-syarat kontrak melalui Addendum No. 1
- Kaedah pembayaran bagi *material off-site* telah diperincikan melalui Jadual Pembayaran yang dikeluarkan. Berdasarkan jadual pembayaran, bayaran peringkat pertama untuk *material off-site* hanyalah memerlukan dokumen Purchase Order sahaja dan tidak memerlukan resit bayaran atau dokumen sokongan yang lain dan juga tidak memerlukan pengesahan fizikal

## **TEGURAN TENTANG PEMBERIAN EOT OLEH KPKT**

1. JK EOT dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa (SO) berdasarkan Surat Pekeliling JKR SAKPKR 10/2011
2. Perkara-perkara yang dipertimbangkan dan diluluskan oleh JK EOT
  - i. Terdapatnya garis panduan baru oleh JAS ketika pembinaan sedang berjalan iaitu keperluan menjalankan Penilaian Ekonomi menyebabkan kontraktor memerlukan tambahan masa.
  - ii. Kuantiti sampah yang bertambah telah memasuki sempadan tapak dalam tempoh pembinaan.
  - iii. Kerja-kerja perobohan bangunan sedia ada yang sepatutnya dijalankan oleh pihak PBT terpaksa dialihkan sendiri oleh kontraktor.
  - iv. Arahan Perubahan Kerja bagi pembinaan Fasiliti Sementara dan perubahan rekabentuk bangunan pejabat dari satu tingkat kepada dua tingkat.



# **TEGURAN TENTANG PEMBERIAN EOT OLEH KPKT**

## **... *sambungan***

- v. Kelewatan mendapatkan kelulusan meroboh bangunan-bangunan sedia ada di tapak.
- vi. Kelewatan menerima kelulusan kajian Penilaian Terperinci Alam Sekitar (DEIA) – perubahan kepada ketinggian cerobong di Tioman
- vii. Kelewatan mendapat kelulusan merancang dari PBT.
- viii. Kelewatan penerimaan bekalan tenaga elektrik daripada TNB dan penerimaan talian telefon daripada Telekom.

# **TEGURAN TENTANG PEMBERIAN EOT OLEH KPKT ... *sambungan***

Permohonan EOT yang tidak diluluskan dikenakan LAD:

**Pulau Pangkor: RM 173,068.10**

**Pulau Langkawi : RM1,316,016.00**

**Pulau Tioman : RM2,265,066.00**

## **TEGURAN MENGENAI RAYUAN KPKT UNTUK BERI KONTRAK BINA INSINERATOR DI LABUAN KEPADA XCNT**

Pembinaan Secara Rundingan Terus untuk pembinaan insinerator di BUKIT KALAM, Labuan telah dibatalkan oleh Kementerian Kewangan dan ia akan dilaksanakan secara tender terbuka

## **TEGURAN BAHAWA PENGURUSAN OPERASI – LEMAH**

**•KPI tertentu telah ditetapkan di dalam kontrak Operasi:-**

- i. Availability of plant to receive contracted solid waste for incineration until disposal throughout the year;
- ii. Maintenance of plant;
- iii. Cleanliness of the plant;
- iv. Through put;
- v. Public relation & responsiveness to public complaints

# TEGURAN BAHAWA PENGURUSAN OPERASI – LEMAH

## ..... *Sambungan*

- Laporan berkala setiap bulan perlu dikemukakan. Laporan tersebut menggariskan perkara berikut:-
  - i. Compliance with DOSH on requirement to Health & safety;
  - ii. Compliance with DOE requirement on effluent discharge, air quality and noise;
  - iii. Reporting and documentation to relevant agencies
  
- **Pemeriksaan berkala/mengejut:-**
  - i. Desk officer akan memantau setiap projek secara berkala dan membuat lawatan mengejut

# PEMATUHAN TERHADAP STANDARD YANG TELAH DITETAPKAN

- Standard pematuhan XCNT mengenai suhu dan pelepasan gas.

Parameter	Unit	DOE Limit	Q3 2012	Q4 2012	Q1 2013	Q2 2013
Sampling Date	-	-	4/7/2012	6/11/2013	2/1/2013	13/5/2013
Particulates	g/Nm <sup>3</sup>	0.05	0.01579	0.0148	0.01240	0.0158
Nitrogen Oxides, NO <sub>x</sub>	g/Nm <sup>3</sup>	0.4	5.00X10 <sup>-5</sup>	3.2X10 <sup>-5</sup>	2.88X10 <sup>-5</sup>	4.52X10 <sup>-5</sup>
Sulphur Dioxides, SO <sub>2</sub>	g/Nm <sup>3</sup>	0.2	<2.63X10 <sup>-5</sup>	<2.63X10 <sup>-5</sup>	<2.63X10 <sup>-5</sup>	<2.63X10 <sup>-5</sup>
Carbon Monoxide, CO	g/Nm <sup>3</sup>	0.125	2.79X10 <sup>-2</sup>	2.0X10 <sup>-2</sup>	2.00X10 <sup>-2</sup>	3.15X10 <sup>-2</sup>
Hydrochloric Acid, HCl	g/Nm <sup>3</sup>	0.1	2.21X10 <sup>-2</sup>	1.77X10 <sup>-2</sup>	2.03X10 <sup>-2</sup>	3.04X10 <sup>-2</sup>
Chlorine Gas, Cl <sub>2</sub>	g/Nm <sup>3</sup>	0.2	<1.10X10 <sup>-2</sup>	3.20X10 <sup>-2</sup>	2.60X10 <sup>-2</sup>	2.20X10 <sup>-2</sup>
Dark Smoke	Ringlemann Chart	Less than R. Chart No. 1	0	0	0	0
Dioxin *	ng/Nm <sup>3</sup>	0.1	0.01129	-	-	-

\* Annual Monitoring

Comply	Does Not Comply
--------	-----------------

# TEGURAN INSINERATOR TIDAK BEROPERASI

Bil	Insinerator	Tarikh LOA	Tarikh Operasi
1	Pangkor	11.1. 2012	1.4.2012
2	Langkawi	1.8.2013	15.12.2013
3	Cameron Highland	15.11.2013	31.12.2014
4	Tioman	Belum Diberi	-

# TEGURAN MENGENAI BAHAN BERBAHAYA DAN TOKSIK AKAN DIPROSES OLEH INSINERATOR

- **Bagaimana XCNT pastikan bahan sedemikian tidak masuk kedalam insinerator**
  - Kontrak operasi mesyaratkan supaya pihak operator melakukan kerja-kerja pengasingan sisa berbahaya dan toksik dari sisa domestik sebelum ianya dibakar
  - Proses kerja-kerja pengasingan tersebut dijalankan secara manual dan automatik
  - Bahan-bahan logam diasingkan secara magnetic separator
  - Seorang pekerja am ditugaskan di bawah trommel bagi memantau proses pengasingan sisa pepejal.
- Rujuk Gambar



# GAMBAR PROSES




Sisa pepejal diterima di tipping floor digemburkan sebelum dimasukkan ke dalam conveyor



Pengumpulan sisa pepejal yang boleh dikitar semula

Sisa pepejal yang boleh dikitar dan tidak boleh dibakar diasingkan secara manual



Sisa pepejal yang boleh dikitar dan tidak boleh dibakar diasingkan secara automatik

Tong yang digunakan untuk pengumpulan sisa yang diasingkan

# **TEGURAN BAHAWA PAC BIMBANG PERKARA-PERKARA SAMPA AKAN BERULANG KEPADA INSINERATOR YANG AKAN DI BINA**

## **LANGKAH-LANGKAH MITIGASI**

- Pembinaan Waste to energy plant – melalui tender terbuka antarabangsa bagi mendapatkan teknologi terkini, terbukti, mesra alam dan kos efektif
- Tiga fasa : Pre Qualification; Request for Proposal dan Best Available Financial Officer (BAFO)
- Pengetahuan dan Pengalaman dalam teknologi, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan menjadi satu keperluan
- Pembinaan adalah secara PPP/PFI – pembayaran secara tipping fees hanya akan dilakukan apabila loji lulus T & C dan sah beroperasi mengikut spesifikasi

## **TEGURAN BAHAWA PAC BIMBANG PERKARA-PERKARA SAMA AKAN BERULANG KEPADA INSINERATOR YANG AKAN DI BINA**

- Mesti mematuhi semua standard pelepasan yang telah ditetapkan oleh JAS
- Debu (ash) yang dikeluarkan Mematuhi Toxicity Characteristic Leaching Property (TCLP)
- Mesti mematuhi semua syarat DEIA

# TERIMA KASIH



